



اَوْنِيُورْسِيْتِي تِيْكْنُولُوجِي مَارَا

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN

SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA ENCIK MOHAMAD NAHARI
BIN KAMDANI, KARYAWAN FOTOGRAFI MENGENAI LATAR
BELAKANG DAN CABARAN HIDUP SEBAGAI SEORANG
LEGENDA JURUGAMBAR**

NATASHA BINTI MESRI
(2020477076)

NORZALINA A/P ROZLAN
(2020872316)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI

2022

ISI KANDUNGAN

No.	Butiran	Muka Surat
1	Isi Kandungan	i
2	Penghargaan	ii-iii
3	Abstrak	iv
4	Senarai Abreviasi & Senarai Singkatan	v
5	Rujukan Kata	vi-xii
6	Biodata Penemu Bual 1	1
7	Biodata Penemu Bual 2	2
8	Biodata Tokoh	3
9	Pengenalan	4
10	Kajian Literatur	5-7
11	Transkrip Temu Bual: Bahagian 1	8-34
12	Transkrip Temu Bual: Bahagian 2	35-64
13	Ralat	65
14	Ringkasan	66-67
15	Log Temu Bual	68-78
16	Kesimpulan	79
17	Glosari	80-83
18	Indexs	84
19	Rujukan	85-86
20	Lampiran	87-121
21	Senarai Soalan dan Diari Penyelidikan	122-133

PENGHARGAAN

a بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**“Dengan nama Allah S.W.T, Yang Maha Pemurah, lagi Maha
Penyayang.”**

Syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya, transkrip temu bual ini dapat disiapkan dalam masa yang diberi dan dengan jayanya walaupun negara, Malaysia dilanda krisis COVID-19 yang menyebabkan kesukaran untuk kami berjumpa antara satu sama lain, akan tetapi semuanya berjalan dengan lancar dan dipermudahkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Encik Mohamad Nahari bin Kamdani, tokoh yang telah kami pilih, atas kesudian beliau meluangkan masa serta membantu kami sepanjang proses menyediakan transkrip ini. Encik Mohamad Nahari bin Kamdani atau lebih mesra disapa sebagai Wak Nahar merupakan seorang “legenda jurugambar” kerana telah melibatkan diri dalam bidang fotografi selama 7 abad atau 70 tahun dek kerana minat dan kemahiran beliau dalam bidang ini.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Encik Jafalizan bin Md. Jali, selaku pensyarah kami di atas ketekunan, kesabaran dalam membimbing dan mendidik kami dalam menjayakan tugas ini. Berkat ilmu serta bimbingan beliau kami dapat melakukan tugas ini dengan sempurna dan jayanya. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga kami, terima kasih kerana telah memberi sokongan, nasihat, titipan doa, sokongan mental, fizikal serta menyediakan segala keperluan sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan, Natasha Binti Mesri dan Norzalina a/p Rozlan di atas kerjasama, usaha, idea, sokongan serta tenaga yang telah disumbangkan sepanjang menyiapkan tugas ini. Tanpa kerjasama dari kedua belah pihak, pasti sukar untuk diselesaikan tugas ini

Sesungguhnya, segala pengorbanan dan jasa yang telah disumbangkan, kami hargai, sanjungi serta akan kenang sampai bila-bila. Semoga Yang Maha Kuasa rahmati kita semua.

Sekian, terima kasih

Ikhlas daripada,

Natasha Mesri (2020477076) &

Norzalina Rozlan (2020872316)

ABSTRAK

Fotografi dalam arti kata lain adalah seni atau sesuatu proses penghasilan gambar dan cahaya pada filem. Bidang ini merupakan suatu bidang yang tidak lagi asing dalam kalangan masyarakat di seluruh pelusuk dunia kerana kepentingan nya yang dianggap sebagai talian hayat bagi seseorang. Makalah dengan ini, dirungkaikan kisah seorang Legenda Fotografi yang telah lama melibatkan diri dalam bidang ini iaitu selama 7 abad sehingga hari ini. Beliau adalah Encik Mohamad Nahari Bin Kamdani atau lebih mesra di sapa sebagai Wak Nahar Kamsani, merupakan seorang legenda fotografi yang telah mempelajari serta menguasai bidang ini sejak umurnya belasan tahun. Wak Nahar Kamsani merupakan seorang anak jati kelahiran Perak, berasal dari Bagan Datoh. Memulakan kerjaya dalam bidang fotografi dari negara jiran iaitu Singapura selama 20 tahun dan seterusnya pulang ke Tanah Air, Malaysia untuk menabur bakti dan berkongsi ilmu di sini. Pada hari ini, beliau telah berjaya membangunkan galerinya sendiri yang diberi nama Wak Nahar Gallery. Wak Nahar bukan sahaja berkongsi mengenai latar belakang diri, pengalaman hidup dan pencapaian namun beliau juga berkongsi tentang bagaimana untuk terus kekal relevan dalam bidang ini kepada anak-anak muda. Segala ilmu pengetahuan yang dikongsi, diharapkan dapat membuka mata masyarakat Malaysia untuk mempelajari tentang bidang fotografi serta menghargai tokoh-tokoh tanah air.

Kata Kunci: *legenda, fotografi, latar belakang, pencapaian, pengalaman,*

ABSTRACT

Photography in other words is an art or a process of producing images and light on film. This field is a field that is no longer foreign in communities around the world because of its importance which is considered as a lifeline for a person. The paper with this, explains the story of a Photography Legend who has long been involved in this field for 7 centuries until today. He is Mr. Mohamad Nahari Bin Kamdani or more affectionately known as Wak Nahar Kamsani, is a photography legend who has studied and mastered this field since he was a teenager. Wak Nahar Kamsani is a native of Perak, originally from Bagan Datoh. Started his career in photography from the neighboring country of Singapore for 20 years and then returned to his homeland, Malaysia to sow devotion and share knowledge here. Today, he has successfully developed his own gallery named Wak Nahar Gallery. Wak Nahar not only shared about his personal background, life experiences and achievements, but he also shared about how to continue to remain relevant in this field to young people. All the knowledge shared, is expected to open the eyes of the Malaysian community to learn about the field of photography and appreciate the country's figures.

Keywords: *legend, photography, background, achievements, experience*

SENARAI ABREVIASI

PARFI	Persatuan Artis Film Indonesia
PS	Photography Society of Singapore
4PM	Malay Youth Literary Association
RTS	Radio & Televisyen Singapura
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	United Malays National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
mm	Millimeter

SENARAI SINGKATAN

NME	Natasha Mesri
NRO	Norzalina Rozlan
MNK	Mohamad Nahari Kamdani

RUJUKAN KATA

Perkataan	Maksud
<i>Advertising</i>	Pengiklanan
<i>Assignment-assignment</i>	Tugasan-tugasan
Asyik	Selalu
<i>Amount</i>	Jumlah
<i>Annual Report</i>	Laporan Tahunan
<i>Angle</i>	Sudut
Angkara	Punca
<i>Appointment</i>	Temujanji
<i>Automatically</i>	Secara Automatik
Besok	Esok
Beso	Besar
Beri	Bagi
Berasa Hampa	Kecewa
Bikin	Buat

<i>Book industry</i>	Industri buku
<i>Carry</i>	Bawa
Celum-Celam	Bercelaru, Huru-Hara
Cekik	Menggunakan dengan Kuantiti yang Banyak
<i>Circulation</i>	Peredaran
<i>Compete</i>	Bersaing
<i>Copy</i>	Salinan
<i>Challenge</i>	Cabaran
<i>Challenger</i>	Pencabar
<i>Client</i>	Pelanggan
<i>Collection</i>	Koleksi
<i>Collect</i>	Mengutip atau Mengumpul
<i>Correspondent</i>	Wartawan
<i>Corrupted Mind</i>	Fikiran Rosak
<i>Committed</i>	Komited

<i>Compose</i>	Mengarang
<i>Control</i>	Kawal
<i>Contact</i>	Hubungi
<i>Create</i>	Mencipta
Diaorang	Mereka
<i>Day by day</i>	Hari-ke hari
Depa	Mereka
<i>Develop</i>	Membangunkan
Dengan Basikal	Menaiki Basikal
<i>Editing</i>	Penyuntingan
<i>Embassy</i>	Kedutaan
<i>Established</i>	Ditubuhkan
<i>Even</i>	Walaupun
<i>Expose</i>	Dedahkan
<i>Function</i>	Fungsi

<i>First Man</i>	Lelaki pertama
<i>Fantastic</i>	Hebat
<i>Follow</i>	Ikut
<i>Figure</i>	Angka
Genit-Genit	Cantik-Cantik
<i>Give Up</i>	Putus Asa
Hang	Kau, Kamu
Heran	Hairan
<i>Improve-improve</i>	Bertambah baik
<i>Income</i>	Pendapatan
Itu Je	Itu Sahaja
Karang	Nanti
Kerna	Kerana
Kusang-Kusing	Usaha
<i>Lighting</i>	Pencahayaan

Macam Singa	Garang
<i>Motivate</i>	Memotivasikan
Menganukan	Membolehkan
Mengambik	Mengambil
<i>Model</i>	Peragawati
<i>Magazine-magazine</i>	Majalah-majalah
<i>Marketing</i>	Pemasaran
Malap-malap	Suram
Menengok	Menonton, Melihat
<i>Meeting</i>	Mesyuarat, Perjumpaan
Menetik	Menekan
Mikir	Memikirkan
Mintak	Meminta
<i>Online</i>	Atas Talian
Pahtu	Selepas Itu

<i>Part</i>	Bahagian
<i>Partner</i>	Rakan Kongsi Bisnes
Pasal	Sebab
<i>Photographer</i>	Jurugambar
<i>Photojournalism</i>	Wartawan Foto
<i>Partner</i>	Pasangan
Perabih	Habiskan
<i>Print</i>	Cetakan
<i>Production</i>	Produksi
Pulau	Pinggirkan
<i>Rules</i>	Peraturan
<i>Register</i>	Daftar
<i>Respond</i>	Maklum Balas
Rimau	Harimau
Sape	Siapa

<i>Starting Point</i>	Titik Permulaan
Serampang Dua	Perancangan Lain
Seluk Jiwa	Menyelami Jiwa
Senin	Isnin
Si Polan	Merujuk kepada seseorang
<i>Stereotaip</i>	Penilaian tidak seimbang
<i>Spy</i>	Pengintip
<i>Shooting</i>	Pengambaran
<i>Show</i>	Pertunjukan
<i>Sponsor</i>	Taja
<i>Step-Step</i>	Urutan
<i>Tackle</i>	Dapatkan
Tak Berkenan	Tak Berminat
Takde	Tiada
Tak Mau	Tak Mahu

<i>Test</i>	Cuba
Tipis-Tipis	Nipis
Toksah	Tak Perlu
Tuo-tuo	Tua-tua
<i>Tip-top</i>	Yang terbaik
<i>Up to date</i>	Terkini
<i>Upgrade</i>	Naik taraf
<i>Volumes</i>	Jilid
<i>Wasting</i>	Membazir
<i>You</i>	Awak
Yadak	Betul Tak

1.1 BIODATA PENEMUBUAL

Penemubual Pertama



Nama	Natasha Binti Mesri
Tarikh Lahir	6 Ogos 1999
Alamat Surat Menyurat	
Nama Universiti	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana.
Kursus	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)
No Matrik	2020477076
Bahagian	Semester 5
E-mel	2020477076@student.uitm.edu.my natashabintimesri @gmail.com

1.2 Penemubual Kedua



Nama	Norzalina a/p Rozlan
Tarikh Lahir	17 Januari 1999
Alamat Surat Menyurat	
Nama Universiti	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana.
Kursus	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)
No Matrik	2020872316
Bahagian	Semester 5
E-mel	2020872316@student.uitm.edu.my Inarozlan645@gmail.com

BIODATA TOKOH

1.1 Biodata Tokoh



Nama	Mohamad Nahari Bin Kamdani
Nama Samaran	Wak Nahar Kamsani
Jantina	Lelaki
Bangsa	Melayu
Tarikh Lahir	8 April 1938
Umur	83 tahun
Tempat Lahir	Bagan Datoh, Perak
Alamat Surat Menyurat	Wak Nahar Kamsani, Bagan Datoh, Perak 01600 Bagan Datoh, Perak
Profesion	Karyawan Fotografi dan Pemilik Wak Nahar Gallery
Bilangan Anak	5 orang anak
Tahun Mula Bergiat Aktif	1966 sehingga sekarang

PENGENALAN

Fotografi merupakan satu bidang yang menjadi tunjang utama dalam Malaysia. Fenomena penggunaan fotografi bukan sahaja baru berlaku malah ia telah berlaku telah sejak dahulu zaman kala. Fotografi menjadi satu peranan yang dapat merakam sesuatu peristiwa yang boleh dijadikan satu wadah pernyataan hasrat, perasaan, membawa mesej dan maklumat yang berbeza berdasarkan pemahaman individu. Menurut GilangAjib, 2020 menyatakan bahawa fotografi ia merupakan satu proses penghasilan gambar dan cahaya yang terbentuk pada filem kamera. Sepertimana kita tahu bahawasanya maksud yang dibawa oleh kebanyakan sangat sama ertinya iaitu satu proses yang melukis dengan menggunakan cahaya, tetapi yang paling utama ialah bagaimana cara seseorang itu menangkap gambar dengan lebih kreatif.

Menurut Pixel, 2020 fotografi ia merupakan satu perkataan yang diambil dari Bahasa Inggeris dan Bahasa Yunani iaitu “photos” yang membawa maksud cahaya serta “grafo” pula membawa maksud kepada melukis. Mereka pun mengatakan perkara yang sama iaitu fotografi merupakan satu proses melukis yang dapat dilakukan dengan bantuan media cahaya. Disini ia dapat lihat bahawasanya sangatlah penting bagi seseorang jurugambar itu mempunyai satu imaginasi yang tinggi bagi menghasilkan sekeping gambar.

Foto ialah suatu media yang dapat digunakan oleh sebagai satu media pengajaran ia amat dikenali dalam mana-mana setiap kegiatan. Ada yang mengatakan bahawa foto ini amat membantu dalam proses kegiatan pengajaran kerana pelajar dapat menarik perhatian pelajar kepada isi kandungan subjek yang diajar dan dapat mengembangkan minat pelajar kepada subjek tersebut. Bukan sahaja, dengan penggunaan kegiatan Pendidikan malah ia juga dapat membantu dari bidang ilmu komunikasi.

Menurut IndonesiaPrintMedia, 2012 mengatakan bahawa fotografi dapat membantu untuk kita berkomunikasi secara visual. Dengan adanya teknologi kamera ini ia dapat membantu pengguna untuk beralih kepada kamera digital, agar dapat merakam momen-momen mereka. Dengan adanya fotografi ini, ia dapat juga merakam perkara yang benar, dan tepat dan dapat membentuk sebuah citra di dalamnya. Tidak juga lupa, fotografi dapat digunakan untuk dijadikan sebagai satu platform yang digunakan sebagai bahan publisiti untuk menyampaikan komunikasi dengan lebih bermanfaat agar gambaran itu dapat dijelaskan dengan lebih tepat

KAJIAN LITERATUR

Fotografi ialah suatu proses untuk menghasilkan gambar melalui tindakan cahaya. Pola-pola cahaya yang dipancarkan atau dipancarkan oleh objek-objek yang dirakamkan pada perantaraan peka atau cip storan melalui pendedahan tempoh tertentu. Proses ini dilaksanakan melalui peranti-peranti mekanik, kimia atau digit yang dikenali sebagai kamera. Perkataan fotografi berasal daripada *Greek* iaitu *phos*, *graphis* dan *graphe* yang memberi maksud *pelukisan dengan cahaya* atau *lukisan*. Secara tradisi, hasil daripada fotografi dipanggil sebagai *gambar foto*. Dalam fotografi digit, istilah *imej* telah wujud dan menggantikan *gambar foto*. (*Kamus Educalingo*).

Berdasarkan laman web Kementerian Keuangan Republik Indonesia, penghasilan foto bukanlah satu perkara yang mudah kerana terdapat beberapa aspek yang perlu dipelajari untuk mendapatkan hasil gambar yang bagus. Laman web ini juga menyatakan bahawa, menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*, fotografi dimaksudkan sebagai seni dan penghasilan gambar dan cahaya pada film atau permukaan yang dipekakan. Sementara itu, menurut Ansel Adams, fotografi ialah media yang mempunyai ekspresi dan sebagai alat komunikasi yang memberikan pelbagai persepsi dan interpretasi yang tiada batasan.

Tambahan pula, visual berfungsi dalam meningkatkan ketahanan ingatan, menimbulkan respon emosi, memperkayakan pembacaan dan bahan demonstrasi. Ia berperanan sebagai alat penyampai maklumat. Oleh demikian, fenomena ini telah mewujudkan penggunaan fotografi di dalam kelas yang mana ianya berperanan untuk merakam peristiwa yang boleh digunakan sebagai wadah pernyataan hasrat, perasaan, dan memberi mesej berbeza berdasarkan fahaman individu. Justeru itu, seseorang jurugambar harus mempunyai daya imaginasi serta kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan gambar yang berkualiti. Foto adalah sesuatu yang membolehkan manusia menggunakan deria mata untuk melihat dan mampu meningkatkan ingatan manusia pada tahap 30%. Penggunaan foto di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dan memainkan peranan kerana ianya dapat memberi daya tarikan kepada para pelajar untuk menumpukan perhatian semasa di dalam bilik darjah. (Dr. Maizurah Omar, 2001). Menurut Izhar Shah melalui EDU 3053, topik ke-tujuh (Sejarah Perkembangan Fotografi), fotografi dan kamera diciptakan menerusi. Pada awalnya, perkembangan fotografi lebih tertumpu kepada proses penciptaan dan penambahbaikan terhadap sistem kamera itu sendiri. Pada era itu juga, fungsi

gambar foto tertumpu kepada untuk merekod sesuatu dan ianya tidak dianggap sebagai satu karya seni visual sepertimana seni lukisan atau seni arca pada waktu itu. Artis visual pada waktu itu berpendapat bahawa karya foto yang dihasilkan oleh kamera bukan dengan kemahiran tangan seseorang jurufoto. Oleh itu, mereka tidak menerima karya foto sebagai satu karya seni. Ada sesetengah pihak beranggapan bahawa aliran fotografi dan gaya Pictorialism tidak menampilkan identiti sebenar fotografi dan tidak menggunakan sepenuhnya kekuatan yang ada pada media fotografi. Sekumpulan jurufoto yang tidak bersetuju dengan Pictorialism telah menubuhkan satu kumpulan yang diberi nama sebagai *Group f/64* dimana Ansel Adams adalah salah seorang ahlinya.

Pada tahun 1932, kumpulan ini telah mengadakan pameran fotografi pertama mereka sebagai usaha untuk memperjuangkan idea *straight photography* yang telah menjadi asas kepada seni fotografi dan telah dipraktikkan sehingga hari ini. Pada sekitar abad ke-20, satu aliran yang dikenali sebagai Pictorialism telah diperkenalkan sebagai asas seni fotografi dalam usaha untuk menjadikan fotografi diterima sebagai satu karya seni pada zaman itu. Jurufoto Pictorialism telah memanipulasikan foto yang dirakam bagi menghasilkan foto dengan gaya yang seakan-akan lukisan. Seorang tokoh, Alfred Stieglitz juga telah memperjuangkan fotografi untuk diterima sebagai satu karya seni pada waktu itu.

Menurut Triyono, 2016 terdapat banyak jenis-jenis kamera yang perlu diketahui, Jenis-jenis kamera yang terdapat seperti kamera studio, kamera EFP, Kamera Film Elektronik, Kamera Film Khusus. Handycam atau Kamera Video 8, Kamera VHS atau Video 16 dan sebagainya. Setiap kamera yang digunakan terdapat fungsi-fungsi tertentu, tidak semua kamera berkongsi fungsi-fungsi yang sama. Kamera studio yang dimaksudkan sini ialah kamera seringkali digunakan oleh mana-mana studio iaitu lebih fokus pada kegunaan indoor untuk memproduksi sebuah program. Selain itu, kamera EFP, kamera ini sering digunakan oleh stadium-stadium rumah produksi dalam ruangan yang hampir sama jenis dengan kamera studio. Manakala kamera film elektronik ialah satu kamera yang merakamkan dengan cepat, kamera film khusus ia lebih kurang sama seperti kamera bawah air, yang dibentuk dan dibuat khusus untuk sesuatu tujuan tertentu.

Seterusnya, menurut Bambang Karyadi, 2017 melalui penulisan buku Fotografi: Kenali Fotografi mengatakan bahawa terdapat banyak unsur-unsur utama yang perlu diketahui apabila terlibat dalam bidang fotografi ini iaitu sumber cahaya, objek atau subjek, cahaya yang dipantulkan objek atau subjek dan kamera. Di sini, menunjukkan bahawa cahaya merupakan elemen yang paling terpenting. Cahaya bukan sahaja terdiri pada satu tetapi terdiri kepada dua iaitu cahaya semula jadi dan buatan. Cahaya semulajadi yang dimaksudkan adalah matahari manakala cahaya buatan seperti lilin, obor, api anggun dan sebagainya. Manakala, objek yang dimaksudkan adalah benda yang menerima daripada salah satu cahaya tersebut. Semakin banyak cahaya yang diterima oleh subjek maka ia akan menjadi semakin jelas benda itu terlihat atau sebaliknya. Cahaya yang dipantulkan yang oleh subjek juga memainkan peranan dalam fotografi ini, kerana pantulan yang dibawa dapat memberi atau membentuk gambaran atau lukisan oleh objek atau subjek.

Kajian ini dijalankan secara sejarah lisan dimana penyelidik telah menemu bual secara langsung bersama-sama peserta kajian yang telah dipilih. Hasil kajian yang didapati melalui aktiviti secara lisan adalah lebih terperinci dan tepat kerana maklumat yang dikumpul adalah maklumat daripada sumber primer iaitu tokoh. Maklumat yang didapati melalui carian di laman sesawang adalah maklumat yang mudah diperolehi akan tetapi terdapat keraguan dari segi kesahihan nya. Oleh demikian, sejarah lisan merupakan aktiviti yang menjadi pilihan bagi proses untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat terutamanya bagi maklumat yang tidak pernah dikemukakan kepada umum.

**TRANSKRIP TEMU
BUAL BERSAMA
TOKOH:
BAHAGIAN I**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang karyawan dalam bidang fotografi. Bersama-sama kami ialah Wak Nahar Kamsani yang merupakan seorang karyawan fotografi. Rakaman ini dijalankan pada 26 November 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10:40 pagi bertempat di Teratak Wak Nahar Kamsani. Temu bual ini dikendalikan oleh Norzalina a/p Rozlan dan juga Natasha Binti Mesri. Dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.

NRO: Okey baik, wak. Boleh wak ceritakan serba sedikit mengenai latar diri wak, latar belakang diri, wak?

MNK: Latar belakang diri wak, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, wak rasa bersyukur dapat ditemukan dengan anak-anak yang nak menimba ilmu, jadi kita dengan ilmulah dapat menghalakan [menentukan] masa hadapan kita, tujuan kita macam mana [bagaimana] dan dengan ilmu jugalah kita membela agama, bangsa dan mahupun negara. Jadi sedikit sebanyak untuk apa yang ada pada wak, diri wak itu, ilmu wak itu akan wak curahkan pada anak-anak yang baru nak mendalami dalam bidang fotografi. Bahawasanya, dalam fotografi ini dia memang terlalu luas kalau nak dianukan [diceritakan]. Jadi apa wak dinasihatkan oleh James Sebastian berpegang pada satu didalami, dikembangkan kerana fotografi tidak akan pupus pada sampai bila-bila. Jadi bermulanya Wak terdetik nak jadi jurugambar ini pada zaman era pemerintahan Jepun, jadi Jepun sebelum memerintah negara kita ni [ini] rupanya dia [pihak Jepun] de [ada] sudah mendatangkan dia [pihak Jepun] hantar dia punya *spy* [perisik]. *Spy-spy* [perisik-perisik] dia [pihak Jepun] mengenal jalan masuk mana keluar mana dia [perisik Jepun] membawa kamera. Jadi Dia [perisik Jepun] bawa kamera tadi, di dengan lemah lembutnya dia boleh cakap Melayulah, jadi dia ambil gambar, keluarga-keluarga dia di kampung-kampung [Bagan Datoh, Perak] tadi itu. Jadi di situ bila dia ambil gambar tu, wak nampak “Eh macam mana muka aku [muka Wak] boleh ada di dalam gambar tu [itu] ? Di situ otak saya dah berjalan [terfikir] dah. Lepastu [Selepas itu,] tahun 46 [tahun 1946] selepas Jepun itu, saya pun masuk sekolahlah. Sekolah Melayu Bagan Pasir, Bagan Datoh [kini Sekolah

Kebangsaan Bagan Pasir, Perak]. Dalam sekolah tadi itu juga hati wak masih lagi tidak lenggang [jauh] dengan gambar jadi pada tahun 1950 wak atas hasil karya tenaga wak mengupah menebas dapat duit [wang] memang dalam mengumpul duit itu memang nak [ingin] membeli kamera. Akhirnya, terkumpul duit RM30. Wak bagi [beri] pada pak sedara [bapa saudara] Cikgu Ibrahim Bin Haji Sohor mempunyai Tayam Tiger dia bebas kemana-kemari [pergi merata tempat], dia yang membeli kamera itu jadi bila [apabila] sudah mendapat kamera itu mempunyai Kamera itu sudah ada dua *roll* [gulung] filem. Jadi Wak mulalah di kampung mengambil gambar yang ingin diambil tapi disitu sudah terdetik saya nak merakam kampung saya [Bagan Datoh] kerana kampung saya ini indah bagi wak tengok [melihat] dari pancaran matahari di celah-celah pokok ada sinarnya [sinaran matahari] orang tengah menebas, orang tengah mengait kelapa, mengopek kelapanya (tertawa kecil)-----mengiring [membawa] lembu, kambing, jadi wak rasa kalau wak rakamkan itu bukan main cantik. Jadi pada hari pertama mendapat kamera itu pada hari Sabtu memang sekolah waktu itu ditutup tetapi pada waktu itu hari Sabtu akan ada aktiviti. Jadi aktiviti dibahagikan kepada murid-murid untuk berkebun, tanam keledak, tanam kacanglah (tertawa kecil), taman bunga sudah ada pada ketika itu. Pada ketika itu semua budak -budak melakukan perkara-perkara itu. Jadi sekolah tersebut [Sekolah Melayu Bagan Pasir] jadi sekolah ini budak-budak [murid-murid] darjah dua jadi tukang pungut sampah digiling (tertawa kecil), mengutip sampah.

[Nota: Tentera Jepun telah menjajah di Tanah Melatyu pada 8 Disember hingga 18 . Disember 1941. Detik itu merupakan detik rasmi permulaan Perang Pasifik serta merupakan permulaan penjajahan Jepun Di Tanah Melayu

(NRO mencelah tokoh dan bertanyakan soalan)

NRO: Sebelum itu, boleh kami tahu nama wak ? Nama penuh ?

MNK: Nama saya dalam I/C (*identity card*) [kad pengenalan] Muhamad Nahari Bin Kamdani. Jadi-

(mencelah)

NRO: Siapakah yang memberi nama itu pada wak?

MNK: Yang memberi nama ini Kamsani tadi itu Sarjan Polis mata-mata gelap [polis]
Namanya Kamsani juga.

NME: Haah okey, Ina (mengiyakan)

MNK: Mendapat nama ini [Kamsani] di Singapura.

NME: Adakah nama Wak, iaitu Mohamad Nahari mempunyai maksud tersendiri ?

MNK: Itu tidak tahu, tapi yang memberi nama ini ialah mak cik saya Binah, “Nahar nama kau ada dalam Quran [Al-Quran] tau, bibik cari bibik [Binah] membaca Yasin, Quran ada terdapat nama Nahari waktu itu kau belum lahir lagi” (tertawa kecil).

[Nota: Ayat-ayat Laili-Nahari. Laili bermaksud ayat Al-Quran yang diturun pada malam hari manakala Nahari adalah ayat Al-Quran yang diturun pada siang hari. Contoh ayat yang diturunkan pada malam hari ialah ayat Al-Baqarah [2]:144 yang mengenai ayat pemindahan kiblat]

NME: Mengapakah wak menggunakan gelaran Wak sebagai nama panggilan? Adakah Wak mempunyai keturunan Jawa?

MNK: Memang saya Jawa tulen [asli] dari Bagan Datoh.

NME: Jawa (muka keriang)

NRO: Jika bukan seorang *photographer* [jurugambar] apakah cita-cita, wak?

MNK: Selain daripada *photographer* [jurugambar]?

NRO & NME: Ya

MNK: Saya rasa saya tak nampak diri saya siapa kerana itulah saya menumpukan pada satu pasal ingat [teringat] daripada kata-kata daripada Yahya merupakan jurugambar Utusan Melayu. Tengok saya dah tuo-tuo [tua-tua] ini masih lagi mengambil gambar, masih nampak kita ambil [mengambil] gambar itu.

[Tokoh menyatakan walaupun usia sudah tua tetapi masih giat untuk menangkap gambar]

NME: Sekarang kami ingin bertanya mengenai tahap pendidikan, wak. Wak bersekolah di mana dahulu ?

MNK: Sekolah Melayu Bagan Pasir, Bagan Datoh [Perak]

NME: Boleh kami tahu siapakah yang menanggung kos perbelanjaan wak semasa wak bersekolah ?

MNK: Sekolah pada waktu itu, ditanggung oleh keluarga saya lah bapa saya-----

NME: Berapakah bilangan adik-beradik Wak ?

MNK: Sebelas [11 orang].

NME & NRO: Sebelas (mengulangi kata-kata wak)

MNK: Meninggal satu [seorang], tinggal sepuluh.

NME: Wak anak yang keberapa ?

MNK: Yang sulung.

NME: Sulung.

MNK: Sekarang ni [ini] wak jadi bapa, jadi abang jadi mak jadi apalah-----.

NRO: Apakah pekerjaan pertama, wak ?

MNK: -- Sebagai jurugambar tu, ambil gambar *advertising* [pengiklanan], ambil gambar buku, ada orang buat bikin [menghasilkan] buku *Annual Report* [Laporan Tahunan] di Singapura itu, ambil gambar kilang, gambar jalan Singapura. Selepas sekolah tahun 61 [1961] wak habis Cambridge.

[Tokoh menyatakan bahawa pekerjaan pertama beliau ialah sebagai jurugambar di Singapura selepas beliau menamatkan pengajian di Cambridge]

NRO: Tahun bila, wak ingat tak ?

MNK: Haa itulah 61 [tahun 1961] tadi, bila dah habis tu [menamatkan pengajian] kita dah ada kamera jadi ada orang nak buat buku kan tadi ikut dia lah, nak ambil gambar buku macam mana, ambil gambar majalah lah, ambil gambar pembangunan, ambil gambar pulau-pulau di Singapura. Lepastu, [Selepas itu,] maka nak diterbitkan ni tv

Singapura ----- tahun 63 [1963] haa disitu wak orang pertama-----apabila sudah buka televisyen tadi, wak sudah bekerja sebagai *subtitle* sebagai [sarikata]

NME: Itu merupakan pekerjaan wak yang pertama kan ?

MNK: Ya, yang pertama.

NME: Sekarang kami akan beralih kepada soalan latar belakang keluarga wak. Bolehkah wak berkongsi serba sedikit mengenai latar belakang keluarga ?

MNK: Keluarga adik beradik saya agak kurang sebab ada yang jadi guru yang ada kerjakan dengan syarikat-syarikat jelah [sahajalah] tahap itu sahajalah. Yang lain itu di kampung lagi, jadi yang ada di kampung ada empat orang, yang menjaga warisan-warisan yang pokok kelapa pokok pisang peninggalan itu depa [mereka] lah ni [menjaga peninggalan tersebut]. Jadi saya *motivate* [memberi motivasi] ”orang Indonesia datang sehelai sepinggang dia boleh senang apa semua, kenapa kita ada tanah, kita ada pokok kenapa kita tak boleh hidup, jadi kita harus berfikir sebagaimana kita nak ni, [menghidupkan kembali]. “jadi dulu tanah lumpur itu sanggup abang tebang pisang tolak dua batu setengah ke darat nak jual pisang tadi, nak buat nak beli itulah makanan kita di kampung mana ada yang kerja pejabat itu dengan hasil jual kebunlah, jadi abang nak----- banyakkannya produknya lori boleh datang tepi jalan jadi lori boleh ambil tak payah lagi [tidak usah] tolak-tolak pakai basikal tanah lumpur, jadi dia ada di kampung.

NRO: Boleh kami tahu nama ibu dan ayah, wak ?

MNK: Ibu saya _____, ayah saya Kamdani bin Haji Abdul Manan.

NME: Okay wak sekarang kami akan tanya mengenai soalan tapi kalau wak tak nak jawab pun tidak mengapa, jika wak tidak keberatan boleh kami tahu bilakah pemergian isteri wak dan apakah punca ?

MNK: Isteri wak dia sakit biasa, dia ada kencing manis itu sahajalah dia baru dua tahun lebih meninggal dua tahun lebih lah. ah semasa covid nak bermaharajalela baru nak mula -----

NME: Berapa orang bilangan anak wak ?

MNK: Anak wak lima, cucu tujuh belas. Itu bini pertama [isteri pertama] wak cuma satu bini [isteri] je tau [sahaja] .

(NME dan MNK gelak ketawa)

NME: Adakah anak wak juga ada yang terlibat dengan dalam bidang fotografi ?

MNK: *Yes*, [ya] yang bongsu.

NRO dan NME: Nama ?

MNK: Luqman Hakim

NME: Adakah wak yang inginkan anak wak iaitu Luqman Hakim menceburi bidang ini atau atas minatnya sendiri ?

MNK: Dia masih lagi sekolah dulu selalu wak bawa apa-apa function supaya dia berani, masa gambar pengantin gambar tu kena kreatiflah, jadi bagi gambar-gambar macam dalam *book industry* [perindustrian buku] tu, banyak dia punya *assignment-assignment* [tugasan-tugasan] dia jadi yang kecil-kecil [kecil-kecil] tu wak bagi kat dia je [sahaja].

(bunyi kertas diselak).

NME: Okey, ini soalan mengenai kemenjadian adakah wak mempunyai banyak persaingan dalam bidang fotografi memandangkan bidang ini juga diceburi oleh orang-orang muda iaitu generasi Y ?

MNK: *Yes* [ya], beribu- apa yang menjuruskan ke bidang ini ----- jurugambar ini waktunya dalam kewartawan ni [ini] jadi wak tahun 50-an dah beli kamera, tahun 63 dah aktif jadi wartawan itu ini sampai lah ini jadi disitulah perjalanan berpuluh kali wak berjumpa beratusan jurugambar “di mana mereka ?” (tertawa sinis) Professor daripada News Straits Times, daripada Berita Harian top-top people [orang yang], profesional punya "di mana mereka ? mereka tidak ada wawasan" (NME dan NKA tertawa kecil) memang dia (merujuk pada diri wak) marah, jadi bila wak sarankan “ eh nanti engkau dah pencen nak buat apa ?” argh (sambil wak mengetuk meja) apa nak difikir-fikirkan pasal pencen --dia tak fikir pengalaman dirinya itu boleh ----- jadi dia kata harap kambing jelah----- yang ada kesian tau masih terhutang rumah lagi wak bagi (wak berdehem) jadi *challenger* (persaingan) tu bukan *challenge* [cabaran] masing-masing ada ----- bertukar dengan majikan-majikan dia bukan challenge [cabaran] lah. Jadi wak, dalam membuat assignment (tugasan) tu wak dah ada ----- *rules* [peraturan] ----- article sebab tu wak ada *collection* [koleksi] gambar, gambar slide [slaid] dah beribu. Kalau tidak ada Whatsapp, tidak ada apa ----- berkata “buat apa nak ambil ?” itu banyak ju jurugambar kita “siapa nak bayar ?” itu orang-orang kita. Alah wak ada, itu kalau wak jadikan buku itu beribu tu. Kalau wak jadi pengarang *English* [Inggeris] okey, dah ada bahan dah awak cuma buat kajian “Bagaimana Malaysia Dulu dan Kini ?” itu je (sahaja) gambar dah ada dah,

cuma nak tokok tambah je, *This is Malaysia* [Ini adalah Malaysia], *How life?* [Bagaimana hidup] (tertawa kecil) ----- sebab tu Malaysia *life* [kehidupan] masa tu dah terfikir dah.

NME: Mengapakah wak memilih untuk melibatkan diri dalam bidang fotografi ini ?

MNK: Pasal fotografi wak tengok, *function-function* [fungsi-fungsi] *photographer* ini kedepan (teruja) dia apa-apa the *first man* (orang pertama), Menteri datang pun dia dah tercenguk [tunggu] kat depan dah. Jadi dia jumpa berjumpa sana boleh redah sana, boleh jumpa anak-anak dara, jumpa Maryam -----

NME: Berapa lamakah wak mengambil masa untuk menceburi bidang ini ?

MNK: Lama macam mana ? Adakah daripada mula hari pertama wak bikin ----- ? Atau macam mana ? Kalau beli, menceburi tadi pegang kamera dah ada wawasan tadi tahun 1950 lah. Memang dah ada wawasan, sebab itu beli --kamera dekat kampung. (berdehem)

NRO: Adakah wak hendak bidang ini dijadikan turun temurun keluarga ?

MNK: *Yes* [ya] itu wak adakan Wak Nahar Gallery (tertawa kecil).

NME: Adakah bidang ini mendorong wak untuk meningkat lagi daya pasaran ?

MNK: Yes, wak pernah hantar kertas kerja dengan Menteri wak nak lahirkan satu (wak berfikir) apa tu satu persatuan *photographer* [jurugambar] yang naik tinggi taraf dia ialah memikirkan dunia, macam mana aku nak *travel* [mengembara] ke sana ----- yang ditampung oleh Menteri luar dan bila jadi buku itu, buku itu akan ada di seluruh dunia ---. Itu wak punya wawasan tak sampai.

NRO: Boleh kami tahu Menteri mana ?

MNK: Itu Menteri, saya pula berpegang pada sains dan Islam. (berfikir) Menteri yang mana? Jadi Menteri yang mana ? Waktu itu kalau Menteri -----saya susah tak nak sebut nama- nama itu termasuk itu.

(MNK mengatakan *Off-record*)

NRO: Untuk mendapatkan hasil yang berkualiti yang tinggi adakah wak mengambil masa yang lama ?

MNK: *Yes*, tapi dalam-- fotografi dia *day by day* [hari ke hari] tadi jadi kita buat *assignment* [tugasan] apa itu waktu itu hitam putih jadi, kita proses dia nikan disitulah meningkatkan kita macam mana dari segi produktif -- kita dan kita gambar-gambar itu akan ditegur oleh orang-orang ini. Macam wak ambik [ambil] gambar poster-poster wayang di Singapura tadi bukan jadi dah cuci gambar itu ----- orang ramai komenlah -----ambil gambar itu , kita belajar tadi rasanya boleh belajar di tengah jalan atau di rumah tak payah pergi ke fakulti-fakulti pasal bila nak hantar gambar tu ---- *crop* [potong] jadi disitulah *improve-improve* [peningkatan]

NME: Jadi maknanya wak tak ada pernah menghadiri mana-mana kelas ?

MNK: Ada-- di *Malay Photography Society Singapore* [Persatuan Jurugambar Melayu Singapura] tadi itu. Disitulah wak panggil pensyarah-pensyarah professional itu *photographer* itu memberi kuliah fotografi.

NME: Wak macam pernah tak terfikir untuk buka satu kelas fotografi ?

MNK: Saya tak terfikir (tertawa kecil)

NME: Boleh kami tahu siapakah sumber inspirasi utama wak untuk terus lagi ceburi dalam bidang ini?

MNK: Sumber inspirasi ini dia saya bila banyak membaca jadi karyawan pasal dia kena bawa rujuk rujukan kan ? Dan menengok [melihat] majalah-majalah luar macam mana, dia punya perspektif dia macam mana jadi disitulah bahan rujukan saya disitu sudah cukup sebagai ilmu saya, jadi jurugambar ----- kena banyak membaca , kena tengok majalah luar, majalah macam mana sebab itu wak berani namakan *Malaysia Life* tadi itu macam mana, pasal wak dulu banyak ----- dengan *Life Magazine* (mengetuk meja) “*that is very good*” [itu sangat bagus] dengan ----- dia *automatically you* [awak secara automatik] pemikiran *you* [awak] dah luaslah ----- “*its nothing lah*” [tidak ada apalah] ----- *refer* [rujuk] buku-buku, *magazine-magazine* [majalah-majalah] luar, *Malaysia Life* .

NME: *Magazine-magazine* itu yang memberi sumber inspirasi ?

MNK: Iya, ----- mat saleh yang dah terbongkok-bongkok, terbatuk-batuk datang ke negeri [negara] kita ambil-ambil gambar ----- *that is very challenger* [ini sangat mencabar].

NRO: Siapa yang memberi wak semangat untuk wak terus dalam bidang ini ?

MNK: Bidang ini bila wak sudah jadi karyawan foto ialah artis pun kadang- kadang memuji-muji pun itu dah satu semangat juga dah “cantik lah abang Nahar gambar ini” Rehman Rahman tadi telefon jadi disitu pasal kita ----- memang serba kekurangan tapi kita ada kursus fotografi tadi *Photography Society of Singapore* [PS] yang cina punya pula ---- -. Disitulah dipanggil pengarah-pengarah filem ----- di situ lagi kita nampak menguatkan lagi kita punya azam kita, minda kita kalau kita (berdehem) dah berjalanlah otak kitalah,

bila kita dah rasa macam itu otak kita memang (berdecis) berkelayar “ini kalau macam ini macam mana -- jadi semua dah ditangan awak macam mana aku nak jadikan dia juga supaya nampak, supaya dapat dikongsi *I think* [saya rasa] inilah *yes*, mana ada jurugambar beribu ni juta gambar negatif (tertawa kecil) bukannya ada,itu baguslah awak datang nak dijadikan saksi tapi dah tak larat nak buka dah tapi kalau datang lagi wak nak keluarkan majalah-majalah itu, memang saya nak keluarkan walaupun termengah-mengah.

(MNK dan NME tertawa kecil)

NME: Apakah cabaran-cabaran yang wak alami setelah menceburi bidang fotografi ini ?

MNK: Cabaran-cabaranya bagaimana wak nak *compete* [bersaing], bagaimana nak *mengupgraden* [meningkatkan] saya punya kualiti, prestasi diri saya sendiri, produk yang saya buat tadi itu, itu saya bekerja dengan majalah-majalah *Malaysia Industry* [industri Malaysia] begitu dengan ----- *Magazine*, lepastu menjadi *correspondent* [wartawan] dengan majalah Indonesia (berdehem) jadi disitulah nak kata cabaran ----- tanya badan kita sendirilah bagaimana kemampuan kita berfikir, bagaimana kita nak melaksanakan ----- jadi orang memberi kita motivate kata takkan itu je [sahaja] nak ini maknanya kita ada lagi jadi kita develop kan balik kita upgraden lagi bermakna lebih dari itu sebab nama-nama majalah yang di Malaysia wak *register* [daftarkan] di Indonesia dengan PARFI [Persatuan Artis Film Indonesia] . Siapa berani pergi Indonesia, sini kawan kita ----- “nanti pergi sana mana nak tidur ye ? Dengan siapa ye ?” Tak sampai Indonesia lagi.

NME: Tadi wak ada cakap PARFI ?

MNK: PARFI itu Persatuan, PARFI persatuan penggemar filem di Indonesia, di mana dia macam muzium artis-artis lah serupa gitu [begitu].

[Nota: PARFI merujuk kepada Persatuan Artis Film Indonesia yang masih lagi bergiat aktif hingga sekarang. PARFI ini ditubuhkan pada tahun 1956 yang pada Ketika itu tokoh yang terlibat ialahg Usmar Ismail, Suryo Sumanyo dan Djamahudin Malik. PARFI ini ditubuhkan untuk melindungi atau menaungi para seniman yang wujud di Indonesia tidak kira artis, seniman filem dan sebagainya]

NME: Sampai sekaranglah ada lagi ?

MNK: Tak taulah [tahu] sekarang ada lagi ke tidak, disitu mengumpulkan, bagus sana, artis Indonesia yang ada ter -- senarai dalam majalah dikumpulkan dekat sana tu, nampaklah hebat artis-artis Indonesia itu.

NME: Maknanya dia kumpulkan dan jadikan

MNK: Dalam -- majalah PARFI itu tadi dikumpulkan, dan wartawan sana ada dia punya kelab sana memang aktif (berdehem) sangat aktif.

NRO: Pada pendapat wak cabaran sebelum dengan sekarang ini ada beza ke ?

MNK: Memang -- dia makin ----- berbezalah cabaran dia. Kalau kita leka , tiada inisiatif menambah baik kita punya produk kita jadi kita akan ketinggalan jadi apa-apa pun kita kena anulah, kena berfikir pasal berkembang macam jalan raya dulu sekarang dia berkembang dia hidup macam pokok, bagi saya otak kita macam pokok dulu dia kecil lepastu dia naik -- itu sebab wak berani menyelar UMNO [*United Malays National Organisation*], tak ada orang berani buat selar, stereotaip [penilaian yang tidak seimbang] *even* [walaupun] menteri kita pun stereotaip cara memimpin kita tu siapa berani ? wak berani pasal wak ada disitu, wak kena panggil.

NME: Adakah proses mendapatkan gambar yang berkualiti ini merumitkan wak ?

MNK: Rasanya tak, itulah wak nak buka panjang sangat ni. Gambar digital *Subhanallah* gambar alam maya ini, dan pula dibantu oleh anak wak ----- ada di gambar ini yang ada ini, ----- (bunyi wak menepuk koleksi gambar yang ada di meja) satu keping tak ada, ----- itu dia membentuk men lahir generasi pertanian di Melaka, berjaya sampai dapat tanah 500 ekar di Sabah tadi dibagi oleh si Menteri Sabah Musa Aman [yang ketika itu menjadi ketua menteri Sabah yang ke-14 selama 16 tahun iaitu dari tahun 2003 sehingga 2018]. Sabah tadi datang ke ----- Perak dekat Kampung Gajah itu, dia *train* [melatihkan] bagaimana bercucuk tanah, jadi dia balik dia mengusahakan tanahnya tadi, membangun jadi ----- tag dah berkembang-kembang jadi agro ----- ini gambar (bunyi wak tepuk gambar) tak ada sini, woi kalau wak pergi memang hebat ----- melalui pertanian asal budak grafik iye, tapi dah berekar-ekar tanah yang dia ada ini kita nak membangun.

NME: Maknanya gambar yang----- tag itulah merupakan gambar yang berkualiti ?

MNK: Iyalah gambar itu memang mencabar, masuk kampung masuk pertanian ----- gambar-gambar yang dianu.

(mencelah)

NME: Gambar itu hilanglah wak ?

MNK: Haa ?

NME: Gambar itu masih ada lagi dengan wak ?

MNK: Ada - - semua dalam wak tak boleh nak buka.

NME: Adakah peralatan-peralatan yang diingini dalam bidang mudah didapati di Malaysia ?

MNK: Mudah didapati memang complete. Anak wak dia memang peka dalam ini apa sahaja keluar jadi yang dia dipilih menjadi offshore jurugambar kena *upgrade*kan lagi barang-barang ----- dimana dia sekarang berada 230 batu di tengah-tengah lautan. Ini dia tinggalkan kita ini. Minggu depan dia balik, jadi kalau awak dapat jumpa dia bagus juga boleh sentuh sikit, Ini pasal apa dia dah berkembang ini dia balik segera juga pasal dia sudah jadi yang membuat *annual report* Pharmaniaga [Laporan Tahunan Pharmaniaga]. Jadi dia sudah merentas semua-semua jurugambar yang malas-malas haa itu dia kata "iyalah wak kenal dengan menteri ini". Kata ----- wak tak nak ayat-ayat macam itu, kena usaha mana boleh *contact* [hubungi].

[Nota: *Pharmaniaga* merupakan satu syarikat besar yang telah tersenarai dalam Bursa Malaysia yang membekal dan pemasangan alatan perubatan ke hospital serta farmasi komuniti]

NME: Jadi, maknanya peralatan fotografi itu memang mudah dapat di Malaysia jadi tak adalah wak kena *order* [tempah]?

MNK: Ada di antara *part* [bahagian] tak tahu anak wak tahu pasal barang-barang yang *up to date* [terkini] tu dia yang tahu semua perkembangan yang ada dia jual "Abah tengok semua ini, buat apa dia nak simpan ?" ----- (terbatuk) Nanti awak kena ambil gambar ini.

NME: Berapakah anggaran kos untuk mengambil gambar ? Adakah bagi kos yang mahal atau ia merupakan kos yang paling mahal, basic, yang pernah wak ?

MNK: Sekarang ini wak, wak belajar dengan Cina tempat meniaga caj semua ini memang cina *tiptop* [mahir]. Kita kadang lebihkan orang ----- kita takkan menaruh diri kita ini berapa kupang harganya, seringgit ke dua ringgit ke macam mana diupgrade kan diri jadi pada Cina itu wak belajar jadi dia kena mengira masa kita, professional kita dan kita sudah tahu gambar ini macam ini akhirnya ----- kena *committed* [komited] , kena *create idea* [menghasilkan idea] dah ada semua masuk dalam dia punya kos tadi itu ----- . Jadi dia bukan lagi di zaman dulu sekeping ----- tadi itu, di Singapura jual-jual lontong tolong-tolong semua itu wak kumpul duit wak dapat beli kamera ----- berharga 90 ringgit (RM90.00) disitulah wak kembangkan ambil gambar pengantin, ----- dapat beli kamera zeiss ikon, ada orang jual *second hand lah* [barang terpakai] ----- berharga 90ringgit [RM90.00] waktu itu di Singapura ----- harga berapa ringgit.

NRO: Apakah prinsip yang wak pegang untuk terus kekal dalam bidang fotografi ?

MNK: Wak tengok fotografi dia, dunia ini kita tengok tv [televisyen] kita itu kira gambarlah kan – jadi gambar ini kira dia berubah-berubah macam pokok dari kecil macam mana besar macam mana, ada buah macam mana jadi kena macam manusia begitu juga waktu muda ----- dalam bidang- bidang persatuan ke entah jadi artis ke apa----- jadi ada dia punya *follow* [ikut] trak rekod dia, jadi fotografi punya *part* [bahagian] menceritakan tentang gambar waktu muda begini ----- jadi fotografi ini peranan dia besar, di dalam a Islam juga dia ada patutnya Islamnya tadi yang bikin kamera nya orang Islam ----- jadi apabila kita pergi ambil gambar cara Islam kita kena tasbih, kena bagi salam kalau saya nak ambil gambar pokok saya kena bagi salam . kerana itu kira Allah Taala punya itu. Apa bahan wak nak ambil ? Macam mana wak nak ceritakan mengenai pokok durian ? Jadi Allah Taala wujudkan pokok durian yang popular jadi kena bagi salam itu ----- sebab itu dalam Islam kena tasbih tak boleh “oi cantiknya!” tangkap , tak boleh kena bagi salam Ini Allah Taala, dunia ini dalam Islam semua bertasbih ----- bukan kita yang Islam sahaja bertasbih pokok-pokok pun bertasbih. Itu wak belajar ----- yes betul Islam tadi Quran berkata “peganglah pada ----- bukan pegang baca dalam itu itulah luasnya fotografi Macam yang awak tengok ini dijadikan oleh Allah Taala komponen awak dengan mata,itu macam

mana, kalau tak ada mata macam mana jadi dia berkembanglah fotografi, jadi tangan ini nak mengetik je [sahaja] gambar mata kucing, mata apa *this is* [ini adalah] fotografi jadi dia berkembang tau (tertawa kecil). ----- macam mana mata kucing malam-malam boleh nampak jalan gelap-gelap, mata rimau [harimau] macam mana , jadi disitu kita kreatif. (berdehem) lagi satu di dalam bidang wak. wak rasa *compete* [bersaing] ke tak *compete* “apakah jasa wak pada negara ini ?” itu yang membatalkan *shooting* [pengambaraan] di karnival *world* di Batu Caves [yang terletak di Selangor] menyelamatkan negara.

NME: Yang merupakan kenangan paling yang wak pernah cerita – hampir dibunuh oleh ular kapak itu ke ?

MNK: Ular kapak itu waktu nak ambil gambar, depa [mereka] dah tahu dah ada siapa yang ambil gambar ? Dia punya agensi dah tahu yang dia curi gambar itu. Memang dirahsiakan. ----- kena panggil "kenapa ini ?", wak dipanggil . Kementerian Dalam Negeri , bayangkan orang perempuan yang macam singa itu Zakiah Hashim nama dia itu dia tengking-tengking wak . "Apa hak awak nak tengking tengking saya balik lah" (wak berkata pada Zakiah Hashim pada ketika itu) saya nak menyelamatkan negara ini. ----- pada saya tiada, apasal boleh terlepas gambar-gambar dah keluar kat surat khabar, dia suruh mengaku gambar ini tengah rehat tapi Allah Ta'ala nampak macam mana? tak terjawab dia, terkangkang. janganlah ingat jurugambar ini ----- (wak tertawa kecil)

NME: Itu merupakan kenangan yang paling wak tak boleh lupakan sepanjang dalam bidang ini ?

MNK: Saya rasa *I have done something for the country* [saya dah buat sesuatu pada negara], sebagai jurugambar yang anu bukanlah yang anu macam gambar buku Hishamuddin tu kan ? Eh, dua puluh tahun ambil gambar nak jadikan buku tu. Tak ada gaji, tak ada elaun, tak ada peruntukan, dah jadi macam buku. Apa tadi soalnya ?

NME: Prinsip.

MNK: Jadi apa yang kita buat kita buat, kita buat dulu jangan cakap bagi wak. Kalau kata wak banyak cakap, ----- apa jadi ini ? Ada lagi satu buku lagi, itu yang Pesta Buku Antarabangsa itu, itu sejarah ----- besok [esok] ini apa nak keluar ini itu bagi orang baru lah, kita meng*compile*kan [menyusun] sejarah tadi itu macam mana. Itu sayang si Samad ,Tan Sri Samad Idris meninggal ,[Tan Sri Datuk Samad Idris yang merupakan seorang ahli politik dan telah wafat pada tahun 2003 pada usia 80 tahun] Samad Aziz ----- memang tiptop lah wak buat pasal dia lahir depan wak, aku tahu. Masa Tunku Abdul Rahman [merupakan seorang bekas Perdana Menteri yang pertama dan dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan] naik kapal haritu aku sama-sama mengiringi itu, depa mana ada.

NME: Adakah wak menerima bantahan semasa ingin melibatkan diri dalam bidang ini ?

MNK: Ada. ada juga yang ----- tapi itu kira saja nakal-nakal tapi wak fikir dalam satu segi tak perlulah kerana itu tidak memberi apa-apa pasal diaorang [mereka] masing-masing ada cara pemikiran Jadi, *let them be* [biarlah mereka] ----- jadi tak ada banyak musuh lah kan ?

NME: Bolehkah kami tahu siapakah mereka ? Adakah mereka itu kalangan ahli keluarga wak sendiri ?

MNK: Tak ada, keluarga okey.

NME: Keluarga sokong ? Okey.

(bunyi kertas diselak)

MNK: Ada sepupu lah dia kecil hati, dia di Universiti Pertanian ada kekosongan dia kata nama saya ini dah dikira dah tiptop dah lah ini, ----- gaji berapa semua itu, tapi saya tak sahut, saya tak nak saya nak berdiri di atas kaki saya sendiri, itu sebab wak kira bebas. Jadi wak boleh dengan UMNO, dengan PEMUDA, dengan apa dengan persatuan, dengan apa jadi kita disitu dah, “macam mana pendapatan itu Allah Ta'ala Maha Tahu (Maha Mengetahui).

NRO: Wak dalam bidang fotografi dulu dan sekarangkan macam ada perbezaan, macam mana wak belajar benda baru ? Belajar sendiri ataupun ikut kelas ke tengok video ?

MNK: Tengok media ini pun kita dah tahu dah. Wak nak diwawancara oleh tv, wak tak mau macam ini, siapa yang terlibat itu wak nak bawa biar dia yang bercakap itu yang depa [mereka] tak mampu nak buat lagi, ada yang merajuk masing-masing, ada yang minta maaf waktu Datuk Ahmad Jais meninggal dunia [merupakan seorang penyanyi terkenal dalam genre pop yeh yeh. Beliau telah meninggal pada tahun 2011] jadi dia bagitahu [memberitahu] pada wartawan-wartawan ini, nak tawar hati selama-lamanya itu wak Nahar itu jadi generasi baru yang jadi karyawan dan wartawan semua yang baru-baru ini, depa [mereka] nampak wak dengan UMNO, eh kata "itu jurugambar UMNO tu" dia balik dia bagitahu pada boss (ketua) dia jumpa wak nahar, mangkuk ayun betul ----- kenapa kau tak ambil dia tadi ? datang minta maaf [maaf] Dia siaran apa ye, banyak sangat siaran tv, dia merajuk dengan wak (wak tertawa kecil).

(bunyi kertas diselak)

NME: Sekarang kami akan tanya mengenai organisasi yang wak telah libatkan diri ada beberapa organisasi contohnya macam Batu Api, Varia Pop boleh wak terangkan satu-satu organisasi itu tahun ?

MNK: Kalau nak dikisahkan organisasi itu pasal kita yang mengasas dimana kekurangan-kekurangan itu jadi disitulah prestasi kita pengalaman kita tadi digunapakai dalam baru-baru nak diasas tadi itu, bagi wak. Apanya soalan nya tadi ?

NRO: Mengenai organisasi yang wak pernah terlibat ?

MNK: Yalah, macam pertama kali bekerja di Mastika Filem jadi waktu itu artis dengan -- bintang filem jadi kita sendiri lah yang *follow* [ikut] shooting kat mana, pergi tempat lokasi shooting itu sekali, sehari suntuk macam mana dia ambil gambar----- jadi kita buat laporan lah macam itu dulu di Singapura.

[Nota:Mastika Filem merupakan satu majalah bercorak hiburan dan ia memaparkan berita-berita yang berkenaan filem dan bintang filem pada tahun 1965]

NRO: Dengan Mastika pada tahun berapa ?

MNK: Tahun 65 [1965] tadi. Waktu di ----- wak telah dipinang oleh Mastika disitulah mengambil gambar artis-artis rakaman dekat tv, Program Pop anukan jadi wak ambil gambar.

NME: Mastika merupakan kerja paling pertama wak ?

MNK: Pertama ----- Televisyen, lepas televisyen berhenti tadi terus ambil jadi jurugambar artis.

NRO: Seterusnya organisasi apa selepas Mastika Publisher ?

MNK: Lepas, Mastika, wak tak ada apa-apa yang lain-lain cuma sampingan-sampingan --- program itu macam bekerja woi sana teratur, teratur kerja dia tak ada kelab sambil

lewa aktiviti diaorang [mereka] semua *fantastic* [hebat] umur macam awak aktif dekat sana dah yang bahagian ----- lain, pendidikan lain masing- masing ada *part-part* [bahagian-bahagian] dia yang drama.

NRO: Pada tahun bila itu wak ?

MNK: Pada tahun 65 [1965] sampai ke tahun dekat 70-an [1970-an] lah. (berdehem) ----- majalah-majalah di Indonesia sibuk berkembanglah kita, pergi Indonesia, pergi manalah kan ----- dengan *World Magazine* waktu itu masih lagi bermaskas [berkumpul] di Singapura belum berpisah lagi. Jadi sibuklah kita jadi wartawan juga jadi jurugambar dan kita juga jadi membuat *appointment* [temu janji] Sekarang ini,

(NME mencelah)

NME: Tiga dalam satu ?

MNK: Haa.

(mencelah)

NME: Lain dengan sekarang ?

MNK: (terbatuk) Kalau wawancara selepas ini disiapkan dengan nasi pasal apa ia sehari suntuk, ambil gambar, tukar baju takut besok [esok] dah tak ada. Itulah wawasan kita. Depa sibuk beberapa majalah ada ----- kita kemaskanlah sekali datang tadi tu [itu] *complete* [lengkap] dalam empat hingga lima baju ----- satu hari jadi begitu tidak menyusahkan wak. Jadi gambar itu boleh pakai setahun (wak terbatuk)

NME: Jadi kalau nak dijadikan ini berapa organisasi yang wak terlibat apabila berada di Singapura ?

MNK: Persatuan Fotografi Melayu Singapura, 4PM yang itu je [sahaja] yang lain-lain itu majlis agamalah aktif.

NME: Persatuan Fotografi itu tahun bila ?

MNK: 66 (1966).

NME: Boleh kami tahu siapa pengasas ?

MNK: Pengasasnya wak, Cikgu Kayom. Kasmani, Ali Zakaria, Muhammad Siraj. Pengerusnya siapa ye ? Dia ada pangkat besar. Itu lupa lah tu, Muhammad Baharom, Ismail Rahim, Mokhtar, Cikgu Alias, dia kahwin sama *model* [peragawati] model itu wak yang cari tu (berdehem) Hassan Kumari yang jadi dia punya pengerusi Persatuan Fotografi Melayu Singapura.

NME: Adakah persatuan ini masih lagi ?

MNK: Dah tak ada. Semuanya dah meninggal.

NME: Pada tahun bila mereka berhenti ?

MNK: Setelah wak tinggalkan mereka di Singapura tahun 74 [1974], malap-malap itu jadi Cikgu Kayom itu meninggal terus.

(mencelah)

NME: Terus berhentikan ?

MNK: Haa.

NME: Apabila di Malaysia, ada berapa organisasi yang wak telah melibatkan diri

MNK: Wak rasa tak ada satu pun kerana itu -- wak mulut celupar pula.

(MNK dan NME tertawa kecil)

NME: Macam Varia Pop, Batu Api, .

MNK: Batu Api wak jadi *marketing* [pemasaran] macam mana nak control [mengawal] majalah-majalah macam mana nak *distribute* [mengedarkan] majalah, macam mana –apa itu dah kira mengira *figure* [angka] berapa laku, berapa tak laku takut kena siap sedia jugalah.

NRO: Pada tahun bila wak ?

MNK: 84,85 [1984, 1985].

NRO: Yang itu dekat Malaysia atau .

(MNK mencelah)

MNK: Dekat Malaysia. Berpecah sama Gila-Gila padahal pengasas ----- bertelagah sikit dengan *partnernya* [pasanganya] maka ditinggalkan dia buat majalah Batu Api jadi wak dibawah oleh dia.

NRO: Dengan Majalah Gila-Gila pun wak pernah terlibat ?

MNK: Itu yang wak waktunya tinggalkan Varia Pop.

NRO: Gila-Gila tahun berapa ?

MNK: Dia tahun 77 [1977] dah mula dah 78 [1978] tu dah ada *market* [pasaran], tahun 79 (1979) masa itu dia sudah mula *established* [lancarkan] dia punya *circulation* [kitaran] setengah bulan 100 lebih ribu naskhah.

NME: Yayasan, wak pernah mengatakan organisasi Yayasan dekat Pahang ?

MNK: Haa, *yes*. Waktu Batu Api tadi tu tak lama masa dulu *marketing* ----- dia pun dah travel world [mengembara dunia] jadi apa nak buat itu kita buat ----- ABIZA buku-buku

NME: Maknanya Yayasan, ABIZA Group ini adalah ?

MNK: ABIZA tu di bawah ABIZA lah, yang Yayasan Pahang tu ----- ABIZA tadi bekerjasama dengan ----- tapi orang itu juga.

NME: Pada tahun bila ?

MNK: Tahun dia saya lupa pula, 90 hingga 93 gitu jugalah.

NME: Begitu juga dengan ABIZA Group ?

MNK: Haa ya, dia sekali. Tapi nanti wak nak *clarified* [menjelaskan] balik pada ----- yang masih lagi lah, dia aktif nanti wak tanya balik. Ini orang-orang yang masih lagi wak kawan daripada ABIZA ini anak- anak dara lagi ini.

(MNK menunjukkan gambar ABIZA Group ketika ini)

NME: Mengenai ?

MNK: Lelaki dengan Gila-Gila itu wak dipinang oleh Gila-Gila tadi dia nak terbitkan majalah Lelaki , maknanya wak biasa ambil gambar model jadi gambar apa sesuai lah jadi disamping lelaki ada lagi satu majalah, Jadi Gila-Gila itu di bawah Creative Enterprise.

NME: Pada tahun bila itu wak ?

MNK: Dia Gila-Gila diestablishkan tahun 77 [1977] bermakna dia dah mula terbit kecil-kecilan gitulah

(bunyi kertas diselak)

NRO: Sampai sini dahulu. Okey. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang fotografi bersama wak Nahar Kamdani, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang fotografi buat para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TRANSKRIP TEMU
BUAL BERSAMA
TOKOH:
BAHAGIAN II**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang karyawan dalam bidang fotografi. Bersama-sama kami ialah wak Nahar Kamsani yang merupakan seorang karyawan fotografi. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 November 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 1230 petang bertempat di teratak wak Nahar Kamsani. Temu bual ini dikendalikan oleh Norzalina a/p Rozlan dan Natasha binti Mesri. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

MNK: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, wak Nahar yang nama asalnya Nahar Kamdani, bila sudah jadi karyawan, jadi kawan wak satu hmm nak polis. Ya nama dia Kamsani, dia kata sebagai penulis karyawan tadi mesti ada nama, nama karyawan tadi yang- boleh jadi komersil la. Ada nama anuk la. Jadi dia rasa nama saya ni Kamsani jadi Nahar Kamsani, bila dengan Majalah Gila-Gila tu dapat wak pulak [pula], jadi wak Nahar Kamsani. Jadi wak tadi dibagi nama oleh si Mishar [Mior Shariman Hassan], dia pengasas Majalah Gila- Gila. Jadi yang Kamsani tadi dia orang yang berjawatan tinggi dalam keselamatan tadi lah yang bernama Kamsani tu. Haa jadi itu kira jadi kawan. Ha jadi pengalaman macam mana?

NME: Okay, kami akan tanya mengenai pengalaman wak pada setiap organisasi yang telah Wak libatkan diri. Pertama kami ingin bertanya mengenai apakah pengalaman atau kenangan pahit atau manis semasa wak melibatkan diri dalam organisasi Syarikat Mastika.

WNK: Okay lah kalau begitu wak nak bercakap tentang tempat mula-mula wak bertugas ya. Bertugas di Radio dan Televisyen Singapura tahun 63 [1963], waktu tu [itu] memang serba kekurangan serba tak- canggih bagaimana sekarang. ---- jadi banyaklah kesulitan-kesulitan tapi kita boleh atasi. Umpanya kita, wak sebagai jawatan wak sebagai sarikata dalam filem-filem jadi wak penonton filem-filem yang di tayang di TV [televisyen] tadi tu kita menonton tu jadi kita lah yang bagi yang-- bagi dia punya sarikata tadi tu. --- yang- hmm tak masalah bukan lah juga masalah tapi sepanjang filem tadi tu dia ada limit berapa

boleh kita nak buat sarikata dia tadi tu, pasal apa satu-satu *scene* tu berapa saat berapa saat tadi, jadi dia itu, di situ kalau nak nak membuat perkiraan dari situ jadi - hari demi hari, hari demi hari menerusi siapa nama India tu lupa, jadi dapat idea lah, yang dan dipanggil oleh-- wak punya- bos. Bos wak waktu tu kira-kira Zara Za'ba ya sebut Zara Za'ba anak pendeta Za'ba. Sebagai penyelia bahagian Melayu Radio dan Televisyen Singapura, ha sebut tu. Haa Zara Za'ba tu, Zara Za'ba memang popular, jadi anak dia tu jadi tu lah di Singapura tadi tu. ----- jadi, dia dipanggil jadi tu, lah hari-hari menengok [menonton] macam-macam filem termasuk *The Sin* [The Sin Rachel Kid]. *The Sin* tu filem James Bond, dilakonkan oleh Roger Moore. Roger Moore ya haa Roger Moore tadi. Haa jadi sehingga- bersiri-siri jadi yang- masak tak masalah tapi nak kena tinggi lah bahasa kita, pengalaman kita bila filem-filem mengenai James Bond ke apa ni. Teknik segi politik di situ. Tapi lama-lama boleh di atasi lah sebab ada penunjuk, penasihat, produser. Jadi akhirnya wak rasa puas hati bila bikin [buat] filem *The Sin* tadi. Dia bersiri-siri, tiga belas [13] siri tu. Akhirnya wak jumpa si hero bintang filem tadi tu, Roger Moore tadi tu. Ada gambarnya wak bersama Roger Moore. ----- jadi, hmm banyak hilang macam *The Combad*, pon wak hilang tu. (tertawa kecil) dia punya gambar-gambar tu, tapi yang paling aaa dalam tu tidak ada kesulitan lah, cuma nak kata kesulitan tidak kesulitan, jadi wartawan hiburan tadi tu ada artis-artis----- . Yalah artis-artis pon dah sibuk jadi macam tu keja nak di wartawan ini nak jumpa, dia pon sibuk juga ada hal lain. Jadi itu kadang-kadang, dia cuba mengelakkan diri lah, ada rumah dia kata ada *show* [persembahan] kat mana-mana padahal dia ada kat rumah, (ketawa kecil) tak jadi jugak kan. Jadi tu kadang-kadang haa rasa kita hampa jugak [juga] lah menunggu (terbatuk). Jadi memang semua apa-apa kerja memang ada cabaran-cabaran. Jadi kita tak tabahkan ini cuma kita, bagaimana kita *tackle*, nak mendapatkan ini. Lagi satu nak mewawancara aaa seseorang yang anu tu [seperti itu] bukan semudah itu kadang ada yang - tak mau [tidak mahu] di wawancara tu (tertawa kecil). Tapi kita nak guna psikologi [psikologi] macam mana kita nak kusang-kusing [usaha] untuk nak dapatkan bahan-bahan tu. Jadi akhirnya, dapat juga lah akhirnya. Cabaran nya tu tak begitu mencabar lah saya rasa, yang wak rasa bila wak sudah membuat liputan World IBM Convention di- *motivate* oleh James Sebastian tu, wak nampak bersama maknanya dalam hiburan ni ringan takde [tiada] apa-apa benda. Bermakna, alah tak payah SPM lah [tidak memerlukan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia]. Asal boleh bertanya, (tertawa kecil).

Sampai tahap begitu. Tapi bagaimana nak *promote* artis, jadi Wak bila mewawancara artis wak berbincang dulu. Wak tahu arti pengalaman nya apa, menyanyi, pergi *show*, pergi sana itu je [sahaja]. Yang lain-lain dia tahu pentadbiran negara? Dia tahu politik? Dia tahu tentang meniaga? Tak tahu. Jadi bagaimana supaya nampak pengisian dalam dia punya segmen dia bila bercakap tadi kan jadi takde lah [tiada lah] kata, asyik [selalu] menyanyi entah [tidak tahu] berapa lagu, lagu ni di *compose* [mengarang], jadi rendah sangat dia punya mentailiti kan. Jadi wak sebagai dia tahu- dia mengikuti perkembangan negara, macam mana masyarakat kita macam itu. Supaya dia pon terbuka luas. Jadi lagu-lagu pon bukan nya dia *compose* lagu, wak yang *compose*. Jadi dia tukang nyanyi lah. Jadi wak rasa alah ha, kalau aku di situ, kemana aku nak pergi. Ha itu lah pengalaman daripada James Sebastian tadi, *be a photojournalism* [menjadi wartawan foto], ha tu *yes* [ya]. Jadi di situ ha kita boleh menambah, tokok tambah itu yang memberi idea kepada artis-artis tadi tu. Supaya dia ada wawasan gini-. Arwah si Darjanaltum, wak pun anuk bagi ni jangan terlepas cakap sebab wartawan tak lupa tau awak cakap lima tahun dulu ingat. Tapi wak tak sampai situ nanti orang tanya balik, awak malu, tak boleh kan? Tak cantik. (berdehem). Jadi itu yang Wak mengajar balik-, memberi idea balik pada artis-artis tadi tu, supaya dia bercakap tidak ikut rasa je lah. Bermakna adalah tahap-tahap pemikiran yang jauh, sejauh mana boleh mikir [berfikir]. Takde kata fikir nak buat lagu sendiri, *compose* sendiri, cipta sendiri, takde. Jadi situ lah cabaran, cabaran takde lah. Wak rasa pasal luas, pasal kata cabaran tadi tu dalam satu-satu media tadi. Kalau wak di RTS Singapura tu takde cabaran sangatlah sebagai *subtitled* itulah tengok filem, buat filem lah. Habis tu cuma segi -----nak pergi pasal tak tahu masa dia punya itu. Wak rasa semua sikap pon seperti itu jugak. Bagi wak takde masalah apa-apa lah, takde yang-----. Cuma- ada di tipu-tipu orang tu ada lah (sambil tertawa kecil). Pasal mungkin dia pon pernah tak ----- dulu jadi dan kita juga perlu memahami jugak dia, di situ jugak malatih [melatih] diri kita supaya ada kesabaran ya, perikemanusiaan, memikir balik jangan fikirkan diri sendiri, fikirkan diri macam mana. Jadi kita dalam satu-satu tugas tadi ada *plan A*, *plan B* [perancangan A, perancangan B]. Kalau takde *plan A*, *plan B* macam mana, jadi tidak rasa tertekan. Jadi di situ lah yang menokok nambah pemikiran kita tadi tu, berkembang hari-hari tu. Jadi memang kita tahu keseluruhan masyarakat itu memang macam itu dalam bidang apa pon, dalam politik dia akan tertekan macam ni, yang penyanyi pon akan di tanya berapa lagu, berapa ni lah,

kenapa takde ni lah tu lah, jadi ni majalah ni tanya macam tu, majalah tu itu jugak. Jadi wak tidak yang -----, itu wak beri [bagi] idea. Jadi wak dosa pon ada bila wak gosipkan antara Datuk Sharifah Aini [almarhumah Datuk Sharifah Aini Binti Syed Jaafar] dan arwah Saloma [almarhumah Puan Seri Datin Amar Salmah Binti Ismail]. Tapi ada wawasan dia, supaya nak mengejutkan semua artis supaya otak dia bergerak. Apa persiapan dari— tu. Sharifah Aini cakap terang, memang *yes*, memang dia lahir depan wak, dia penyanyi. Jadi wak tahu macam mana *track record* [rekod] dia, gini--.

NME: Boleh kami tahu gosip apa yang dikaitkan?

MNK: Itulah pasal banyak artis-artis bila dah tua ni dorang datang mesti mintak [minta] bantuan, mintak apa. Jadi kita tak mahu macam itu, sebab itu saya menggunakan Sharifah Aini. (sambil tertawa kecil). Jadi Sharifah Aini lah bercakap supaya gini--, jadi dah tersinggung Saloma tak bertegur (sambil tertawa). Jadi angkara [punca] wak. Tapi pahalanya, ramai artis supaya bersiap-siap di hari muka takde lagi susah tinggal miskin, jadi artis kan mewah kan, takkan takde simpan takde fikir apa-apa. Jadi nak mengajar kita tu. Tu wak idea gitu pulak nak *develop* [membangun] supaya ----- ramai tadi kita menerusi saluran dia sape [siapa], artis sama, artis juga kita lagakan. Jadi kalau wak nak buat gosip, wak bincang sama majalah, jadi, “aku macam ni, kau cakap macam ni macam ni”. Jadi majalah sana pulak wartawan dia akan *cover* macam ni, dia akan jadi hidup, jadi cantik, takde anu rasa bangga lah kita. Pasal apa wak rasa kalau kita bangga dengan gosip dengan apa, majalah kita laku kita makan gaji haram, dengan majalah tu laku kerana nama orang. Kita dah cekik [menggunakan] orang punya nama ni laku, sampai kita rasa “wow hebat macam ni macam ni”. Habis kita dah membuat pekung orang, dah menghina orang dah tadi, habis bagaimana pulak? Adakah kita pun hidup cara macam tu asyik apa tu, menyanggah orang je cari makan je cari gosip besok [esok], “dia berjalan sama si karapaya”. Jadi otak kita *corrupted mind* [pemikiran rosak]. Jangan kita nak cari yang baik-baik je, tu wak tulis buku politik yang elok aje, mana kalau nak tulis yang anu, wak kaya tu. Ini dah ada orang telefon wak (sambil mengetuk meja dengan tangan). Tu nak cakap Dato’ pon susah, depa [mereka] tahu ada beribu gambar artis, gambar ini- (sambil berdecik) politik. Depa nak tulis buku. Dia nak tulis buku. *There* [di sana] dia kata, wak cakap je

berapa je hendak (sambil mengetuk meja), sampai begitu punya tahap. “wak cakap je berapa hendak”. (sambil mengetuk meja dan tertawa kecil). Jadi wak rasa takde lah, dan rumah ni [kediaman wak sekarang] sampai orang klinik kata, rumah wak ni macam rumah wakil rakyat lepas satu, lepas tu dua pulak lepas tu ni pulak. Ada satu kereta tu jalan sampai susah nak pusing balik tu.

NRO: Wak, macam mana pengalaman dengan Mastika [syarikat penerbitan]?

MNK: Dengan Mastika wak banyak pasal Mastika ni pon baru lagi, mana ada pengalaman, jadi kita lah sebagai wartawan yang *expose* [dedahkan] kan, bagaimana supaya majalah ni laku, supaya majalah ni ditokok tambah macam mana macam mana nak *cover* dia macam mana. Di situ takde tekanan apa-apa jadi kita lah dari situ lah kita nak menunjukkan kredibiliti kita sebagai karyawan tadi apa dia, adakah----- takkan saya jumpa awak sebagai artis sekali je mesti ada buat nak jumpa lagi. Apa awak nak jawab. Jadi- kita kena kreatif jugak persoalan-persoalan itu. Jadi “awak saya nak gandingkan, nak ambik gambar dengan dia tu”. Jadi kita- yang *create* [cipta], bos tak tahu apa-apa kita yang *create*. (berdehem). Nak pasang-pasang kan gandingan-gandingan dia dengan dia macam mana, itu pon satu hal jugak nak anuk.

NRO: Ada tak kenangan manis atau pahit dengan Mastika?

MNK: Saya rasa tak ada, rasa-- seronok lah pasal apa sehingga dia lahir panorama tu kerna [kerana] bahan wak dah banyak. Pasal wak bila anuk, mewawancara wak----- *plan B*. Jadi belum sempat lagi Mastika, *plan B* dah ada. Jadi kena tambah lagi majalah, jadi majalah tu jadi lagi dapat, *company* [syarikat] dapat *income* [pendapatan] lagi sikit. Lepas tu lahir pulak lagu-lagu filem dalam TV, dia ada macam tu *this is our creative do* [ini adalah kreativiti kami]. Macam awak ni karang [nanti] boleh ikhtiar akan datang, boleh jumpa wak nanti jumpa sape siapa ni, *automatically* [secara automatik] ya awak punya otak *develop* tau. Itulah dia, takpe kat universiti kadang-kadang kena *open* [terbuka] macam ni lah jadi baru kita dapat idea. Jadi wak macam itu- sebab wak jadi karyawan tadi wak jumpa berbagai orang berbagai prejudis, di situ kita dapat cungkil

sikit. (sambil tertawa gembira). Ada orang keras kepala, ada orang lembut, ada orang macam ni macam ni, jadi kalau datang apa tu kita tak (berdecik), tak ni lah, cuma yang-sakit jiwa tu kita termasuk keluarga ni dia dengan politik. Pasal menteri sama menteri, kalau ketua-ketua kampung takpe dan depa *amount* [jumlah] bukan sikit, boleh dapat rumah banglo. Pasal buku tu kalau jadi wak dapat 720, 000 [RM 720, 000]. Di dalam buku tu ada empat belas menteri belum jadi menteri, di— dia pon hendak 200 *copy* [salinan]. 100 ratus *copy* harganya hendak 250 [RM 250]. “Cuba *you* [awak] *time* [kali] kan berapa? Menteri tu sendiri dia nak ambik [ambil] 5,000 naskah dengan harga 200 [RM 200], bayangkan berapa? (sambil tertawa gembira). Jadi sekali-sekali buat dalam bidang ni, dia sekali dapat memang kerja macam lima, macam sepuluh tahun dua puluh tahun lah dah termasuk ini. Pasal wak bikin-bikin [buat] biografi macam (berdecik sambil berfikir), Kunang-Kunang, buku Bagan Dato, dah- dapat dalam berpuluh ribu bikin---- Hadiatul punya buku dapat dalam 50, 000 [RM 50, 000]. Jadi karyawan ni dia- dapat- nya tu lambat-pasal bukan surat khabar dia ada hari kan. Jadi wak dah----- itu dia ada contohnya tu, itu yang buku Sarawak tadi kan dapat dari Mat Taib adik dia si Datuk Topeng tu kata, “wak ni buat- beli goreng-goreng pisang”. Tapi tebal dia bagi (tertawa kecil). Jadi dia tu yang seluk [menyelami] jiwa kita. Jadi kalau kena- ke apa, jadi marah tu toksah- perabih [jangan terlalu marah]. Jadi ada satu guru kata, “wak marah jangan perabih. Mungkin tu dugaan Allah SWT, mungkin akan dibagi lagi. Ini awak dah ada tanah, mungkin ini adalah rezekinya”. -----Allah SWT dilencongan macam ini. (sambil tertawa kecil). Wak sangka, Wak dah mati takde apa-apa tapi ni hidup lagi. Hidup lagi dia nie, esok nak kena bongkar. Jadi Allah SWT bagi hidup [panjangkan usia]. Itulah, cabaran- cuma dalam politik pasal dia, dia orang bikin program lepas batuk kat tangga [peribahasa: bagi melepaskan batuk di tangga], kita tak fikir apa kesannya akan datang, takde. Itu apa yang wak nampak. Seingat wak bercampur akan dapat pengalaman macam-macam, tak ada. Depa kalau nampak baru terfikir. Depa fikir hanya sementara bagaimana program ni boleh menempatkan konon-konon hebat supaya menteri tu tahan lama duduk di situ, itu je. (tertawa kecil). Itu panjang ya, itu wak di tanya.

NME: Sekarang kami akan tanya mengenai, pengalaman Wak dalam Persatuan Fotografi. Sepertimana yang Wak pernah cakap, Wak merupakan salah seorang pengasas untuk

Persatuan Fotografi, boleh Wak ceritakan pengalaman semasa dalam tu dan kenangan manis dan pahit.

(Wak mengiyakan pernyataan bahawa beliau merupakan salah seorang pengasas Persatuan Fotografi, ketika NME sedang mengajukan soalan)

MNK: Fotografi di Singapura tu bagus. Di Singapura tu, tiap-tiap [setiap] persatuan tu diawasi oleh kerajaan, ooo dia kata jangan sesuka aje diawasi. Jadi bagaimana macam mana macam mana. Jadi kalau fotografi tadi ada, diarahkan ditugaskan tadi membuat satu macam perkembangan apa dan dia- ada peruntukan dalam- fotografi tu. Lepas tu dalam Persatuan 4PM setuju perancang dalam 4PM tu dibayar oleh kerajaan, tengok Singapura. Haa dibayar jadi di sepanjang hidup. Itu Cina punya----- Dia punya susur perancang ada termasuk kebajikan, membantu orang- susah. Jadi mengenal pasti tadi, Singapura tadi habis kampung ke kampung wak pergi nak cari orang susah. Lepas tu wak duduk dengan Badan Kebajikan Kematian, Khairat Kematian [Badan Kebajikan Khairat Kematian], wak tukang *collect* [kumpul] dia punya duit yuran dengan [menaiki] basikal. Rasa-rasa wak lah, wak lahir kat dunia ni masuk je sekolah Melayu, darjah apa tu darjah satu ni wak dah *struggle* [tekun] sampai hari ni depan wak, rasa wak takde rehat-rehat, ada je. Wak tak boleh duduk termenung, tak boleh. Sekali macam mana nak siapkan benda tu, bermakna benda tu dah ada. Jadi begitu lah, cara hidup wak daripada lahir, dari sekolah maka itulah berkembang, macam di Bagan Datoh tu, lagi menolong- orang- kampung. Jadi wak punya bapak ni dia tukang- sembelih lembu. (berdehem). Jadi bila ada orang- kampung ni mengait [mengambil] kelapa, bapak wak nie jadi akauntan. Akauntan macam mana, bila kelapa jatuh, dia akan kira berapa puluh berapa puluh. (berdehem). Jadi wak ikutlah. Bila kambing berapa kan, jadi nanti tu dalam buku biografi wak tu ada lah kambing. Lepas tu ada wanita-wanita yang genit-genit [cantik-cantik] kat Bagan Datoh yang ambik gambar apa tu. Jadi itu yang wak nak masukkan itu kisahnya. Jadi sampai mana dah? Wak takut dah.

NME: Sampai fotografi.

MNK: Fotografi itulah, wak rasa fotografi kita sendiri, memang nak menjadikan nya

memang satu cabaran lah pasal kita nak sebagai nak meneroka, mendahului nya dik nak mencipta, nak—mengabdikan itu yang ni----- Tapi tekanan dari atas [orang atasan] takde (berdehem) malahan depa suka tempat ni. Sana [Singapura] sangat bagus kalau dapat kelebihan dalam bidang itu, setahun sekali ada bonus. Ehh majalah POKAP, macam jual nasi lemak aje dapat bonus raya *happy* [gembira] tau. (MNK & NME tertawa). Jadi itu bermakna----- tapi kat sini [Malaysia] tak ada. Apa bezanya Melayu sini [Malaysia] dan Melayu Singapura, wak pun heran [hairan]. (terbatuk). Bila wak cakap lebih-lebih itu wak kena pulau. Bergaduh sama Datuk Bandar, pasal ----- *answers* [jawapan]. Tak cukup orang, takde orang. (tertawa kecil). Aduiii.

NME: Persatuan Fotografi kan wak salah seorang pengasas dia, apa yang memberikan sumber inspirasi macam untuk kenapa kita kena tubuhkan jugak Persatuan Fotografi.

MNK: Semasa jadi jurugambar tu, supaya ada persatuan dia supaya dapat ditentukan halatuju dia dan supaya tidak celum-celam. Jadi kalau umpamanya kita *standard* [seragam] kan. Kalau orang kahwin tu berapa kita nak *charge* [bayaran] tak boleh ikut suka hati. Jadi di situ lah menyelaraskan. Fotografi ni memang orang suka, jadi memang ramai memang akan dapat sambutan. (berdehem). Yang model-model pon akan meng— hadirkan diri bagaimana----- Jadi pasal ada bayaran nya,.

NME: Jadi dari situ lah macam memberi inspirasi untuk menubuhkan persatuan ni.

MNK: ha *yes*! Jadi pengerusi kita Hussein Kamari, kita tak sebut Hussein Kamari kita, wak sebut sebagai cikgu—Hussein Kamari. Jadi perempuan yang macam singa tadi namanya Zakiah Hassim. Wak berkata, “baru wak ingat nama tadi tu”. Tapi nak ambil gambar dia takde lah nak pergi sana pergi sini, selalu duduk je lah, tak boleh lah. Ini Wak kena *control* [kawal] oleh anak wak ni, kalau tidak wak takde kat rumah (ketawa). Walaupun berusia tapi entah kemana- ini nasib ada cucu, ada ni kalau tidak-- tak boleh lah. Banyak lagi belum selesai kerja, yang ni bagus awak datang ni dah meringankan dah ada tempat umpamanya----- Alhamdulillah syukurlah ditemukan dengan awak semua, memang Allah SWT memang temukan. Bukan murah dia punya nilai tu dalam bidang

fotografi tu. Jadi pasal Wak ada dua- tiga----- rasa takde jurugambar lagi kan. Pahtu [selepas itu] (berdehem) nak cerita yang lebih anuk lagi memang tu tapi biarlah tu umpama terkumpul. Jadi tu kan- nak fikirkan yang negatif yang banyak tu di mana nak letak. Itu gambar-gambar pameran fotografi pemuda tu beratusan tu, dah *print* [cetak] dah tinggal gantung je. Jadi kalau wak dah takde, cuba awak fikir, cuba tolong saya bantu fikir. Awak dah- ya betul ha nak di bakar ke nak di buang. Itu atas *my cost* [kos saya]. Wak belanja- wak tu. Bukan depa belanja. Ehh anu Sha, awak- mahu buat kerja tanpa dibayar tanpa ada hitam putih? (mengajukan soalan kepada Natasha). Tak mahunya, tak jadi. Nak tengok galeri wak pergi ke rumah anu Bagan Datoh selain buku buat dengan datuk tu. Ada galeri Bagan Datoh. Di rumah Bagan Datoh tu. (terbatuk). Dekat [hampir] 400 gambar. *This is* [ini], ini bukti jadi wak tak mau cakap (berdecik) apa tu benda takde. Jadi Wak ada apa ni namanya, satu set yang dihasilkan tu, ini boleh cerita tapi tak sebut. Lepas wak bikin pameran fotografi yang hebat di waktu Perhimpunan Agong UMNO yang di *sponsor* [taja] oleh syarikat 360 ribu dalam wak perjanjian itu, Wak dapat 40% dia punya apa dipanggil apa— dapat tu daripada 40% daripada 100% tadi lah bermakna komisen wak lah penat buat ni kan tu. Tapi wak tak dapat sebanyak tu, sepatutnya wak dapat berapa puluh ribu tapi wak tak dapat tu. (berdehem). Jadi gambar-gambar tu, wak nak kemana buat program jadi ada menteri nak pergi sana jadi gambar tu nak dipamerkan dekat UiTM [Universiti Teknologi MARA] pada tahun 98 [1998]. (mengetuk meja). Jadi wak di bagitahu sama si polan, Dato'. (ketawa). Suruh bagitahu sama Datuk Zahid mengatakan gambar itu hilang. Jadi dorang buat satu kertas kerja lagi nak buat pameran di UiTM, kerna menteri nak datang supaya ada pameran fotografi tadi tu jadi dia orang nak *claim* [tuntut] aje lah berapa ratus ribu, sambil dapat beli BMW [jenama kereta] yang tu tadi. Jadi (berdehem) dia ambik Wak di depan hospital Kuala Lumpur [Malaysia]. Kata wak ni kereta ni masih ada plastik- ni, dia kata dapat hadiah dari bapak dia. Hang [kau] tahu wak dah bukak [buka] pintu wak dah nak loncat [melompat] dari kereta tu wak dah sah-sah kena tipu, tu orang kita. Jadi anak dia ni gambar yang ni lah, yang *second* [kedua] punya *exhibitor* [pameran] lah, yang *second* [kedua] tu tak tahu dimana nak, jadi ada ni. Nanti insya-Allah. (ketawa).

NRO: Wak juga pernah terlibat dengan Varia Pop, boleh Wak cerita pengalaman dekat Varia Pop.

MNK: Varia Pop bukan terlibat macam mana, wak mengasas. (ketawa). Macam mana jadi Varia Pop macam mana, haa pasal waktu tu—tadi gambar tadi ada gambar bos tadi. (melihat gambar-gambar di atas meja dan lalu berdehem). Dia bikin romantik- detektif romantika. Dia buat telungkup, dia buat telungkup. Penghabisan dia tu wak jumpa *start* ada kat Indonesia tadi tu, dulu tu, memang nak- buat tu jadi bila dah jumpa sama bos lama wak, Mustafatun. Jadi cuba kita ambik orang- yang gini- itu wak dapat tawaran, tapi memang Wak nak balik kemari. Jadi “okey Nahar, kita plan kita nak buat Majalah Varia Pop. Jadi macam mana kau dengan Mastika Filem macam mana?”, kata Mustafatun kepada wak. Wak menjawab, “takpe- memang cantik lah, aku pon memang nak balik semenanjung jadi sama-sama kita buat ni”. Mustafatun berkata, “okey aku masih di -----, engkau *cover* ni lah Johor Bahru [Malaysia] sama Singapura”. Itu wak sewa rumah di Johor. (berdehem). Jadi, itu yang bila Wak terus komited dah dapat bayaran daripada sana, Singapura tadi tu terus terang- lah *open cup* lah, apa-apa pon kita tidak takut esok--- -- bila buat *report* [laporan]. Itu yang pindah dulu belum dapat bawa [bawa] barang-barang tu. Itu yang barang-barang Wak kena curi tu. Wak berkata, “itu *you mention* [awak sebutkan] tu, eh itu sejarah”. Sejarah dengan UMNO di asas, Tengku Abdul Rahman [Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Alam Shah, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, 1903-1990] pergi London nak menentukan kemerdekaan tadi tu, P.Ramlee berkompany waktu tu dekat----- bersepah tu artis, jalan je terlanggar artis semua artis lah dalam tu. Eh dua puluh [20] tahun dekat Singapura melakam- [merakam], bukan sikit. Jadi dah ada rancangan nak balik kemari [Malaysia], dengan moto [motorsikal] wak *round* [pusing] Singapura, tiga belas [13] hari baru habis merakam. “Aku nak jadikan buku nanti bila aku balik Semenanjung [Malaysia]”. (bermonolog sendiri). Tengok tu, itu dah terfikir dah, dah terfikir nak buat buku Singapura nie. “Aku nak buat buku Singapura selama aku ada di Singapura, apa-kah dia itu”. Itu yang wak menangis empat hari empat malam, sampai wak puasa Senin Khamis [hari Isnin dan hari Khamis]. (berdehem). Itu tahun berapa tu—juh puluhan [tahun 70-an] itu, sampai sekarang wak puasa Senin Khamis. Agak [kira-kira] berapa puluh tahun dah. (ketawa

kecil). Kut-kut lah dapat balik kan gambar-gambar filem tadi tu, yang mahal tu. Hey itu kalau tak hilang, sejarah lah yang awak berdepan bersama wak Nahar Kamsani tadi tu awak rasa bangga. Pasal boleh bikin buku semua- ada dalam tu. Singapura ada kat dalam tu, Tunku Abdul Rahman ada dalam tu, ----- baru hebat. Itu yang wak nangis sampai sekarang teringat.

NRO: Kira kenangan pahitlah kehilangan tu.

MNK: *Yes!* Itu yang pahit. *You mention that, you did mention that.* [awak sebutkan perkara itu].

NME: Sewaktu...

(Tokoh mencelah)

MNK: Paling-- mencabar, paling apa itu dipanggil ya, awak tahu lah perkataan yang paling dahsyat punya lah ni. Ehh hilang bahan tau, hilang harta tau, hilang (berdecik).

NRO: Tragis.

MNK: Haa, itu nyawa kita dah itu sebagai bukti kita. Aaa itu dia! Itu panjang sikit lah awak boleh *elaborate* [huraikan] apa-apa.

NME: Pada tahun 1977, wak jugak pernah terlibat dalam organisasi Majalah Lelaki atau Bambino.

MNK: Yalah itu yang wak kata waktu di Varia Pop, wak dah di pinang oleh si Mirsha [Jaafar Taib], tadi.

NME: Waktu dengan Varia Pop la?

MNK: Haa. Itu bila wak bikin surat berhenti tu, Mustapha meleleh air mata. Dia tak sangka ni, rupanya satu Malaysia dah dengar Nahar Kamsani nak berhenti Varia Pop. Wak banyak dapat tawaran daripada majalah sana majalah sana, tapi dia tak tahu yang wak nak pergi ke Majalah Gila-Gila.

NME: Jadi waktu tu, wak menjadi rebutan lah untuk..

(Tokoh menjawab sebelum soalan dihabiskan oleh NME).

MNK: *Yes! Yes! You* [awak] kena buat-----, jadi awak ni ada nilai, orang (berdecik) dapatkan misalnya Karangraf [syarikat penerbitan di Malaysia], Dato' Hishamuddin tu, dua [2] kali datang----- (ketawa kecil). Waktu tu rumah atas lagi, rumah di atas tu rumah setingan. (sambil tertawa). "Wak tak usah malu-malu, kita dah ada Majalah Keluarga, majalah-----, ada empat [4]. Kata wak nak kemana ni,". (Tanya penemu bual kepada wak). Takdelah. Tapi dorang tak terfikir, takkan wak nak pilih Majalah Gila-Gila, Majalah Gila-Gila mana pakai [tiada lampiran] gambar ya dak [betul tak]. Tapi dia tak tahu masalah, Majalah Lelaki first *print* [cetak] 4,000 *sold out* [habis dijual]. *The third* [ketiga] edisi, kita dah dapat iklan, dapat iklan, *print* 7,000 naskah *not a single one return* [tidak ada satu pun yang dipulangkan semula], *sold out*. Di- situ lah bagaimana pengisian lelaki, macam mana top, majalah pertama di Malaysia yang mempunyai kualiti. Itu sebab bila wak mengasas Varia Pop, ----- ini maka berkembanglah, itu *you mention* tu. Berkembanglah penerbitan- di Malaysia. Ada majalah ini, ada majalah ini, dulu takde! Dulu cuma URTV punya utusan, yang lain semua kecil-kecil lah.

NME: Wak lah sumber yang membuatkan Malaysia mempunyai banyak majalah?

MNK: Haa, *start* [bermula] Varia Pop lahir tu. Maka berkembanglah Majalah Geli Hati, majalah apa, majalah-majalah hiburan ni apa namanya, America----- lagi. Banyak tu, jadi itu jadi *you mention* tadi. Majalah----- di negara, setelah lahirnya Varia Pop maka berkembanglah penerbitan-penerbitan di negara kita, di Malaysia. Aaa itu nak sebut tu, bukan ni tidak (berdecik) berebut, sampai dua kali satu bulan [2 kali sebulan], seratus

lima puluh naskah [150], 150, 000 naskah satu keluaran tadi. Punya berani tu, wak pun---
-- kita lah tenaga, wak yang pergi cari bahan, bukan wak seorang ada lagi jurugambar
lah. Cari bahan-bahan tu, sendiri buat *appointment* [temujanji] dengan artis, sendiri
wawancara, sendiri ambik gambar, bagi pada editor dia. (tertawa kecil). Itu wak kurang
lekat *detail-detail* [maklumat] tentang artis. Cuma bila jumpa ni baru dia rapat lah.
(terbatuk). Itu *you mention* tu. Jadi aaa oleh kerana Creative Enterprise, Majalah URTV
ni sudah top, dia punya bos sudah nak meniaga konon tapi meniaga salah meniaga lah
tapi yang kira halal la, macam kayu gaharu kan. Di mana, kan jauh penerbitan dengan
kayu gaharu, kayu gaharu ni memang lumayan, tapi orang nak kenakan dia, di situ ada
selisih faham dengan *partner* [rakan bisnes], Jaafar Taib, Osman-----, si Azman [Azman
Yusof], Jana Buang Hussin [Zainal Buang Hussin], tu semua top-top dalam ----- Gila-Gila
[Majalah Gila-Gila], top dalam majalah komedi lah yang dalam negara tu. Jadi, ----- kata,
“kalau kau nak *stay* dalam Creative kena bayar berapa yang sudah rugi tu”. Dia kata takpe
lah, jadi kalau kau nak beredar, kita tanggung-----. Itu kita buat Majalah apa tu, Batu Api.
-----Jadi memang itu lah majalah dia, Batu Api. Jadi Batu Api, Wak sudah tidak jadi
jurugambar Wak jadi *marketing* [pemasaran], menjaga *control* [kawal] satu Malaysia ni
dia punya *circulation* [peredaran] dia.

NME: Sukar tak untuk bekerja dalam bahagian marketing, untuk check..

(Tokoh menjawab sebelum soalan habis diajukan oleh NME).

MNK: Tapi kalau kita dah ada panduan-panduan apa, memang tak—sukar, pasal
dia orang memberikan kerjasama kerna [kerana] majalah yang laku semua kita punya ----
ni semua kerjasama, kita di ampu-ampuh lah. (tertawa). Itulah perkembangan dia. Baru----
-, dia memang, awak ikut *step-step* [urutan-urutan] lah. Pergi balik kemari tadi macam
mana, jadi ada cerita tadi tu, tu dah takde potong-potong, awak ikut je tu. (terbatuk). Itu
belum lagi pergi Pesta Buku Antarabangsa, belum bab tu lagikan, macam mana wak boleh
buat buku tu kan. Politik pon wak belum cerita lagikan. Wak masuk kampung keluar
kampung, tu banyak lagi tu. (terbatuk).

NRO: Pengalaman Wak dengan Yayasan Pahang dan ABIZAGroup.

MNK: Yayasan Pahang ni dia banyak duit, jadi Dato' Sharif tu dia banggalah bila kita---
- Bagus soalan tu. Pertama yang menerbitkan Ensiklopedia Malaysiana dalam bahasa kebangsaan, dua belas [12] *volumes* [jilid], jadi ada gambar-gambar----- (berdehem). Kita di negara [antara negara seluruh dunia] yang pertama membuat majalah, buku yang betul macam ni. Selepas itu barulah lahir, macam-macam buku-buku yang anuk di Malaysia lambat, takde dulu, memang kosonglah, itu bila wak cakap banyak wak kena pulau [pinggirkan]. (berdehem). Jadi wak tahu sejarah.

(Sesi temubual diberhentikan seketika bagi menghormati azan Zohor yang berkumandang).

NRO: Okay, kita sambung semula sesi. Boleh Wak cerita lagi kenangan bersama Yayasan Pahang dan ABIZAGroup?

MNK: Yayasan Pahang, memang wak nak buku Pahang macam buku Perak semua tu, jadi Dato' Sharif dia kata, “bayangkan wak tinggal di Kuala Lumpur, buku tu di Yayasan Pahang, wak tak tinggal di Pahang, yalah kalau tinggal pon boleh buat kerja, *sharp* [tepat] kerja, macam mana nak buat kerja”. Jadi dia [Dato' Sharif] suruh tinggal kat sana, tapi wak rasa, pasal wak masih komited dengan ABIZA. Pasal dia anak syarikat [syarikat kecil] yang- kita— wujudkan tadikan dengan M.Shimar pasal kita nak buat ensiklopedia, pasal orang tu banyak duit. Jadi Dato' Sharif pun setuju supaya dapat anuk lah. (berdehem). Jadi Wak sudah meneroka Pahang, habislah tapi terbengkalai sikit anuk itu bila kita tukar Exco UMNO, tu rupanya orang politik.

NRO: Dato' Sharif tu siapa?

MNK: Pengerusi Yayasan Pahang [pada ketika itu]. Ada di sini gambar nanti wak tunjukkan. (sambil melihat gambar-gambar yang ada di atas meja).

NME: Di situ ya yang Wak katakan mengenai Ensiklopedia Malaysiana.

MNK: Ya---. Dia lah yang *sponsor* [taja] antaranya dengan M.Shimar tu, anak yayasan-apa, yang kita buat buku-buku apa tu yang Sarawak apa tu (lupa tajuk buku), dibiayai oleh Yayasan Pahang, bawah M.Shimar. (berdehem).

NRO: Jangka masa untuk siapkan Ensiklopedia Malaysiana?

MNK: Tiga [3] tahun, empat [4] tahunlah, makanya tahun lapan puluh berapa [80-an] kita dah mula, tahun sembilan puluh enam [1896] wak cakap kat Jins Shamsuddin [Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Zain “Jins” Shamsuddin], ingat kita mati hidup dengan hiburan ya Din, tak lama lagi kita lancarkan tu, dia ketawa. Tapi waktu nak buat ensiklopedia tu, kita anuk, Wak dipanggil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. (berdehem). Depa dengar jugak nak buat ensiklopedia inilah ensiklopedia punya, ada orang ketawa macam tak percaya kita ni boleh buat ensiklopedia. Ehh boleh ke ni? wak kata “ehh Singapura tu dulu lautan tahu tapi di tambah-tambah jadi *airport* [lapangan terbang], boleh laut ditambah jadi ni. Ini benda depan mata takkan tak boleh”. Takkan yang layak buat ensiklopedia hanya bangsa-bangsa asing, kita mampulah, apa pasal pulak. Macam dia dah ketinggal lah kan sebab dia hanya ada Dewan Masyarakat, Budaya dengan apa, dia dengan majalah aje, jadi dia kat situ----- kat situ pon wak tegur jugak, wak jadi tukang menegurlah (tertawa), wak rasa kita tengok Indonesia tu macam mana, depa tak pergi! Pergilah *Philipine* [Filipina] tengok macam mana, pergi Indonesia tengok macam mana penerbitan-, pergi Thailand tengok macam mana, macam mana. Memang lah tinggi ilmu ada ijazah tapi dari segi perkembangan takde. (berdehem). Kita buat, dia lancar. Jadi, bagitahu Najib [Dato’ Sri Mohammad Najib Bin Tun Haji Abdul Razak], itu bangang jugak, patut anak buah engkau susah-susah buat, patut dibantu. “Ehh panggil lagi wak, Hassan apa lagi rancangan”, patut macam itulah. (menepuk meja, geram). Kita ada sembilan [9] ensiklopedia tau!

NRO: Mengenai apa ensiklopedia tu?

MNK: Mengenai, parlimen tu ada ensiklopedia dia. Jadi kalau wak jadi ahli parlimen

Sha, apa yang wak cakap, maki, semua ada dalam ensiklopedia tu. Kita buat sembilan [9] *volumes*, Islam ada ensiklopedia apa lagi wak lupa. Ada sembilan [9] ensiklopedia, yang tebal-tebal tau bukan yang tipis-tipis [nipis]. (tertawa gembira). Kita buat tu, kita punya, kita punya----- tentang buku, ada lagi. Itulah memang wak nak temukan dengan orang-orang ni nanti supaya awak boleh *develop* [bangunkan] balik, dapat berkembang lagi bukan wak sahaja.

NME: Ensiklopedia yang ada dekat parlimen dia tak buat secara umum lah?

MNK: Itu mahal-mahal tu jadi kita hendak by-- *lend order* [tempahan untuk peminjaman] lah, macam mana, macam mana lah.

NME: Jadi nak tengok tu kena *order online* [pesanan atas talian] ke macam mana?

MNK: Rasa dia dah— ada *online*, dah ada *online* tu. Dilancarkan di parlimen tu, haa di parlimen.

NME: Pada tahun bila tu wak?

MNK: Tu dah lupa dahtu [sudah itu].

(NME dan MNK tertawa kecil).

NME: Apakah wak rasa mengenai cabaran sebagai jurugambar yang seusia wak pada masa kini?

MNK: Cabaran tak ada [tiada], semuanya atas diri kita, sama ada kita kreatif atau tidak kreatif, ahli pemikir atau kita tidak berfikir. Kerna [kerana] kita sudah terbentang luas dengan macam-macam apa tu, iklan ya, perkembangan dunia menerusi TV [televisyen]. Ehh takkan duduk tengok TV je, takkan tak terfikir macam mana. Itu wak bikin ni----- mungkin akan datang kita boleh buat filem, jadi awak mungkin boleh buat skrip. Jangan

gini-gini aje, bermakna awak kembangkan satu lagi, buat skrip yang bagaimana memajukan kanak-kanak macam mana, kan?. Ini Wak sediakan tadi bukan untuk nak- wak je. (berdehem). Dia kata “Wah kita boleh----- supaya kanak-kanak macam ni, macam ni. Anak-anak kampung boleh macam ni, macam ni kan”. (bermonolog). Dia memang awak nie memberi----- memang Allah Ta’ala menemukan kita, memang dahsyat lah Allah Ta’ala balasanya tu bila wak dah kena macam tu, setengah orang memang akan *paralyzed* [lumpuh] lah. Tapi rupanya dibuka balik, ini kalau dah ter-jana nanti tu, lakulah apa kita nak buat. Ehh dah terbukti wak ada gini-gini, awak pulak macam mana peranan awak nak menokok tambah kat situ, supaya orang terima benda ini. Jadi bila dah ada pemikiran yang nak----- awak pulak dah boleh memikir nak buat skrip tentang apa. Itu dia, bermakna jangan satu tapi kena ada serampang dua [perancangan lain], baru kita luas. Jadi wak, awak takkan lalui tekanan tau, takde tekanan apa-apa. Awak bebas, awak pergi mana boleh. Jadi itu yang Wak buat selama ni, tidak makan gaji, tidak sangkut dengan sape-sape [siapa-siapa]. “Aku boleh pergi sana sini, aku boleh jumpa dia, jumpa dia”. Jadi di situ banyak ni----- jadi awak cabaran awak dicabar oleh orang yang tidak memikir, jadi awak kena memintas orang ni. ----- tidak, jadi awak *on the top* [berada di atas]. (berdehem). Kenapa orang boleh buat.

NME: Wak rasa macam mana untuk supaya jurugambar yang seusia wak ni lebih dihargailah oleh Malaysia ni apa yang patut kita buat? Adakah macam kempen ke, langkah-langkah yang wak rasa dapat membantu mereka.

MNK: Wak rasa, mesti *contact* [hubungi] siapa *client* [pelanggan] kita tadi tu. Macam kita dah beberapa tahun, kita di *engage* [terlibat] oleh farma niaga, ada lagi satu [1] badan yang apa tu, wak lupa anak wak yang pergi, dah dihantar ke Jepun, Indonesia, Korea bermakna ada krew-krew kita, badan-badan kita pergi ke sana. Tengok baru kita nampak, jadi kena meneroka, ----- tapi wak *motivate* dia. Nak pergi ke *offshore* [tengah laut] nie kena modal, dia kata peralatan tak cukup ni, kena ini----- nak pergi sana kena *test* [cuba] menyelam, bagaimana ombak laut semua tu. Kalau gempa, kalau ombak macam ni, jadi tadi baru bagitahu, alhamdulillah minggu depan baru balik. Dia cuba nak balik ni, jumpa awak tak sempat, dia kena kuarantin. (berdehem). Haa ni sedap macam tu, jadi wak ni

sebagai sumber apa, wak—boleh berfikir mungkin buat skrip kerna wak dah siapkan ni untuk ini untuk generasi pakai, rumah ni dah siap macam ni, dia tanya “kenapa rumah ni macam kedai?”. Ehh jangan cakap macam tu, itu aku punya suka lah aku nak buat, banyak----- banyak orang kita nie sewel. Jadi wak tanya balik, apa yang boleh saya lihat, apakah bidang awak, hasil awak bekerja? Takde! Awak nak komen orang. Itu ada masa wak- nak----- ini Varia Pop (sambil menunjukkan gambar semasa bersama Varia Pop).

NRO: Pada pendapat Wak, adakah bidang fotografi ini akan lebih berkembang dan lebih maju seperti bidang lain.

MNK: *Yes! How creative* [bagaimana kreativiti] kita. Bila awak ambik gambar tadi, bagaimana yang wak katakan kita----- rupanya Allah Ta’ala buka kan minda tau, buka minda jadi bahan-bahan tu kalau kita ambik sikit, dalam satu bulan----- jadi macam menteri apa tu wak boleh buat dia punya biografi dah kalau 10,000, 20, 000 memang dah *in hand* [dalam tangan] dah pasal dah ada dia punya, daripada dia ----- sampai dia jadi menteri wak ada gambar dia. Ini *photographer* [jurufoto], *photojournalism* [kewartawanan foto] dia kena macam tu. Macam wak bikin buku ----- siapa sangka dia jadi Menteri Besar, bukan dia orang suruh. Tapi sekali dapat, macam awak kerja 10, 000 tahun tau. Jadi wak *relax* [bertenang] sambil tu wak fikir balik lah, apa lagi *next programme* [program seterusnya]. *You* berdiri di atas kaki sendiri dan *you* dah memerdekakan diri sendiri. (terbatuk). wak sekarang ni, pendapatan wak dah cukup! Ehh menantu, sampai wak mintak [minta] ampun jangan beli ini-ini, takyah lah buat gini-gini (tertawa). Wak nak infaqkan kepada arwah-arwah, tok-tok kita, kerna mereka pada masa tu memang serba kekurangan dalam----- . Jadi sebagai kata, dalam ayat Al-Quran tu ayat----- kata jadi wak infaqkan lah, wak cari, pasang satu [seorang] janda tu. (berdehem). “Kau cari sape-sape yang gini-gini”. Jumpa. Dia jaga mak dia ke adik dia, gini-gini. (berdehem). Haa tolong bantu. Kat masjid ada orang susah. Itu baru dunia dan akhirat. Ini Wak sebagai awak punya sumber, wak hendak cabar awak, ya jangan dah ada ni----- . (berdehem). Bikin filem yang sirilah, filem yang sepuluh [10], lima belas [15] minit. ----- *coordinate* [menyelaras] awak, dia boleh edit. *Editing* [penyuntingan] semua dia lulus, kita buat filem gini-gini. (berdehem). Jadi bila ini, nak tersebar ini, seluruh

Malaysia akan kenal wak. Wak menteri-menteri semua kenal wak. (tepek meja). Ehh jumpa wak ajelah jadi kita *carry*, meng-*carry* [saling membantu], *I carry you, you carry me* [saya bawa awak, awak bawa saya]. *This is our life, in the future* [ini lah kehidupan kita di masa hadapan]. *You cannot stand on your own, you must link with other* [awak tidak boleh berdiri sendiri, harus berhubung dengan yang lain].

NRO: Pada pendapat wak, macam mana nak kekalkan bidang fotografi ini supaya kekal penting dalam negara Malaysia.

MNK: (berdehem). Memang fotografi ni dah jadi benda kedua ni----- semua apa-apa orang perlukan fotografi. Itu hari wak *respect* [hormat] ada satu [seorang] anak dara, dia dah *tour* [jelajah] separuh dunia, dia pakai ----- dia boleh *park* ni [letakkan] kereta yang panjang dengan sebelah tangan dia masuk tau. Barang-barang dia ni lah studio ambik empat [4] baru habis. Ni lah, wak *respect* macam-macam barang dia dah dapat hasil *travel* [melancong], nampak selekeh aje. (terbatuk). Ada lagi satu, (berdehem), apa ni, Wani Tudung, ambik kat sini, jadi anak wak lah yang ambik. Ni tengok wak punya *plan* waktu wak buat rumah ni ada *parking* [tempat letak kereta], sekarang gunanya awak, awak datang itu hari bawak kereta, jadi tak ganggu kat sini. Itu kena fikir jauhlah. (berdehem).

NME: Wak, adakah wak rasa wajar sekiranya anak muda yang ingin menceburi bidang fotografi perlu mengasah dan menimba ilmu sebelum dorang menceburi dengan lebih mendalam dalam bidang fotografi ini.

MNK: Haa dia fotografi dia pertama kali macam kita belajar baca Quran [Al-Quran] mesti ada tajwid, kita mesti tahu jugak aspek-aspek dia dari segi *angle* [sudut], *lighting* [pencahayaannya] apa semua lah. Jadi gitu, (berdehem), untuk kualiti yang lebih lagi kan macam anuk, pasal fotografi dia kena mengena dengan *lighting*. Dengan *lighting* orang jadikan langit dan matahari, jadi itulah *angle* (berdehem). Kalau orang perempuan muka bulat tu macam mana nak ambil supaya nampak kurus sikit, senang kata dari aspek itulah lepas tu dalam karyawan tadi tu luaslah, dia—luas. (berdehem).

NME: Apakah impak positif yang wak boleh rasakan setelah berada dalam bidang ini setelah sekian lama?

MNK: Impaknya memang impak, tapi banyak yang wak dah anuk bermakna itu tadi wak tengok buku-buku tadikan, itu antara kombinasi wak di Yayasan Pahang tadi tu, dengan yayasan tadi tu kita sama-sama wartawan tu. Jadi kita nampak nak memper----- negeri-negeri tadi punya anuk tu, biografi tadi tu. Selangor [Malaysia] kita buat dah. Jadi kita dahtu----- di dalam pada kita membuat keseluruhan Selangor, pembangunan Selangor tadi tu. (berdehem).

(Temubual diberhentikan seketika atas sebab telefon untuk merakam video temubual kehabisan bateri)

MNK: Jadi kita ingat ya, ini sebagai *starting point* [titik permulaan] dia, sebagai apa, sebagai asasnya dulu wak kena jual diri wak dengan pengalaman tadi tu. Ini merupakan kertas kerja wak.

NME: Kita akan bersambung sesi, apakah impak positif yang wak rasakan sepanjang terlibat dengan bidang ini setelah sekian lama?

MNK: Impak, wak sudah nak dilamar, nak ditawarkan satu jawatan yang sudah diluluskan dalam *exco meeting* [mesyuarat], kerna di dah nampak prestasi wak yang gini-gini, jadi dah nampak hasil-hasil ini, yang boleh anuk tapi wak tolak. Kerna wak rasa ada yang lebih elok, kerna jawatan yang di bagi tu awak boleh pegang, bagi *train* [latihan] tiga [3] bulan dah boleh, jadi wak tak mahu macam ini. Jadi wak tak boleh, Wak apa lagi kita nak apa tu, asas. Apa yang nak kita cari lagi, wak nak macam itu. Sebarkan----- kertas kerja tadi, wak nak—gerakkan beberapa jurugambar tanah air tadi tu, supaya ada hasilnya tu di seluruh dunia. Takdelah bikin-bikin majalah-majalah ni, lagu-lagu kat negeri kita aje kan. Jadi buku-buku tu ada empat [4]-----, bahasa boleh ada di mana-mana menerusi kita punya Kementerian Luar [Kementerian Luar Negeri Malaysia]. Jadi ada kerja. Jadi di *embassy*

[kedutaan] tadi ada satu *library* [perpustakaan]. Di mana orang nak datang Malaysia, pergi ke *embassy* tadi tak sabar-sabar nak datang Malaysia. Selain daripada pelancong, jadi pelancong boleh----- kat situ jugak. Haa itu *function* nya, jurugambar mampu. Itu yang tak sampai kertas kerja tu. Itu kalau diluluskan tu alah 1, 000000 [Ringgit Malaysia] aje. Satu negara tak boleh bagi 1, 000000 kepada jurugambar ni awak----- berapa puluh berapa ratus ribu dulu buat, cover. Takde! (berdecik). Itu yang dipanggil cabaran, cabaran ya. Cabaran itulah dia yang idea Wak tak diterima.

NME: Adakah berdasarkan impak positif yang Wak kongsiakan tadi membuatkan Wak terus semangat untuk kekal dalam bidang fotografi?

MNK: Ya—tugas sebagai jurugambar banyak. Jurugambar takkan pupus, dia berkembang-, yang kita boleh kongsi menerusi foto tadi kita boleh menyampaikan segala kaedahlah. (berdehem).

NRO: Apakah pendapat wak mengenai peruntukan kerajaan bagi bidang fotografi?

MNK: Duta di Malaysia ni celum-celam [bercelaru] macam ----- tak tahu macam mana jadi dia. Namanya atas -----, nama negara tu, apa ada? Tengok wak punya Kelab Fotografi di Singapura, di bantu oleh kerajaan sini takde *respond* [maklum balas]. Tapi depa *meeting* kata bergaduh, terbang-terbang kerusi apa ni. Hanya sebut apa, nak jawatan. Takde!

NRO: Kiranya takde peruntukan kat Malaysia?

MNK: Takde! Sa- [saya] rasa, tak payah peruntukan. Bermakna, mudah kata gitu. Supaya kerajaan tu nampak tau macam mana kan, jadi mungkin dia boleh *cover* [tutup] tiap-tiap negeri tadi tu, yalah bermakna daripada anuk peruntukan ada pon okay jugak. Tapi kalau takde peruntukan pon, dah boleh dah pasal sekarang dah ada kemudahan asas, pergi mana-mana dah ada bas, dah ada apa, buat dulu. Itu Wak ada berapa ribu yang *slides* [slaid] tadi tu. Mana ada depa *sponsor*. Kalau awak jadi pengarang, dah ada bahan

dah *Malaysian Life* tu awak dah boleh fikir, “macam mana aku nak mengarang *Malaysian Life*”. Gambar ada dah cuma nak tokok tambah aje. “Macam mana aku nak mengarang *The Future Generation*”. Adalah bahan! Bermakna berapa ambik, ambik dah berapa puluh tahun dulu, bermakna waktu tu awak kecik [kecil], jadi sekarang awak nak jadi pengarang tu, eh aku dah beso [besar]. Waktu kecik macam gini-gini, mungkin dah ada kat situ gambar dia. *This is* [ini adalah] bermakna kreativiti kita. (berdehem). Jadi kita harus tajam, apa lagi yang belum ada di negara kita, apa lagi yang ni. Jadi awak kira bertuah dah merdeka [Malaysia telah mencapai kemerdekaan], semua dah ada dah, dah terdedah semua dah. Jadi cuma ini mikiranya [pemikirannya], banyak- membuat rujukan, *contact* lah sesiapa *contact*, kalau *contact* yang anuk memang jadi, tapi wak punya----- wak dari asal kampung, tak ada sekor seorang pon (menepuk meja geram) jurugambar yang----- ni baru meninggal semalam di Singapura. Wak rasa ada yang sama-sama barisan wak tu, umur wak tu takde. Tak mahu macam itulah. (berdehem dan terbatuk).

(Tembual diberhentikan seketika kerana terdapat masalah teknikal.)

NRO: Apa pendapat wak mengenai bidang fotografi pada masa sekarang dengan dulu, adakah ada perbezaan nya?

MNK: Banyak berbeza, banyak perbezaan.

NRO: Dari segi apa?

MNK: Dalam segi, dia perkembangan manusia jugak manusia nie tidak mewarisi streotaip dia nak satu pembaharuan. Macam-macam jugak produk-produk yang baru di jana, baru di anuk tu menerusi fotografi lah, nak buat iklan. Jadi, iklan fotografi tu dia memang, memang hebatlah dan orang tak kenal----- . Jadi dia takkan- habis gitu aje [begitu sahaja], (berdehem). Jadi kreatif *production* [produksi] sama apa tu, kita punya fotografi ni sebagai yang nak mengiklan kan lah. Fotografi tadi boleh di- pelbagaikan lah, ada fotografi, ada macam itu, ada macam ini, ada *nature* [alam], ada apa kan. Jadi di situ kita kembang---- kan tadi. (berdehem). Pasai [kerana] cabaran itulah, (berdehem),

dah mudah.

NME: Nak tanya pendapat wak, sebelum seseorang tu memulakan perniagaan dalam bidang fotografi, apakah persiapan penting yang perlu mereka titik beratkan?

MNK: Fotografi-

NME: Ya, untuk orang yang baru nak mulakan dalam bidang fotografi.

MNK: Jadi nombor satu [1] dia mesti dia sudah----- nombor satu minat. Lepas tu dia sejauh mana kemampuan dia. Tapi sekarang dah mudah lah, digital lah semua dah ada di situ. Tak payah nak anuk. Jadi cuma dia nak *angle-angle* gambarlah, *angle* gambar, yang gambar-gambar, *social function* [majlis sosial] kan, macam pengantin atau ada—*function* [majlis], *function* tu macam ada majlis kerakyat, rakyat inikan, macam mana nak di gambarkan tadi tu. (berdehem). Dah- mula----- dia takde, dia takde fikir nak proses filem, nak cari apa kertas apa takde, cuma ambik gambar dah siap dia tengok mana tak betul itu ini, ambil lagi. E, mudah betul, mudah!

[Tokoh menyatakan bahawa jurugambar pada masa kini hanya perlu mengambil gambar dan tidak perlu memikirkan hal lain kerana kemajuan teknologi yang sedia ada, berbeza dengan pada masa dahulu.]

NRO: Okay seterusnya kami nak bertanyakan soalan mengenai pengalaman wak selama bekerja dengan artis.

MNK: Dengan artis, pengalaman, sama lah tu. Kenal-kenalan pasal apa dorang tu sensitif tak boleh nak suka yang ada anuk, jadi tulis yang baik-baik. Kalau memang nak tulis pon, tu jugak.

NRO: Ada tak artis yang paling rapat dengan wak? Atau kawan baik?

MNK: Uishh!

NRO: Sebagai contohnya?

MNK: Contohnya itu si L.Ramli [Ramli Bin Lazim], sampai wak jadi pengurus dia. Maria Bacho tu kawin depan dengan L.Ramli tu wak adalah. Nak kata, awak kata rapat tu rapat macam mana, tapi wak takde musuh. Haa tu *the- correct words* [kata yang betul]. Takde Lah rapat mana, takde. (berdehem). Takde apa (berdecik), boleh- tanyalah artis-artis yang lama kan.

NME: Saya nak tanya mengenai harapan Wak. Apakah nasihat Wak kepada generasi muda yang ingin berkecimpung dalam bidang fotografi?

MNK: Generasi sekarang nak meminati bidang fotografi, dia ya mempunyai etika lah. Bukan apa, kita hari-hari celik-celik mata dah terdedah dengan gambar-gambar ya, gambar menerusi media, dah ada gambar. Jadi, di situlah kita- cuba renungkan, kita fikirkan. Manusia berkembang, jadi kita ni nak masuk bidang tu yang mana, yang ada tu iyalah, atau ada sesuatu yang awak terfikir nak di- wujudkan, diadakan ataupun menambah baik lagi lah. Kalau setakat nak jadi jurugambar, dia jurugambar ni macam-macam, yang tidak ikut ni, jurugambar yang simple-simple lah, yang mudah dia taknak mikir yang susah-susah lah. Yang senang apa, *function*, ada majlis orang kahwin kan, takde mikir apa-apa lah, jadi gambar hantarlah. Jadi kalau nak jadi jurugambar yang di antara *challenger* [pencabar] tadi, jurugambar jugak tu. Jadi di situ kita kena mau ada kekuatan fizikal, mental tadi tu. Idea tadi tu. Kalau tidak kita, macam itulah *after sometime* [selepas beberapa masa], kita tak mampu nak *challenge* [cabar] orang tu,, itu yang kita *give up* [putus asa]. Mudah kita tukar----- . Jadi buang masa, buang masa ya buang masa dengan duit apanya. Jadi apa tak satu tu kita kembangkan atau kita harus mencipta sesuatu yang positif, yang membaiki keku- kekurangan yang belum lagi di implementasikan oleh apa-apa badan lah, yang boleh menampakkan fotografi itu patutnya macam ni, macam ni. Lepas tu buat, buat. Buat itu tadi yang awak katakan tadi tu. Mungkin akan datang awak boleh bikin satu [1] skrip yang *short* [pendek]. Jadi

mungkin akan datang banyak *situations* [situasi]. Jadi situ pulak dah ada situation kita, *situation* daripada Wak Nahar Gallery. Dah macam-macam produksi ada, awak punya skrip bentuk macam ini, tentang makanan yang apa. Awak tentang kemasyarakatan yang ada. Jadi dah ada----- . Jadi di situ kita harus membangunkan tadi, di situ nanti ramai orang dapat rezeki, dapat bekerja. Jadi wak nak itu- yang wak nak cakap. Supaya anuk, sekarang mana ada- memikirkan ----- berpuluh ribu satu [1] tahun kelulusan universiti, nak kemana?. Takkan asyik- nak kerja dengan Cina aje, kerja, mana syarikat dia, patut itu harus difikirkan. (terbatuk).

NME: Soalan yang kedua, apakah harapan wak dalam menjadikan bidang ini supaya ianya tidak dilupakan dek peredaran zaman?

MNK: Apakah yang disebutkan tadi ya?

NME: Apakah harapan wak supaya bidang ini tidak dilupakan?

MNK: Haa tu terserah pada diri kita, kalau kita ambik gambar yang simple-simple anuk orang tak berkenan [berminat] lah, tak kagum lah. Tapi dalam bidang wak ni, supaya ada yang boleh di kenang-kenangan, yang boleh ditinggal tinggalkan. Itulah buat buku-buku yang berbentuk biografi. Jadi di situ orang dapat belajar sejarah bahagian macam mana, dan di situ jugak sebagai (berdehem), talian hayat jurugambar ni adalah talian hayat. Jadi gambar-gambar lama ni nak keluar balik, talian hayat lah. Kalau tiada gambar macam mana nak cari kisah Dato' Sharif, macam mana rupa dia kan. Jadi di situ----- awak sekarang ni dah mengambik [mengambil] bahan-bahan wak ni, di situ semua *complete* [lengkap] dah, dengan gambarnya, dengan ceritanya sekali. (tertawa kecil) tadi tu. Jadi, (berdehem), juru- jurugambar macam tu lah mengisi keku----- ada lagi----- kalau kita gunakan *mindset* [minda] kita. Itu tadi wak dah ada bahan kan, semua dah ada dah. Itu dia jurugambar kena macam tu, dia kena jauh pergi. Jadi, awak jadi jurugambar, macam mana awak nak ambik gambar jauh tu, dia pakai *telephoto* [telefoto], jadi otak kita kalau awak pakai telefoto nak ambik gambar jauh supaya dekat, pakai 400mm [400 millimeter], otak awak pon begitu jugak. (tertawa). Jadi itu- dia, jurugambar ni kalau nak supaya jadi

kenang-kenangan tu ada sesuatu yang boleh----- pasal dia tiada lain, sejarah. Kita kumpulkan gambar-gambar atau *sometime* kita *backup* [sandaran] ajalah, sejarah. Ini kut-kut [mungkin] lah ini nanti membukak anuk rezeki, ramai menteri-menteri, menteri yang ada pada wak mungkin akan cari wak, gambar dia, sejarah dia. Kan dapat rezeki, mungkin wak akan panggil awak datang sini, membantu ni dapat sekupang dua kupang. Jadi, selalu anggap macam gitu. Jangan berhubung sekali, lepas tu dah habis macam tu. Tapi awak kena fikir macam mana supaya jadinya berkembang macam ni nanti aku boleh duduk kat sini. Lepas tu supaya wak dia tambah macam ni, jadi aku boleh buat- macam ni. Dia tiada, dia tiada macam membuat- suatu projek, akan datang. Jadi awak nampak pasal awak dah terdedah dengan ni, dengan segala-galanya tu. Jadi awak sorang tak mampu, jadi *combine* [gabung] kan. Ini bagus ni, jumpa dia, jumpa dia gini. Jadi wak dah *open*----- lah bagitahu semua. (berdehem). wak kalau tak anuk -----, wak tak macam ini, mungkin awak akan- *excel* [cemerlang] kan, jumpa dia, jumpa dia. Pasal top-top sana tu, kenal dah. ----- bagi dia mcam ni, macam ni, awak boleh singgah-singgah. (berdehem). Jadi itulah, jadi macam----- jadi mungkin awak terfikir, UiTM ni, asyik macam itu aje, lepas tu baru nak fikir, nak tinggal kat mana, nak apa. Jadi bagus ada satu [1] *sub-company* [syarikat kecil] yang boleh apa kan, *production* ke macam mana, yang boleh lompat je kerja situ. Ini yang anuk, harus mikir ke situ. Takdelah- nak bekerja dengan orang je. Itu yang wak bercakap dulu, dimana ratusan ribu graduan-graduan ni.

NRO: Apakah harapan wak terhadap kerajaan untuk memartabatkan bidang fotografi ini?

MNK: Kerajaan kurang peka tentang ialah----- kalau dalam nak buat- ni, depa banyak pergelandangan tak tahu di mana, masing-masing. Yang anuk nasib- patut orang-orang lama tadi patut yang ada pengalaman selama berpuluh tahun tadi, panggil. Jadikan satu [1] konvensyen apa, satu [1] pertemuan, okay kau buat ini----- apa yang ada dalam kepala kau. Jadikan satu kertas kerja. Berapa modal ini, engkau bangun balik dan juru- jurukamera akan datang (menepuk meja), ini sepatutnya kerajaan. Panggil orang-orang lama, takkan dia habis macam tu je, macam besi buruk. (berdehem). Orang lama-lama dia banyaklah pengalaman besar macam mana, dia- di situ mungkin dia tak tahu kat mana nak di luahkan. Ini makan- ini penghabisan ni, dia nak komen aje. (tertawa).

NME: Wak pernah terfikir, kalau suatu hari nanti, wak kalau boleh nak adakan kelas fotografi bagi generasi muda?

MNK: Wak tentang kelas, wak kurang ni-----. wak untuk bercakap yang macam ni insya-Allah. Wak, kerna itu *simple thing* [perkara mudah], tapi hala tuju tu yang macam mana. Baru di *follow* [diikuti] dengan dia punya praktikal lah macam mana ya, gambar yang macam mana, macam mana. Tapi dah ada dia punya *main* [utama] tadi apa dia, baru- nak di dilaksana. Jadi wak suka yang macam itu, wak tidak- praktikal, praktikal *yes* tapi, matlamat kat sana tadi tu, macam mana nak sampai ke sana. Jadi, apakah persiapan-persiapan. Tapi wak pernah bercakap dengan satu [1] majlis, Halatuju Fotografi, tapi takde sam butan lah, macam depa tak percaya pada diri dia, atau dia tak percaya pada wak. Tapi bila wak dah macam ni, depa gelabah. Jadi wak dipanggil lah, diraikan. Ini ada apa diraikan, dahtu dah dapat ni nak buat apa, kata buat ni. Ishh! *Wasting!* [membazir]. Takde makna, nak bawak bahan-bahan tu Wak nak tunjuk buktikan tu, wak sewa kereta lah, ----- . Jadi, depa sana tak tengok, macam sambil lewa je. Macam mana *you* nak *verify* [mengesahkan] orang punya kualiti, *you* takde kualiti, bukan benda-benda macam tu. “Apa wak tadi buat ni”. Tapi, cuba kalau kita pandai ni, wah konon-konon gini. Okay satu waktu, dia adakan satu [1] *Convocation Photographer* [Konvokesyen Jurugambar] di Malaysia, macam dekat [di] fakulti punya, pakai baju jubah-jubah lah. Sekali ada ----- ni kata, “mana wak Nahar ni tak keluar-keluar”, mengamuk dia. Patut Wak Nahar hadir, orang yang paling top di negara tau, orang yang paling lama ni. Mana dia, korang ni baru berapa hari. Bapak [bapa] engkau dulu pon wak Nahari yang *motivate* untuk ambik gambar. Itu yang terjadi. Jadi bila dia datang berjumpa wak, wak punya jawapan, ”eh awak salah orang punya-----, awak datang Bagan Datoh mana saya tahu”. Itu dia, itu wak punya jawapan. Pujuklah nangislah dua hari dua malam, wak takkan pergi. Wak tak suka macam tu, macam tu. Dah anuk baru anuk, wak takde. Kita mana ada praktikal, macam wak dituduh dengan pemuda UMNO ya, meniaga tadi. Menteri cakap jumpa di parlimen, “eh wak ini-”. Kita kata, “eh Dato’ salah orang ni. Ehh saya bukan wak lah”. Tapi jumpa bertepuk tampar macam takde gaduh, wak boleh. Wak boleh macam itu, tapi dia yang tak tahan. Bahan dia banyak pada wak, itu wak kata wak

ada juta. ----- ada masa penuh gambar ni, nak jalan pon susah. Jadi, menantu wak kata, “abah kena pindah kat luar lah, biar kita duduk sini”, dia kata. Tapi orang tanya kenapa wak ni tak beli kerusi yang mahal-mahal, sudah itu pergi dia.

NRO: Pada pendapat wak, apakah cadangan untuk membuka mata generasi muda mengenai bidang fotografi.

MNK: Oleh kerana sekarang ni sudah begitu moden, sudah begitu hebat dengan teknologi, nombor satu [1], itulah Facebook tu, hari-hari kita boleh di situ, memperdagangkan diri kita ni, apa bahan-bahan yang lain. Tapi yang wak tengok, banyak yang takde makna, masak je, makan je. (tertawa). Tapi itu yang awak berjumpa [terjumpa] wak punya Facebook mungkin, apa ni lain, Facebook lain, kerna wak ada berjuta gambar, sepuluh [10] tahun pon tak habis. Itu kadang, itu wak gunakan bahan gambar banyak, banyak bahan—rujukan. Aku bukan ----- gambar nak cerita macam-macam, aku ada gambar macam-macam. Jadi (berdehem), bila dah sampai ke tahap macam wak ni, kita dah boleh mengarang dah, *you* boleh cantumkan gambar ni, (sambil menunjuk gambar di atas meja), cantumkan dengan gambar L, semestinya dahjadi satu [1] cerita. *That is real photographer* [ini adalah fotografi sebenar]. *That's thereal top photographer* boleh cantumkan jadi satu cerita. Jadi, *how photography work* [bagaimana fotografi bekerja/berfungsi], fotografi *deliver* [disampaikan]. Kata orangsekeping gambar, lebih----- . Jadi dah ada Facebook, gunakan tiga [3] gambar je. *You willbe popular* [awak akan menjadi terkenal] lah, boleh mengarang dalam fotografi. Sikit jetulis ayat, orang akan berfikir, *yes lah!* (ketawa). Betul tak? Sampai tahap tu-. Wak Nahar sambil senyum boleh----- . Bukan hanya wak Nahar seorang yang macam tu. Wak hendaklahirkan ramai lagi yang top lagi daripada wak Nahar. Pasal wak yang----- awak yangnanti, tak kira pasal semua perempuan sekarang dah *come up* [datang] dah, tak semestinya lelaki. Kalau lelaki terhegeh-hegeh, banyak je *paralyzed*. Pasal dia tak bolehterima, perempuan banyak berganjak. Dulu tu, wak pergi parlimen, wak dilanggar olehjurugambar perempuan, tertonggeng wak. (tertawa). Dia ingat wak perempuan, *last-last* [akhirnya] wak dah jatuh dia pon datang tengok rupanya lelaki. (tertawa geli hati). Malu lah dia kan. (Terbatuk).

NRO: Okay baiklah, dengan ini tamatlah temubual sejarah lisan, sesi kedua mengenai Bidang Fotografi bersama wak Nahar Kamsani. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan, dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam Bidang Fotografi buat para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

RALAT

Semasa berlangsungnya sesi temu bual yang pertama dan kedua bersama-sama dengan Encik Mohamad Nahari Bin Kamdani, terdapat beberapa permasalahan yang tidak dapat dielakkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya ialah:

1. Bunyi kertas diselak oleh penembual
2. Bunyi batuk oleh tokoh
3. Rakaman terhenti disebabkan akibat kehabisan bateri.
4. Bunyi suara cucu tokoh.
5. Bunyi gema yang dihasilkan oleh mikrofon yang digunakan oleh penemubual dari permulaan sesi menemubual hinggalah tamat.
6. Bunyi kipas rumah tokoh
7. Bunyi kerusi
8. Bunyi ketukan meja oleh tokoh
9. Tokoh mengalami masalah kesihatan (semput)

RINGKASAN

Natasha Binti Mesri serta rakan penyelidikanya, Norzalina a/p Rozlan telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama-sama tokoh karyawan fotografi yang bernama Mohamad Nahari bin Kamdani, bertempat di teratak beliau iaitu di Selayang, Selangor dan juga merupakan tempat studio beliau juga iaitu Wak Nahar Gallery. Sesi temubual ini telah dijalankan sebanyak dua sesi kerana permasalahan bateri telefon kehabisan. Sesi temu bual yang dijalankan adalah selama 2 jam 12 minit. Sesi temubual pertama dijalankan pada hari Jumaat pada pukul 10.39 pagi hingga 11.30 pagi. Sesi temubual yang kedua dijalankan pada hari yang sama iaitu dimulakan pada pukul 12.29 tengahari hingga 1.40 petang.

Mohamad Nahari Bin Kamdani merupakan anak kelahiran Perak atau anak jati Perak yang berasal dari Bagan Datoh ini dilahirkan pada 11 April 1938 yang kini berusia 83 tahun. Beliau juga mempunyai keturunan Jawa Asli dan merupakan anak sulung dari sebelas orang adik beradik. Ibu bapa beliau telah meninggal dunia dan beliau lah yang menjadi ibu dan bapa kepada adik-beradik beliau. Tetapi salah seorang adik beliau telah meninggal dunia dan kini hanya tinggal sepuluh adik beradik. Beliau yang merupakan anak jati Perak telah bermula bergiat dalam bidang fotografi selepas beliau menghabiskan pembelajaran, kali pertama beliau berminat mengetahui mengenai fotografi apabila beliau ternampak seorang askar Jepun yang menangkap gambar di kampung beliau iaitu Bagan Datoh pada tahun 1946. Dari situ timbul lah minat wak untuk lebih mendalami dalam bidang fotografi hingga lah beliau telah menubuhkan satu galeri iaitu Wak Nahar Gallery yang kini beroperasi sebagai tempat studio.

Sesi temu bual merungkaikan bagaimana bermulanya karier beliau menjadi seorang jurugambar. Beliau juga telah menceritakan pengalaman beliau sepanjang menjadi jurugambar. Selain itu, prinsip-prinsip yang dipegang oleh beliau yang berlandaskan ajaran agama Islam amat membantu untuk mendapatkan hasil tangkapan yang kreatif. Setiap pengalaman yang dikongsikan amatlah menarik untuk diketahui oleh para penyelidik kerana penglibatannya dalam bidang fotografi selama 7 abad bersamaan 70 tahun.

Mohamad Nahari Bin Kamdani merupakan seorang yang sangat gemar berkongsi mengenai kehidupan beliau sebagai seorang jurugambar, tanpa meninggalkan sedikit perincian cerita. Oleh sebab itu, sesi temu bual tersebut telah berjalan dengan lancar. Alhamdulillah.

Temu bual sejarah lisan mengandung banyak perkara yang disentuh seperti pengalaman, cabaran dan pandangan beliau sebagai seorang karyawan yang sudah 7 abad. Perjalanan karier beliau sebagai seorang karyawan yang penuh dengan suka dan duka telah diceritakan dengan lebih terperinci dan ia amat membantu dalam memberi panduan kepada masyarakat umum dan para penyelidik yang akan datang.

LOG TEMUBUAL

Masa	Perkara	Catatan
TEMUBUAL SESI I		
4:26 - 7:26	Latar Belakang Diri	● Muhammad Nahari Kamdani (mengikut kad pengenalan) ● Dikenali sebagai Wak Nahar Kamsani ● Mempunyai keturunan Jawa ● Berasal dari Bagan Datoh, Perak ● Mempunyai sebelas adik beradik ● Anak yang sulung
6:52 - 6:58	Latar Belakang Pendidikan	● Sekolah Melayu Bagan Pasir, Bagan Datoh Perak
8:24 - 9:52	Latar Belakang Keluarga	● Saidah Binti Haji Salleh nama ibu beliau. ● Kamdani Bin Haji Abdul Manan

		nama beliau. • Isteri beliau telah meninggal dunia pada tahun 2020. • Mempunyai lima orang anak dan tujuh belas cucu.
13:45 - 14:13	Pekerjaan pertama.	• Sebagai jurugambar mengambil gambar advertising, mengambil gambar buku. • Pada tahun 1961 hingga tahun 1963, beliau telah bekerja sebagai <i>subtitle</i> di Singapura
13:45 - 14:13	Penglibatan dalam bidang ini (sebab)	• Peranan-peranan jurugambar yang menarik minat beliau yang menjadikan orang yang pertama dalam sesuatu perkara.

14:29 - 14:35	Tempoh masa dalam penglibatan fotografi	● Mempunyai wawasan untuk terlibat dalam bidang fotografi sejak tahun 1950 sampai 2021
16:26 - 17:15	Tempoh masa penghasilan untuk mendapatkan gambar berkualiti	● Memakan masa yang lama untuk mendapatkan gambar berkualiti terutamanya gambar warna hitam dan putih ketika itu ● Proses yang terlibat itu meningkatkan segi produktiviti.
17:16 - 17:32	Penglibatan dalam kelas	● Pernah terlibat dalam kelas yang dianjurkan oleh Malay Photography Singapura (Persatuan Jurugambar Melayu Singapura) ● Memanggil semua pensyarah-

		pensyarah yang profesional dalam memberi kuliah
17:41 - 18:58	Sumber inspirasi	● Majalah-majalah luar yang ada telah dijadikan sumber inspirasi beliau dalam bidang fotografi ini
20:33 - 21:41	Cabaran-cabaran yang dilalui sebagai jurugambar	● Untuk bersaing, meningkatkan kualiti, prestasi beliau dalam produk yang dilakukan. ● Menjadi penghubung diantara majalah Indonesia
22:31 - 23:39	Perbezaan cabaran sebelum dan selepas	● Cabaran amat berbeza sebelum dan selepas, ● Sekiranya kita leka, tidak berkembanglah kena mengembangkan juga cara pemikiran kita

25:23 - 26:52	Kemudahan mendapatkan peralatan fotografi	● Mudah untuk didapat dan semua peralatan yang diperlukan ● Diuruskan oleh anak beliau dalam memperoleh peralatan fotografi.
28:29 - 33:18	Prinsip dalam bidang fotografi	● Prinsip yang dipegang oleh beliau ialah apabila ingin melakukan sesuatu perkara, teruskan melakukan tanpa .
33:21 - 33:47	Bantahan dalam terlibat bidang fotografi	● Pernah menerima bantahan tetapi beliau berfikir setiap orang mempunyai cara pemikiran yang berbeza.
35:56 - 45:07	Penglibatan dalam organisasi-organisasi	● Mastika Filem pada tahun 1965 ● Persatuan Fotografi Melayu Singapura pada tahun 1966 ● 4PM

		● Majalah Gila-Gila 1977 hingga 1979 ● Majalah Lelaki pada tahun 1977 ● Majalah Bambino pada tahun 1977 ● Majalah Batu Api di antara tahun 1984 dan 1985 ● Yayasan Pahang dan ABIZA Group pada tahun 1990 hingga 1993
TEMUBUAL SESI II		
2:07 - 9:07	Permulaan karier dan cabaran dalam perkhidmatan	● Terlibat dengan Radio & Televisyen Singapura (RTS) pada tahun 1963 ● Penggubal sarikata ● Penyelia bahagian Melayu di RTS ● Cabaran menjadi wartawan, artis yang ingin di temubual tidak memberi kerjasama

		● Memerlukan pengalaman dan penguasaan bahasa yang baik ● Ditipu orang
12:44 - 14:10	Pengalaman bekerja dengan Mastika Publisher	● Seronok berkhidmat, tiada tekanan ● Perlu ada perancangan
15:35 - 1539	Menghasilkan beberapa naskah buku	● Kunang-Kunang ● Buku Bagan Datoh
17:28 - 18:40	Pengalaman semasa melibatkan diri dengan persatuan-persatuan di Singapura	● Merupakan salah seorang pengasas Persatuan Fotografi Singapura ● Membuat kerja amal ● Diawasi oleh kerajaan Singapura ● Menyertai Badan Kebajikan Khairat Kematian
24:20 - 24:32	Mempunyai galeri lain selain di Selangor	● Terletak di Bagan Datoh, Perak ● Menyimpan hampir 400 keping

		koleksi gambar
26:33 - 28:26	Pengalaman bersama Varia Pop	• Merupakan pengasas Varia Pop, tahun 1975 • Bermulanya penghijrahan semula ke tanah air, Malaysia, 1974 • Berpindah ke Johor Bahru • Barang penting hilang semasa proses berpindah (gambar-gambar semasa di Singapura di curi)
30:05 - 31:45	Pengalaman terlibat dengan Majalah Lelaki atau Bambino	• Cetakan pertama 4, 000 naskah habis dijual • Edisi ketiga, 7, 000 naskah habis dijual • Majalah Malaysia yang pertama mempunyai kualiti
35:28 - 35:49	Pengalaman bersama Yayasan Pahang dan ABIZA Group	• Berhasrat untuk menghasilkan Buku Pahang • Penerbitan Ensiklopedia

		Malaysiana (Ensiklopedia bahasa kebangsaan yang pertama diterbitkan), pada tahun 1996
41:26-43:44	Cabaran jurugambar yang berusia pada masa kini.	• Diri sendiri menjadi cabaran utama • Dicabar oleh orang yang sentiasa berfikir
43:49 - 44:38	Cara supaya jurugambar berusia dihargai di Malaysia	• Menghubungi pelanggan sendiri • Harus mencari sumber idea dari negara lain sebagai rujukan
45:58 - 46:10	Adakah bidang fotografi akan berkembang maju seperti bidang lain	• Bergantung kepada kreativiti jurugambar
49:49 - 50:48	Ilmu sebelum menceburi bidang fotografi	• Perlu tahu ilmu asas fotografi seperti angle dan pencahayaan.
50:47 - 51:17	Impak positif setelah menceburi bidang fotografi	• Dapat menerbitkan buku sendiri

		● Mendapat tawaran pekerjaan
54:19 - 54:50	Peruntukan kerajaan bagi bidang fotografi	● Tiada peruntukan disediakan
57:42 - 58:18	Persiapan sebelum memulakan perniagaan dalam bidang fotografi	● Minat ● Kemampuan ● Perlukan kemahiran
58:55 - 59:31	Pengalaman bekerja dengan artis	● Pernah menjadi pengurus kepada penyanyi A.Ramli
59:54 - 01:01:27	Nasihat kepada generasi muda yang ingin melibatkan diri dengan bidang fotografi	● Harus beretika ● Tahu hala tuju dalam bidang fotografi ● Kekuatan mental dan fizikal ● Jangan mudah putus asa
01:02:41 - 01:03:07	Harapan supaya bidang ini tidak dilupakan	● Jurugambar perlu kreatif untuk menghasilkan produk berkualiti ● Gambar merupakan talian hayat ● Belajar mengenai

		sejarah melalui gambar
--	--	---------------------------

KESIMPULAN

Konklusinya, melalui kajian ini kami dapat memperolehi maklumat mengenai seniman secara terus dan maklumat-maklumat ini tentunya berguna dan boleh dipercayai. Kajian ini juga merupakan satu peluang kepada para pelajar untuk merasai dan mengetahui tentang pentingnya sejarah lisan dalam kehidupan. Tambahan pula, maklumat-maklumat ini mengenai seseorang tokoh yang perlu diambil perhatian atas jasa dan usaha mereka menaikkan industri hiburan tanah air. Selain itu, melalui kajian ini juga kami dapat mempelajari cara serta prosedur untuk berurusan dengan orang luar secara profesional. Hal ini, sesungguhnya meninggalkan kesan baik kepada kami sebagai pelajar. Akhirulkalam, kajian ini amatlah penting serta penting bagi kita kerana ianya merupakan salah satu cara untuk mendapatkan serta mengumpul maklumat bagi rujukan pada masa akan datang.

Selain itu, kami juga dapat mempelajari serba sedikit mengenai makna sejarah lisan serta bidang fotografi terutamanya di dalam Malaysia. Fotografi dapat lihat sebagai satu bidang yang penting kerana melalui bidang ini kita dapat menghasilkan gambar-gambar yang mempunyai nilai terutamanya untuk rujukan pada masa akan datang. Gambar sememangnya mempunyai nilai yang tersirat di mana mungkin tidak penting untuk kegunaan semasa tapi amat penting pada masa akan datang terutamanya gambar-gambar yang dirakam semasa majlis rasmi, majlis kekeluargaan dan lain-lain. Melalui kajian ini, banyak perkara berkaitan fotografi dapat dipelajari.

GLOSARI

Perkataan	Maksud
Persatuan Artis Film Indonesia	Persatuan Artis Filem Indonesia atau singkatan nya PARFI telah ditubuhkan pada bulan Mac tahun 1956 dalam satu kongres yang diadakan oleh para pelakon dan pekerja film pada masa itu. Merupakan sebuah organisasi yang menaungi para seniman (artis), filem dari pelbagai profesion seperti pelakon, jurugambar, seni filem, penyunting gambar, seniman filem dan pengarah.
Bambino	Bambino iaitu salah satu Majalah Kanak-Kanak Nasional ynag awalnya diterbitkan oleh syarikat Penerbitan Suarasa pada tahun 1972 dan kemudian nya di sambung oleh penerbit besar negara ada masa itu, Creative Enterprise Sdn. Bhd. Merupakan bahan bacaan kanak-kanak padan era 80-an dan 90-an. Bambino memuatkan kisah komik, cerpen, cerita bersiri serta peraduan-peraduan melukis.
Majalah Gila-Gila	Diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1978 hasil Kerjasama beberapa orang kartunis hebat seperti Mishar, Jaafar Taib, Zainal Buang Hussein dan Azman Yusof. Mengambil inspirasi daripada daripada majalah MAD, sebuah majalah satira humor yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Edisi pertama berjaya dikeluarkan pada 1 April 1978.

Majalah Batu Api	Merupakan sebuah majalah terbitan Malaysia yang di pimpin oleh kartunis terkenal tanah air iaitu Mishar atau Mior Shariman Hassan setelah beliau meninggalkan Creative Enterprise Sdn. Bhd. Batu Api merupakan majalah humor yang lantang menyampaikan mesej mengkritis. Maskot yang digunakan bagi majalah ini ialah seorang lelaki bercermin mata hitam, bertopi serta berjaket seperti seorang penyiasat.
Radio & Televisyen Singapura	Bermulanya perkhidmatan televisyen yang pertama di Singapura. Dilancarkan 15 Februari 1963 dan ianya digabungkan dengan radio Singapura menjadi Radio & Televisyen Singapura. Idea untuk mewujudkan perkhidmatan televisyen ini didebatkan di Dewan Undangan Singapura pada tahun 1956 dan dipersetujui pada tahun 1961. Televisyen Singapura juga telah merakam detik penting semasa pengumuman pemisahan antara Singapura dan Malaysia serta pengisytiharan kemerdekaan oleh presiden pertama, Yusof Ishak. Dulunya sebagai alat penyiaran pemerintah dan kini menjadi sebuah stesen televisyen komersial yang dikenali sebagai MediaCorp TV.
Sijil Pelajaran Malaysia	Peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Usia purata pelajar semasa menduduki peperiksaan ini adalah 17 tahun iaitu semasa tingkatan 5. Ianya juga ujian peperiksaan terakhir bagi pelajar

	menengah atas. SPM juga merupakan syarat bagi pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Institusi Tinggi sama ada Institusi Pengajian Awam atau Swasta.
UiTM	Universiti awam yang berpusat di Shah Alam, Selangor. Ditubuhkan pada tahun 1956 bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar di Malaysia dan sebagai Pusat Latihan RIDA dengan hanya 50 orang pelajar pada masa itu. Dulunya dikenali sebagai Institusi Teknologi MARA dan kini sebagai Universiti Teknologi MARA. Terdiri daripada 1 kampus utama, 13 kampus negeri dan 34 kampus di seluruh Malaysia. Pengajaran sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.
UMNO	United Malays National Organisation atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu merupakan parti politik di Malaysia yang diasaskan pada 11 Mei 1946. UMNO dianggap sebagai parti nasionalisme Melayu atau ketuanan Melayu. Menurut perlembagaan parti, pertubuhan ini adalah untuk berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa serta agama dan negara. Ia juga memperjuangkan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.
Yayasan Pahang	Pelancaran Yayasan Negeri Pahang disempurnakan pada 29 September 1983 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Ibni

	Almarhum Abu Bakar Riayatuddin Muadzam Shah, yang merupakan Raja ketika itu. Misi utama penubuhan Yayasan Negeri Pahang adalah untuk membawa penambahbaikan dalam bidang pendidikan, sukan dan kebudayaan serta memanfaatkan peluang pendidikan dalam kalangan rakyat yang tinggal di negeri ini. Menteri Besar Pahang, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP., ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah. Dalam usahanya untuk mencapai misi dan visi, Yayasan Negeri Pahang telah menubuhkan anak syarikatnya – YP Plantations Holdings, Kolej Yayasan Pahang Education Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Kolej IKIP), Maahad Taafiz Negeri Pahang, YP Hevea Sdn Bhd dan YP Mining Sdn Bhd.
--	---

INDEKS

A

Angle, 54,58

F

Fotografi, 9, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 23, 24,25,27, 30,34,36,41,42,43,44,53,54,56,57,58,59,62,63,64

G

Gambar,

9,10,12,13,14,16,18,19,20,22,23,24,25,28,29,33,37,39,40,42,43,44,45,47,48,49,53,56,57,58,59,60,61,62,63

J

Jurugambar,9, 12,13,15,16,17,18,19,20,23,25,27,28,43,47,48,51,52,55,56,57,58,59,60,62,63

K

Kamera,9, 10,13,16,17,24,61,54

P

Photographer, 12,17,18,53,62,63

Photojournalism, 38,63

RUJUKAN

- A. (2017, April 20). *Berkomunikasi Visual dengan Media Fotografi*. Majalah Grafika Indonesia Print Media | Graphic Company Information & Communication Media. Retrieved December 29, 2021, from <https://www.indonesiaprintmedia.com/kilas-berita/568-berkomunikasi-visual-dengan-media-fotografi.html>
- Afrizal, A. (2021, October 2). *Pengertian Fotografi Materi Teknik Dasar Dan Jenis*. Pixel. Retrieved December 23, 2021, from <https://www.pixel.web.id/pengertian-fotografi/>
- Apakah maksud fotografi dalam Melayu?*. Educalingo. Retrieved December 26, 2021, from <https://educalingo.com/ms/dic-ms/fotografi/amp>
- Bab 7 : Asas Fotografi*. Izhar Syah. Retrieved December 26, 2021, from <http://fazizuledu3053.weebly.com/bab-7--asas-fotografi.html>
- Setiadi, T., Kom, S., & Kom, M. (2017). *Dasar Fotografi Cara Cepat Memahami Fotografi*. Penerbit Andi.
- Edu Pengenalan Fotografi*. Dokumen. Retrieved December 26, 2021, from <https://dokumen.tips/documents/pengenalan-fotografi-56a57b39aa5e5.html>
- Gil, A. (2020, April 29). *Pengertian Fotografi*. GilangAjip. Retrieved December 23, 2021, from <https://gilangajip.com/pengertian-fotografi/#:%7E:text=Pengertian%20Fotografi%20adalah%20adalah%20seni%20atau%20proses%20penghasilan,utama%20adalah%20bagaimana%20cara%20mendalami%20seni%20fotografi%20tersebut>

Gilloch, G. 2002. Pictures of the past: Benjamin and Barthes on Photography and History. *Europe Journal of Cultural Studies*. 5(5): 14.

Karyadi, B. (2017). *Fotografi: Belajar Fotografi*. NahlMedia.

Negara, D. J. K. *Fotografi Bukan Sekedar Cekrek!* Kementerian Keuangan Republik Indonesia. Retrieved December 29, 2021, from <https://www.djkn.kemenkeu.go.id/artikel/baca/13875/Fotografi-Bukan-Sekedar-Cekrek.html>

Sharif, N. H. M., & Profile, V. M. C. (2015, January 7). *Perkembangan Bidang Fotografi: Satu Pandangan*. Dr. Nadzri Photography. Retrieved December 29, 2021, from <https://nadzriphotography.blogspot.com/2015/01/perkembangan-bidang-fotografi-satu.html>

Tinjauan Literatur. (2020, August 11). Pascasiswazah. Retrieved December 23, 2021, from <https://www.pascasiswazah.com/tinjauan-literatur/>

LAMPIRAN



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM
BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORD MANAGEMENT**

**IMR 604
IMR604: ORAL DOCUMENTATION**

**PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN
TAJUK: BIOGRAFI KARYAWAN FOTOGRAFI
(MOHAMAD NAHARI BIN KAMDANI @ WAK NAHAR)**

**DISEDIAKAN OLEH:
NORZALINA A/P ROZLAN
2020872316
NATASHA BINTI MESRI
2020477076**

**PENSYARAH:
SIR JAFALIZAN BIN MD. JALI**

**TARIKH:
31 JANUARI 2022**

ISI KANDUNGAN

1.0PENGENALAN.....	90
1.1 PENDAHULUAN.....	90-91
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	91
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN.....	91-92
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	93
1.5 PERSOALAN KAJIAN.....	93
1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN.....	93-94
2.0 TINJAUAN LITERATUR.....	94-97
3.0 METODOLOGI.....	97-102
4.0 KESIMPULAN.....	103
5.0 RUJUKAN.....	104

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Fotografi merupakan satu bidang yang menjadi tunjang utama dalam Malaysia. Fenomena penggunaan fotografi bukan sahaja baru berlaku malah ia telah berlaku telah sejak dahulu zaman kala. Fotografi menjadi satu peranan yang dapat merakam sesuatu peristiwa yang boleh dijadikan satu wadah pernyataan hasrat, perasaan, membawa mesej dan maklumat yang berbeza berdasarkan pemahaman individu. Menurut GilangAjib, 2020 menyatakan bahawa fotografi ia merupakan satu proses penghasilan gambar dan cahaya yang terbentuk pada filem kamera. Sepertimana kita tahu bahawasanya maksud yang dibawa oleh kebanyakan sangat sama ertinya iaitu satu proses yang melukis dengan menggunakan cahaya, tetapi yang paling utama ialah bagaimana cara seseorang itu menangkap gambar dengan lebih kreatif.

Menurut Pixel, 2020 fotografi ia merupakan satu perkataan yang diambil dari Bahasa Inggeris dan Bahasa Yunani iaitu “photos” yang membawa maksud cahaya serta “grafo” pula ia membawa maksud kepada melukis. Mereka pun mengatakan perkara yang sama iaitu fotografi merupakan satu proses melukis yang dapat dilakukan dengan bantuan media cahaya. Disini ia dapat lihat bahawasanya sangatlah penting bagi seseorang jurugambar itu mempunyai satu imaginasi yang tinggi bagi menghasilkan sekeping gambar.

Foto ialah suatu media yang dapat digunakan oleh sebagai satu media pengajaran ia amat dikenali dalam mana-mana setiap kegiatan. Ada yang mengatakan bahawa foto ini amat membantu dalam proses kegiatan pengajaran kerana pelajar dapat menarik perhatian pelajar kepada isi kandungan subjek yang diajar dan dapat mengembangkan minat pelajar kepada subjek tersebut. Bukan sahaja, dengan penggunaan kegiatan Pendidikan malah ia juga dapat membantu dari bidang ilmu komunikasi.

Menurut IndonesiaPrintMedia, 2012 mengatakan bahawa fotografi dapat membantu untuk kita berkomunikasi secara visual. Dengan adanya teknologi kamera ini ia dapat membantu pengguna untuk beralih kepada kamera digital, agar dapat merakam momen-momen mereka. Dengan adanya fotografi ini, ia dapat juga merakam perkara yang benar, dan tepat dan dapat membentuk sebuah citra di dalamnya. Tidak juga lupa, fotografi dapat digunakan untuk dijadikan sebagai satu platform yang digunakan sebagai bahan publisiti untuk menyampaikan komunikasi dengan lebih bermanfaat agar gambaran itu dapat dijelaskan dengan lebih tepat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji berkenaan dengan bidang fotografi yang telah didalam oleh seorang tokoh karyawan fotografi. Tokoh tersebut ialah Mohamad Nahari Bin Kamdani. Beliau berumur 83 tahun dan beliau sudah bergiat dalam bidang ini selama 70 tahun. Penyelidikan ini dilakukan menggunakan kaedah temubual yang berlangsung selama 2 jam bagi menceritakan tentang penglibatan beliau dalam bidang ini.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menyelidik latar belakang beliau yang boleh digunakan bagi memasukkan maklumat tersebut di dalam transkrip. Sebagai contoh, latar belakang yang kami boleh kupaskan adalah latar belakang keluarga dan pendorong kepada beliau untuk terus bergiat dalam bidang ini selama 70 tahun.

Selain itu, ini kajian ini juga untuk menyelidik tujuan cabaran yang dihadapi beliau sebagai tokoh karyawan. Tokoh karyawan yang sudah terlibat selama 7 abad mempunyai pelbagai cabaran. Sebagai contoh, dapat mengetahui perbezaan di antara cabaran yang sebelum dan kini yang perlu dihadapi oleh beliau sebagai seorang karyawan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Isu yang dapat dikaitkan adalah pencapaian yang masih tidak jelas yang telah diperolehi oleh karyawan yang berada di Malaysia ini. Apabila tidak dikupaskan lebih dalam mengenai pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi malah ia barangkali dapat

permasalahan setiap jasa yang dilakukan oleh karyawan tersebut tidak dihargai. Kajian yang dilakukan adalah untuk lebih jelas lebih mendalam mengenai pencapaian karyawan sepanjang penglibatan beliau dalam bidang fotografi. mendapatkan bukti-bukti nyata seperti sijil penghargaan, trofi dan dokumen-dokumen lain agar ia dapat dikongsi bersama para pembaca. Isu yang dapat dikaitkan juga ialah untuk lebih jelas lagi mengenai tentang latar belakang seniman serta ahli keluarga nya agar ia maklumat yang lebih terperinci dapat dikongsikan bersama para pembaca dan tepat melalui individu itu sendiri.

Isu yang dapat dikaitkan apabila kajian ini tidak dilakukan adalah kerana kurangnya pendokumentasian. Apabila perkara sebegini ini berlaku dalam kalangan para penyelidik ini akan memberi impak kepada generasi mudaa kerana mereka tidak akan lebih terbuka atau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang ini iaitu fotografi. Perkara ini haruslah dititikberatkan kerana ia dapat membuka mata generasi muda untuk tidak hanya mempunyai pengetahuan yang secara am sahaja tetapi secara khusus juga. Oleh ini permasalahan tersebut dapat dielakkan dengan adanya lebih pendokumentasian mengenai karyawan yang masih giat dalam bidang fotografi ini. Kajian ini dijalankan untuk mengenali serta mengkaji dengan lebih mendalam tentang karyawan berkenaan supaya maklumat ini dapat disampaikan kepada masyarakat luar. Hal ini kerana, seperti yang kita lihat, masyarakat hari ini lebih mengagumi tokoh-tokoh luar berbanding tokoh tanah air kerana kurangnya pendedahan serta maklumat mengenai karyawan tanah air.

Akhir sekali, apabila kurang pendokumentasian, generasi muda juga tidak dapat mengenal pasti cabaran yang pernah dihadapi oleh tokoh sepanjang terlibat dengan bidang fotografi di Malaysia. Isu yang ingin dikaji menerusi kajian ini ialah tentang bagaimana karyawan ini menguruskan dirinya untuk kekal relevan dalam bidang fotografi daripada dahulu sehingga ke hari ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Mengkaji latar belakang karyawan.
- Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi bermulanya kerjaya sebagai jurugambar dari dahulu sehingga sekarang.
- Mengetahui kejayaan dan anugerah yang diperolehi sepanjang menjadi seorang karyawan fotografi.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- Bagaimana beliau boleh bergiat aktif dalam bidang fotografi untuk tempoh 7 abad?
- Bagaimana beliau boleh menguruskan masa dan mendapatkan kemahiran untuk terus kekal dalam bidang fotografi sehingga hari ini?
- Bagaimana beliau boleh memulakan kerjaya sebagai jurugambar di Singapura sebelum berkhidmat di tanah air?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan bidang fotografi ini kita dapat lihat bukan sahaja terhadap negara, organisasi, masyarakat, industri seni akan tetapi ianya dapat di lihat terhadap individual. Menurut Nadzri Mohd Sharif dan rakan sekenanya, fotografi secara umumnya adalah medium paparan yang penting untuk merakam potret, peristiwa, seni bina dan persekitaran. Fotografi juga merupakan satu medium untuk mengkaji dan mempelajari sejarah kerana kandungan setiap gambar adalah sejarah kerana ia menunjukkan masa asal imej yang sentiasa pada masa lalu ke masa di mana ia dilihat. (Gilloch, 2002).

Selain itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat kerana melalui kajian ini, mereka dapat mempelajari serba sedikit mengenai bidang fotografi seperti sejarah perkembangan fotografi, maksud fotografi, kepentingan bidang fotografi, asas dan kemahiran dalam bidang fotografi dan lain-lain. Perkara ini penting untuk dijadikan sebagai sumber ilmu pengetahuan buat para pembaca serta penyelidik kerana kebanyakan daripada kita tidak peka terhadap perkara ini.

Kajian ini juga memberi kesan positif serta sumbangan kepada kita terutamanya rakyat Malaysia kerana melalui kajian ini kita akan menghargai tokoh-tokoh tanah air

yang telah memajukan serta menaikkan industri tanah air di mata dunia. Selain itu, kajian ini penting kerana, melalui kajian ini kami akan memperolehi maklumat yang sahih mengenai tokoh, seperti yang kita sedia maklum, pada hari ini kebanyakan maklumat boleh didapati melalui carian di laman web namun begitu tidak semua maklumat yang disediakan adalah tepat dan boleh dipercayai kerana terdapat sumber yang tidak sah atau diragui. Jadi melalui kajian ini kami akan menyediakan segala maklumat mengenai karyawan dengan tepat dan boleh dipercayai serta boleh dijadikan sebagai rujukan para pembaca.

Sumbangan kajian ini juga melibatkan individu terutamanya bagi mereka yang mempunyai minat mengenai bidang fotografi. Seperti yang kita dapat lihat, pada hari ini terdapat ramai yang menunjukkan bakat mereka dalam bidang fotografi melalui hantaran gambar dan video di sosial media, akan tetapi ada beberapa perkara yang kurang walaupun dengan minat yang mendalam itu. Contohnya, kurangnya asas fotografi serta teknik-teknik penting dalam bidang ini. Oleh itu, melalui kajian ini individu yang meminati bidang ini dapat mempelajari sesuatu ilmu baru yang boleh diadaptasikan dalam kehidupan seharian mereka.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Menurut *Kamus Educalingo*, fotografi ialah suatu proses untuk menghasilkan gambar melalui tindakan cahaya. Pola-pola cahaya yang dipancarkan atau dipancarkan oleh objek-objek yang dirakamkan pada perantaraan peka atau cip storan melalui pendedahan tempoh tertentu. Proses ini dilaksanakan melalui peranti-peranti mekanik, kimia atau digit yang dikenali sebagai kamera. Perkataan fotografi berasal daripada *Greek* iaitu *phos*, *graphis* dan *graphe* yang memberi maksud *pelukisan dengan cahaya* atau *lukisan*. Secara tradisi, hasil daripada fotografi dipanggil sebagai *gambar foto*. Dalam fotografi digit, istilah *imej* telah wujud dan menggantikan *gambar foto*.

Berdasarkan laman web Kementerian Keuangan Republik Indonesia, penghasilan foto bukanlah satu perkara yang mudah kerana terdapat beberapa aspek yang perlu dipelajari untuk mendapatkan hasil gambar yang bagus. Laman web ini juga menyatakan bahawa, menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*, fotografi dimaksudkan sebagai

seni dan penghasilan gambar dan cahaya pada film atau permukaan yang dipekakan. Sementara itu, menurut Ansel Adams, fotografi adalah media yang mempunyai ekspresi dan sebagai alat komunikasi yang memberikan pelbagai persepsi dan interpretasi yang tiada batasan.

Menurut Dr. Maizurah Omar (2001), visual berfungsi dalam meningkatkan ketahanan ingatan, menimbulkan respon emosi, memperkayakan pembacaan dan bahan demonstrasi. Ia berperanan sebagai alat penyampai maklumat. Oleh demikian, fenomena ini telah mewujudkan penggunaan fotografi di dalam kelas yang mana ianya berperanan untuk merakam peristiwa yang boleh digunakan sebagai wadah pernyataan hasrat, perasaan, dan memberi mesej berbeza berdasarkan fahaman individu. Justeru itu, seseorang jurugambar harus mempunyai daya imaginasi serta kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan gambar yang berkualiti. Foto adalah sesuatu yang membolehkan manusia menggunakan deria mata untuk melihat dan mampu meningkatkan ingatan manusia pada tahap 30%. Penggunaan foto di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dan memainkan peranan kerana ianya dapat memberi daya tarikan kepada para pelajar untuk menumpukan perhatian semasa di dalam bilik darjah.

Menurut Izhar Shah melalui EDU 3053, topik ke-tujuh (Sejarah Perkembangan Fotografi), fotografi dan kamera diciptakan menerusi. Pada awalnya, perkembangan fotografi lebih tertumpu kepada proses penciptaan dan penambahbaikan terhadap sistem kamera itu sendiri. Pada era itu juga, fungsi gambar foto tertumpu kepada untuk merekod sesuatu dan ianya tidak dianggap sebagai satu karya seni visual sepertimana seni lukisan atau seni arca pada waktu itu. Artis visual pada waktu itu berpendapat bahawa karya foto yang dihasilkan oleh kamera bukan dengan kemahiran tangan seseorang jurufoto. Oleh itu, mereka tidak menerima karya foto sebagai satu karya seni. Ada sesetengah pihak beranggapan bahawa aliran fotografi dan gaya Pictorialism tidak menampilkan identiti sebenar fotografi dan tidak menggunakan sepenuhnya kekuatan yang ada pada media fotografi. Sekumpulan jurufoto yang tidak bersetuju dengan Pictorialism telah menubuhkan satu kumpulan yang diberi nama sebagai *Group f/64* dimana Ansel Adams adalah salah seorang ahlinya.

Pada tahun 1932, kumpulan ini telah mengadakan pameran fotografi pertama mereka sebagai usaha untuk memperjuangkan idea *straight photography* yang telah menjadi asas kepada seni fotografi dan telah dipraktikkan sehingga hari ini. Pada sekitar abad ke-20, satu aliran yang dikenali sebagai Pictorialism telah diperkenalkan sebagai asas seni fotografi dalam usaha untuk menjadikan fotografi diterima sebagai satu karya seni pada zaman itu. Jurufoto Pictorialism telah memanipulasikan foto yang dirakam bagi menghasilkan foto dengan gaya yang seakan-akan lukisan. Seorang tokoh, Alfred Stieglitz juga telah memperjuangkan fotografi untuk diterima sebagai satu karya seni pada waktu itu.

Menurut Triyono, 2016 terdapat banyak jenis-jenis kamera yang perlu diketahui, Jenis-jenis kamera yang terdapat seperti kamera studio, kamera EFP, Kamera Film Elektronik, Kamera Film Khusus. Handycam atau Kamera Video 8, Kamera VHS atau Video 16 dan sebagainya. Setiap kamera yang digunakan terdapat fungsi-fungsi tertentu, tidak semua kamera berkongsi fungsi-fungsi yang sama. Kamera studio yang dimaksudkan sini ialah kamera seringkali digunakan oleh mana-mana studio iaitu lebih fokus pada kegunaan indoor untuk memproduksi sebuah program.

Selain itu, kamera EFP, kamera ini sering digunakan oleh stadium-stadium rumah produksi dalam ruangan yang hampir sama jenis dengan kamera studio. Manakala kamera film elektronik ialah satu kamera yang merakamkan dengan cepat, kamera film khusus ia lebih kurang sama seperti kamera bawah air, yang dibentuk dan dibuat khusus untuk sesuatu tujuan tertentu.

Menurut Bambang Karyadi, 2017 melalui penulisan buku Fotografi:Kenali Fotografi mengatakan bahawa terdapat banyak unsur-unsur utamayang perlu diketahui apabila terlibat dalam bidang fotografi ini iaitu sumber cahaya, objek atau subjek, cahaya yang dipantulkan objek atau subjek dan kamera. Di sini, menunjukkan bahawanya cahaya merupakan elemen yang paling terpenting. Cahaya bukan sahaja terdiri pada satu tetapi terdiri kepada dua iaitu cahaya semula jadi dan buatan. Cahaya semulajadi yang

dimaksudkan adalah matahari manakala cahaya buatan seperti lilin, obor, api anggun dan sebagainya. Manakala, objek yang dimaksudkan adalah benda yang menerima daripada salah satu cahaya tersebut. Semakin banyak cahaya yang diterima oleh subjek maka ia akan menjadi semakin jelas benda itu terlihat atau sebaliknya. Cahaya yang dipantulkan yang oleh subjek juga memainkan peranan dalam fotografi ini, kerana pantulan yang dibawa dapat memberi atau membentuk gambaran atau lukisan oleh objek atau subjek.

3.0 METODOLOGI

- Kaedah yang kami akan gunakan ini memerlukan kami untuk menemuramah tokoh tersebut sebanyak dua kali. Untuk kali pertama kami akan menemu ramah tokoh bagi mengumpul data-data atau gambar-gambar trofi yang dapat dilampirkan di transkrip. Kami juga akan bertanya beberapa soalan seperti soalan mengenai keluarga tokoh dan sebagainya. Bagi aktiviti temuramah yang kedua, kami akan lebih fokus pada soalan-soalan yang lebih mendalam mengenai kerjaya tokoh tersebut sebagai karyawan fotografi yang cukup dikenali ramai. Kedua-dua aktiviti menemuramah akan dilakukan secara bersemuka.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

- Kaedah yang digunakan adalah kaedah sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan satu kaedah yang memerlukan penyelidik untuk merekod setiap percakapan yang diucapkan oleh seniman itu. Setiap ucapan atau percakapan yang diucapkan oleh tokoh tersebut akan direkod dan akan ditulis semula setiap ucapan itu untuk dimasukkan ke dalam transkrip. Selain itu, kaedah yang digunakan untuk melengkapkan sejarah lisan ini ialah rakaman audio visual. Rakaman audio visual ini amat penting bagi mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan. Perkara ini atau kaedah ini amat penting kerana bagi mengelakkan kesilapan sebarang maklumat yang dimasukkan ke dalam transkrip.

Proses temubual juga digunakan dalam kaedah ini, dimana ianya terbahagi kepada dua iaitu temubual awal dan temubual sebenar. Kedua-dua jenis temubual ini

mempunyai maksud yang berbeza dari segi matlamat dengan perkara yang hendak dicapai oleh penyelidik. Secara keseluruhannya, temubual awal akan dilakukan secara bebas iaitu tanpa mengikut skema soalan dan kebiasaannya dilakukan bagi membiasakan atau mencipta satu keserasian antara penyelidik dengan peserta yang ditemubual. Hal ini kerana bagi membiasakan diri dengan keadaan dan persekitaran. Serta, bagi mengelakkan gangguan yang tidak sepatutnya berlaku semasa proses temubual sebenar berlangsung. Proses temubual awal ini juga tidak hanya akan berlaku sekali, malah ia boleh terjadi beberapa kali sehingga maklumat yang didapati cukup dan jelas. Soalan-soalan yang akan ditanya akan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

3.2. PESERTA KAJIAN

- Peserta kajian ini dipilih kerana tokoh ini dipilih atas kredibiliti beliau dan pengalaman beliau dalam bidang fotografi. Terlalu banyak perkara yang dapat dikongsikan selama penglibatan beliau dalam bidang fotografi yang merupakan satu bidang yang cukup gah di mata dunia. Tokoh ini juga telah banyak bekerjasama dengan syarikat penerbitan di Singapura dan di Malaysia. Oleh itu, berminat untuk tahu apa potensi yang syarikat luar dan syarikat di Malaysia nampak pada tokoh sehingga tokoh ini menjadi rebutan antara syarikat penerbitan yang wujud di Singapura dan Malaysia pada zaman dahulu. Tokoh ini juga merupakan salah seorang pengasas dalam Persatuan Fotografi Melayu di Singapura. Anugerah yang diterima oleh beliau juga telah menarik minat untuk kami temubual dengan tokoh. Dengan umurnya yang semakin meningkat, semangat beliau yang tidak pernah luntur membuatkan berminat untuk tahu dengan lebih dalam siapa yang mendorong sehingga beliau tidak kenal apa itu maksud putus asa.

Tambahan lagi, peserta kajian juga dipilih oleh kerana berdasarkan tajuk permasalahan yang telah ditekankan oleh penyelidik iaitu dalam bidang fotografi. Tajuk permasalahan yang diutarakan sangat lah menarik bagi tujuan dikaji dan diselidik lebih mendalam kerana fotografi ini juga merupakan satu bidang yang juga membantu kepada kewangan atau lebih padan iaitu dalam ekonomi negara .

Dalam kajian ini ia membuktikan bahawa semua maklumat yang ingin dikupas adalah sangat relevan ini kerana peserta kajian telah terlibat dalam bidang ini selama 70 tahun.

Jadi ia dapat disimpulkan bahawasanya peserta kajian yang dipilih sangat memenepati dengan kriteria-kriteria yang diperlukan oleh penyelidik. Peserta kajian yang dipilih adalah seorang karyawan fotografi. Encik Mohamad Nahari bin Kamdani atau lebih mesra di sapa sebagai Wak Nahar Kamsani. Wak Nahar Kamsani merupakan anak kelahiran Malaysia berketurunan Melayu-Jawa. Gelaran sebagai Nahar Kamsani diperolehi daripada seorang anggota polis yang dikenali beliau semasa di Singapura. Sejak dari itu, Wak Nahar Kamsani menggunakan nama tersebut sebagai nama timbangan atau panggilan nya termasuk di media sosial beliau. Wak Nahar Kamsani merupakan seorang karyawan veteran dalam bidang fotografi kerana sehingga hari ini beliau telah melibatkan diri dalam bidang fotografi selama 70 tahun, dan mula terlibat sejak berusia 16 tahun. Wak Nahar Kamsani merupakan anak kelahiran Perak yang dilahirkan pada tanggal 08 April 1938 dan mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Badang Pasir sehingga darjah enam. Seterusnya, Wak Nahar Kamsani melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris Singapura pada 17 Februari 1955. Setelah itu, Wak Nahar Kamsani meneruskan kehidupan nya di Singapura selama 20 tahun sebelum kembali ke tanah air. Sumber inspirasi untuk melibatkan diri dalam bidang fotografi ialah apabila Wak Nahar Kamsani melihat seorang tentera membawa kamera dan mengambil fotonya. Wak Nahar Kamsani berasa teruja setelah melihat dirinya di dalam foto tersebut dan semenjak itu, beliau berminat untuk melibatkan diri dalam bidang fotografi. Semasa di Singapura, beliau juga bergiat aktif dengan menyertai beberapa persatuan seperti Persatuan Pemuda Singapura dan Persatuan Fotografi Singapura. Wak Nahar Kamsani juga telah mendapat beberapa tawaran kerja di Singapura seperti editor surat di bawah naungan Radio & Televisyen Stesen (RTS) pada tahun 1963 hingga 1965 sewaktu bermulanya ciptaan televisyen dan ini juga merupakan pekerjaan pertama beliau. Seterusnya, melibatkan diri dengan syarikat pembuatan majalah seperti Majalah Lelaki, Majalah Batu Api serta Varia

Pop sebelum kembali ke tanah air. Setelah tibanya di Malaysia, Wak Nahar Kamsani meneruskan kerjayanya di Johor Bahru pada tahun 1974 sebagai jurugambar. Di antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah semasa mengiringi Tunku Abdul Rahman membuat persediaan sebelum ke Kota London untuk memeteraikan kemerdekaan buat tanah air. Wak Nahar Kamsani juga pernah bertugas sebagai pengurus artis veteran Malaysia iaitu L.Ramli. Selain menjadi seorang jurugambar, beliau juga terlibat dengan kerja-kerja penerbitan buku dan ensiklopedia. Wak Nahar Kamsani juga merupakan salah seorang individu yang terlibat dengan penghasilan ensiklopedia pertama yang menggunakan bahasa kebangsaan (Bahasa Melayu). Sehingga hari ini, Wak Nahar Kamsani masih melibatkan diri dengan bidang fotografi dan telah membangunkan sebuah studio yang diberi nama sebagai “Wak Nahar Gallery” yang terletak di kediaman nya di Batu Caves, Selangor. Hal ini adalah untuk memudahkan nya melakukan kerja dan tugas

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

- **Prosedur mengumpul data.**

Prosedur pengumpulan data ini adalah merupakan langkah-langkah yang teratur, tersusun dan jelas tentang cara-cara data kajian ini akan dikumpulkan bagi dijadikan satu maklumat yang lengkap dan jelas. Terdapat dua peringkat pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ini merupakan data utama yang diperoleh terus daripada sumber maklumat. Dalam hal ini data primer akan diperoleh melalui proses temubual peserta kajian. Data primer ini juga merupakan data yang sangat penting dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan tidak diolah. Kemudian, data sekunder. Data sekunder ini merupakan data yang melengkapi atau diolah dan boleh didapati dari bahan bercetak yang saling berkaitan dengan penyelidikan ini.

Seterusnya, bagi mengumpulkan data, proses temubual akan dijalankan bersama-sama peserta kajian atau tokoh bagi mendapatkan maklumat primer. Proses temubual ini terbahagi kepada dua iaitu temubual awal dan temubual sebenar. Proses temubual awal ini akan dilakukan beberapa kali sebelum diteruskan dengan proses temubual sebenar.

Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan gangguan yang tidak sepatutnya berlaku sepanjang proses temubual sebenar yang akan berlangsung seperti bunyi bising dan gangguan- gangguan lain yang dapat merosakkan proses temubual

- ***Platform yang akan digunakan***

Kami tidak menggunakan sebarang platform untuk menemuramah tokoh.

Kami menemu ramah beliau secara bersemuka. Temuramah ini dilakukan atau dijalankan di rumah beliau iaitu di Selayang. Kami menelefon beliau dan menghubungi melalui media sosial iaitu Whatsaap untuk menetapkan tarikh yang boleh kami lakukan temuramah tersebut.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

PROSES MENEMUDUGA TOKOH	TARIKH PROSES						
	13 Oktober	14 Oktober	1 November	6 November	20 November	26 November	31 Janauri
Pemilihan Tokoh							
Kelulusan daripada pensyarah berkenaan pemilihan tokoh							
Menghubungi Tokoh							
Surat Penyelidikan dan Surat Perjanjian							
Menyediakan soalan menemu duga							
Menemu duga tokoh (Preliminary)							
Menemuduga tokoh							
Transkrip (Siap)							

4.0 KESIMPULAN

Konklusinya, melalui kajian ini kami dapat memperolehi maklumat mengenai seniman secara terus dan maklumat-maklumat ini tentunya berguna dan boleh dipercayai. Kajian ini juga merupakan satu peluang kepada para pelajar untuk merasai dan mengetahui tentang pentingnya sejarah lisan dalam kehidupan. Tambahan pula, maklumat-maklumat ini mengenai seseorang tokoh yang perlu diambil perhatian atas jasa dan usaha mereka menaikkan industri hiburan tanah air. Selain itu, melalui kajian ini juga kami dapat mempelajari cara serta prosedur untuk berurusan dengan orang luar secara profesional. Hal ini, sesungguhnya meninggalkan kesan baik kepada kami sebagai pelajar. Akhirulkalam, kajian ini amatlah penting serta penting bagi kita kerana ianya merupakan salah satu cara untuk mendapatkan serta mengumpul maklumat bagi rujukan pada masa akan datang.

5.0 RUJUKAN

- A. (2017, April 20). *Berkomunikasi Visual dengan Media Fotografi*. Majalah Grafika Indonesia Print Media | Graphic Company Information & Communication Media. Retrieved December 29, 2021, from <https://www.indonesiaprintmedia.com/kilas-berita/568-berkomunikasi-visual-dengan-media-fotografi.html>
- Afrizal, A. (2021, October 2). *Pengertian Fotografi Materi Teknik Dasar Dan Jenis*. Pixel. Retrieved December 23, 2021, from <https://www.pixel.web.id/pengertian-fotografi/>
- Apakah maksud fotografi dalam Melayu?*. Educalingo. Retrieved December 26, 2021, from <https://educalingo.com/ms/dic-ms/fotografi/amp>
- Bab 7 : Asas Fotografi*. Izhar Syah. Retrieved December 26, 2021, from <http://fazizuledu3053.weebly.com/bab-7--asas-fotografi.html>
- Setiadi, T., Kom, S., & Kom, M. (2017). *Dasar Fotografi Cara Cepat Memahami Fotografi*. Penerbit Andi. *Edu Pengenalan Fotografi*. Dokumen. Retrieved December 26, 2021, from <https://dokumen.tips/documents/pengenalan-fotografi-56a57b39aa5e5.html>
- Gil, A. (2020, April 29). *Pengertian Fotografi*. GilangAjjip. Retrieved December 23, 2021, from <https://gilangajip.com/pengertian-fotografi/#:%7E:text=Pengertian%20Fotografi%20adalah%20adalah%20seni%20atau%20proses%20penghasilan,utama%20adalah%20bagaimana%20cara%20mendalami%20seni%20fotografi%20tersebut>
- Gilloch, G. 2002. Pictures of the Past: Benjamin and Barthes on Photography and History. *European Journal of Cultural Studies*. 5(5): 14.
- Karyadi, B. (2017). *Fotografi: Belajar Fotografi*. NahlMedia.

Negara, D. J. K. *Fotografi Bukan Sekedar Cekrek!* Kementerian Keuangan Republik Indonesia. Retrieved December 29, 2021, from <https://www.djkn.kemenkeu.go.id/artikel/baca/13875/Fotografi-Bukan-Sekedar-Cekrek.html>

Sharif, N. H. M., & Profile, V. M. C. (2015, January 7). *Perkembangan Bidang Fotografi: Satu Pandangan*. Dr. Nadzri Photography. Retrieved December 29, 2021, from <https://nadzriphotography.blogspot.com/2015/01/perkembangan-bidang-fotografi-satu.html>

Tinjauan Literatur. (2020, August 11). Pascasiswazah. Retrieved December 23, 2021, from <https://www.pascasiswazah.com/tinjauan-literatur/>

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohamad Bahari b. Khandan K/P: _____ pada
26/11/21 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh) Mohamad Bahari b. Khandan
Tarikh: 26/11/21

(Nama penyasarah) _____
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

SURAT PENYELIDIKAN

www.uitm.edu.my		Fakulti Pengurusan Maklumat									
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA											
Surat Kami	600-FPM (5/2/1)										
Tarikh	25 November 2021										
Mohamad Nahari Bin Kamruni ST 10 Jalan 11 Seteyang Pandang, Setengor Darul Ehsan, 68100 Batu Caves, Selangor											
Tuan,											
MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK											
Perkara di atas adalah dirujuk.											
2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari program Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Rekod Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Biografi Seniman Veteran.											
3. Tugas ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" atau Pendokumentasian Lisan (IMR 604) .											
4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-											
<table border="1"><thead><tr><th>NAMA</th><th>NO. PELAJAR UiTM</th><th>NO. TEL.</th></tr></thead><tbody><tr><td>Norzalina a/p Rozlan</td><td>2020872316</td><td></td></tr><tr><td>Natasha Binti Mesri</td><td>2020477076</td><td></td></tr></tbody></table>			NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.	Norzalina a/p Rozlan	2020872316		Natasha Binti Mesri	2020477076	
NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.									
Norzalina a/p Rozlan	2020872316										
Natasha Binti Mesri	2020477076										
5. Untuk rujukan pihak tuan, bersama-sama ini dilampirkan beberapa objektif terasbual berkaitan projek penyelidikan ini:											
* Mengkaji latar belakang karyawan. * Mengetahui sebab-sebab dan pengalaman yang dilalui sepanjang menjadi seorang karyawan dalam bidang fotografi. * Mengetahui kejayaan dan anugerah yang diterima sepanjang menjadi seorang karyawan dalam bidang fotografi.											
Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.											
Sekian.											
Yang benar,											
JAFALIZAN BIN MD. JALI Pensyarah Kanan b.p. Dekan											
Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana 40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148 Faks: (+603) 7962 2007 Web fpm.uitm.edu.my											
 ISO 9001:2015 No. SQA 10120138 UiTM di hati											

ZAMAN PERSEKOLAHAN DI SINGAPURA



Rajah 1: Wak Nahar dan rakan-rakan di Sekolah Inggeris Singapura

ALAM PEKERJAAN



Rajah 2: Wak semasa bekerja dengan Mastika Publisher



Rajah 3: Wak semasa bekerja dengan Mastika Publisher



Rajah 4: Wak dan rakan Persatuan Pemuda Pemudi Singapura



Rajah 5: Wak bersama rakan Persatuan Pemuda Pemudi Singapura



Rajah 6 : Wak semasa bekerja dengan Varia Pop



Rajah 7: Wak bersama rakan kerja di ABIZA Group



Rajah 8: Wak bersama rakan artis, A.Ramli



Rajah 9: Wak bersama rakan artis, Datuk Sharifah Aini



*Rajah 10: Gambar bersama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Perdana Menteri Malaysia yang pertama*



Rajah 11: Majlis Pelancaran Buku Sarawak

TOKOH DAN KELUARGA




Rajah 12: Wak dan isteri semasa alam percintaan



Rajah 13: Perkahwinan Wak dan isteri tercinta



Rajah 14: Di Hari Pernikahan Wak dan pasangan



Rajah 15: Sijil Nikah Wak dan pasangan



Rajah 16: Wak dan isteri tercinta



Rajah 17: Anak-anak Wak semasa kecil



Rajah 18: Anak-anak Wak semasa kecil



Rajah 19: Anak-anak Wak semasa kecil



Rajah 20: Wak sekeluarga



Rajah 21: Anak-anak Wak bersama pasangan masing-masing

PENCAPAIAN



Rajah 22: Sijil Penghargaan sebagai "Professional Photographer"



Rajah 23: Trofi Amugerah Buku Negara



Rajah 24: Pingat Penghargaan

PERALATAN



Rajah 25: Koleksi kamera tokoh

SESI TEMU BUAL



Rajah 26: Sesi temubual bersama tokoh

SENARAI SOALAN

1.0 Latar belakang diri :

- 1.1 Nama penuh wak?
- 1.2 Siapa yang memberi nama wak?
- 1.3 Adakah nama wak mempunyai maksud tersendiri?
- 1.4 Mengapakan menggunakan gelaran “wak”?
- 1.5 Adakah wak mempunyai keturunan Jawa?
- 1.6 Jika bukan seorang photographer, apakah cita-cita wak?
- 1.7 Berapakah bilangan adik beradik wak?
- 1.8 Anak keberapa?
- 1.9 Dimanakah wak bersekolah dahulu?
- 1.10 Bolehkah kami tahu siapa yang menanggung perbelanjaan wak?

2.0 Latar belakang keluarga:

- 2.1 Boleh kami tahu nama ibu dan ayah?
- 2.2 Berapa orang bilangan anak?
- 2.3 Adakah anak wak juga terlibat dengan bidang fotografi?

3.0 Kemenjadian:

- 3.1 Adakah wak mempunyai banyak persaingan dalam bidang fotografi?
- 3.2 Mengapakah wak memilih untuk menceburi bidang dalam bidang ini?
- 3.3 Berapa lamakah wak mengambil masa untuk menceburi bidang ini?
- 3.4 Adakah wak hendak menjadi bidang ini turun temurun?
- 3.5 Adakah bidang ini mendorong wak untuk meningkat lagi daya pasaran?
- 3.6 Untuk mendapatkan hasil yang berkualiti adakah wak mengambil masa yang lama?
- 3.7 Adakah wak tidak pernah menghadiri mana-mana kelas?
- 3.8 Bolehkah kami tahu siapakan sumber inspirasi wak?
- 3.9 Siapakah memberi semangat untuk terus dalam bidang ini?
- 3.10 Apakah cabaran-cabaran yang wak hadapi dalam bidang fotografi ini?
- 3.11 Pada pendapat wak adakah cabaran sebelum dan sekarang ini berbeza?
- 3.12

- 3.12 Adakah proses mendapatkan gambar yang berkualiti merumitkan wak?
- 3.13 Adakah wak menerima bantahan semasa ingin melibatkan diri dalam bidang ini?
- 3.14 Dalam bidang fotografi dulu dan sekarang macam ada perbezaan, macam mana wak belajar benda baru?

4.0 Peralatan-peralatan fotografi:

- 4.1 Adakah peralatan yang diingini dalam bidang ini mudah didapati di Malaysia
- 4.2 Berapakah anggaran kos untuk mengambil gambar?

5.0 Prinsip

- 5.1 Apakah prinsip yang wak pegang untuk kekal dalam bidang fotografi ini?

6.0 Kenangan

- 6.1 Yang merupakan kenangan paling yang wak pernah cerita – hampir dibunuh oleh ular kapak itu ke?
- 6.2 Itu merupakan kenangan yang paling wak tak boleh lupakan sepanjang dalam bidang ini?

7.0 Organisasi-organisasi

- 7.1 Bolehkan wak terangkan satu-satu mengenai organisasi itu?
- 7.2 Apa organisasi yang wak terlibat selain Mastika Publisher?
- 7.3 Berapa organisasi yang wak terlibat apabila berada di Singapura?
- 7.4 Berapa organisasi yang wak terlibat apabila berada di Malaysia?

8.0 Pengalaman semasa melibatkan diri dengan setiap organisasi

8.1 Mastika Publisher

- 8.1.1 Apakah pengalaman semasa berkhidmat dengan Mastika Publisher?
- 8.1.2 Ada tak kenangan manis atau pahit semasa berkhidmat dengan Mastika Publisher?

8.2 Persatuan Fotografi Singapura

8.2.1 Apakah pengalaman serta kenangan pahit atau manis semasa melibatkan diri dengan Persatuan Fotografi Singapura?

8.2.2 Apakah inspirasi penubuhan persatuan ini?

8.3 Varia Pop

8.3.1 Apakah pengalaman sepanjang berkhidmat dengan Varia Pop?

8.3 Majalah Lelaki atau Bambino

8.4.1 Apakah kenangan pahit atau manis sepanjang berkhidmat dengan Majalah Lelaki atau Bambino?

8.4.2 Waktu ini wak menjadi rebutan lah?

8.5 Yayasan Pahang dan ABIZA Group

8.5.1 Apakah pengalaman sepanjang berkhidmat dengan Yayasan Pahang?

8.5.2 Siakah Dato' Sharif?

8.5.3 Apakah pengalaman pahit atau manis sepanjang melibatkan diri dengan ABIZA Group?

8.6 Pengalaman sepanjang bekerja dengan artis

8.6.1 Apakah pengalaman wak sepanjang berkhidmat dengan artis?

8.6.2 Siakah artis yang paling rapat dengan wak? atau sahabat baik wak dalam kalangan artis?

9.0 Pendapat, harapan dan cadangan

9.1.1 Adakah sukar untuk bekerja di bahagian marketing?

9.1.2 Apakah cabaran dalam bidang fotografi?

9.1.3 Pada pendapat wak, apakah yang perlu dilakukan supaya jurugambar seusia wak dihargai di Malaysia?

9.1.4 Pada pendapat wak, adakah bidang fotografi juga akan berkembang maju seperti bidang lain?

9.1.5 Pada pendapat wak, bagaimanakah cara untuk supaya bidang fotografi ini kekal penting dalam negara, Malaysia?

- 9.1.6 Adakah wak rasa wajar, sekiranya anak muda yang ingin menceburi bidang fotografi ini perlu mengasah bakat dan menimba ilmu terlebih dahulu sebelum mencuburinya?
- 9.1.7 Apakah impak positif yang wak rasakan sepanjang penglibatan dalam bidang ini?
- 9.1.8 Adakah impak positif itu menjadikan wak bersemangat untuk terus melibatkan diri dengan bidang ini?
- 9.1.9 Apakah pendapat wak mengenai peruntukan kerajaan bagi bidang ini?
- 9.1.10 Apakah pendapat wak mengenai bidang fotografi dulu dan sekarang? Apakah ada perbezaan?
- 9.1.11 Perbezaan dari segi apakah itu?
- 9.1.12 Pada pendapat wak, apakah persiapan penting yang perlu dititikberatkan oleh seseorang yang ingin memulakan perniagaan dalam bidang fotografi?

9.2 Harapan

- 9.2.1 Apakah nasihat wak kepada generasi muda yang ingin berkecimpung dengan bidang fotografi?
- 9.2.2 Apakah harapan wak dalam menjadikan bidang ini tidak dilupakan dek peredaran zaman?
- 9.2.3 Apakah harapan wak terhadap kerajaan dalam memartabatkan bidang ini?
- 9.2.4 Adakah wak pernah terfikir untuk mengadakan kelas fotografi kepada generasi muda?

9.3 Cadangan

- 9.3.1 Apakah cadangan wak untuk membuka generasi muda terhadap bidang ini?

DIARI PENYELIDIKAN

Tarikh	Keterangan	Proses
14 Oktober 2021	- Kami telah memilih En. Wan Hanafi Wan Su sebagai tokoh seniman veteran dan pemilihan tokoh ini telah mendapat persetujuan dari penasihat kami iaitu En. Jafalizan Md. Jali. - Pada tarikh ini, kami juga telah mendapatkan nombor telefon beliau dari cucu saudara beliau iaitu Nik Nurhani Nadhirah. Natasha menugaskan Norzalina untuk menghubungi beliau dan berurusan dengan beliau.	SIAP
17 Oktober 2021	- Norzalina menghubungi Encik Wan Hanafi untuk meminta persetujuan bagi menjalankan kajian lisan. - Tokoh bersetuju.	SIAP
24 Oktober 2021	- Norzalina menghubungi semula Encik Wan Hanafi untuk mendapatkan nombor WhatsApp anak beliau, supaya lebih mudah dihubungi. - Meminta dokumen seperti sijil penghargaan daripada tokoh. - Perbincangan mengenai tarikh sesuai untuk mengadakan temubual awal bersama tokoh.	SIAP
26 Oktober 2021	Pada Tarikh ini, Natasha menanyakan pendapat mengenai seniman <i>backup</i> iaitu Delimawati, Kazar dan Mat London kepada penasihat kami. Penasihat kami bersetuju untuk kami terus menghubungi En.Kazar dan Puan Delimawati.	SIAP
28 Oktober 2021	Natasha menghubungi En. Jafalizan dengan menggunakan platform <i>WhatsApp</i> untuk menanyakan surat penyelidikan dan	SIAP

	mendapatkan <i>approval</i> bagi objektif kaji yang telah kami lampirkan di dalam surat itu.	
7 November 2021	• Norzalina menghubungi balik En Wan Hanafi untuk meminta email anaknya. • Tokoh menolak untuk menerima surat kebenaran penyelidikan. • Anak masih belum pulang ke rumah.	SIAP
9 November 2021	• Setelah mendapat nombor telefon tokoh <i>backup</i> kami iaitu Delimawati dan Kazar dari Encik Pian yang merupakan pekerja syarikat produksi, Natasha terus menghubungi dahulu Puan Delimawati menerusi WhatsApp • Tetapi, Puan Delimawati tidak memberi apa-apa respond dan hanya membaca sahaja mesej kami.	SIAP
10 November 2021	• Natasha menghantar WhatsApp pada En.Kazar pada kedua-kedua nombor telefon tetapi tidak memberi apa-apa respon. Natasha memaklumkan pada Norzalina untuk mendapatkan pendapat sama ada perlu terus menghubungi En. Kazar. Norzalina meminta Natasha untuk terus menghubungi En Kazar untuk tahu kata putus dari beliau.	SIAP
11 November 2021	• Natasha menghubungi En Kazar untuk tahu dengan lebih lanjut sama ada beliau setuju atau tidak untuk ditemu ramah, malangnya En Kaar mengatakan terlalu ramai yang menghubungi beliau dan kami terpaksa untuk mencar tokoh lain. • Pada hari yang sama, Natasha juga telah mendapatkan nombor telefon En. Khir yang merupakan Presiden Profima.	SIAP

	● Natasha terus menghubungi En.Khir untuk mendapatkan persetujuan dari En. Khir sama ada beliau setuju untuk kami jalankan temuramah Bersama beliau. ● Kami juga berbincang mengenai soalan preliminary yang ingin ditanya pada En.Wan Hanafi. ● Pada pukul 11:22 pagi, En. Khir telah membalas Whatsapp Natasha dan bersetuju dan beliau meminta untuk kami lakukan sesi temuramah itu pada hari Rabu pada pukul 2:00 petang	
12 November 2021	● Natasha meminta tolong pada Norzalina bertanya pada En.Jafalizon mengenai sesi temuramah En. Khir yang akan dijalankan tidak lama lagi.	SIAP
13 November 2021	● Natasha menghubungi Kembali En.Khir untuk meminta alamat untuk diletakkan pada surat penyelidikan atau kebenaran yang akan diberi pada beliau. ● Pada waktu ini , setelah Natasha mendapatkan maklumat alamat Natasha bertanya pada En.Khir samada surat ini boleh diberi melalui WhatsApp atau emel beliau, tetapi beliau tidak memberi sebarang kata putus dan tidak membalas mesej Natasha.	SIAP
14 November 2021	● Natasha menghubungi En.Jafalizon untuk bertanyakan mengenai isi surat penyelidikan yang perlu diberi kepada En.Khir.	SIAP
15 November 2021	● Pada waktu ini, En. Jafalizon bertanya kepada setiap kumpulan sama ada projek kami berjalan lancar atau tidak.	

	● Kami juga menghubungi En.Jafalizon melalui WhatSapp sekiranya kami ada masalah dengan tokoh-tokoh seniman, kami ingin meminta supaya tema bebas tapi masih dalam konsep kesenian. En.Jafalizon memberi kata putus dan memberi kebenaran kami untuk melakukan tema bebas. ● Pada yang sama, Norzalina dan Natasha juga telah melakukan beberapa pencarian mengenai tokoh kraftangan, seni warisan dan sebagainya.	SIAP
16 November 2021	● Natasha sudah menyiapkan surat penyelidikan En.Khir dan membuat penambahan terhadap soalan yang akan ditanyakan pada En. Wan Hanafi Su. ● Norzalina juga telah menghubungi En.Wan tetapi En.Wan tidak menjawab panggilan setelah dihubungi sebanyak dua kali. ● Tidak lama kemudian, En.Wan menelefon Kembali Norzalina, dan beliau telah memberi dua Tarikh untuk kami lakukan preliminary. Tarikh yang diberi ialah samada 18 November dan 22 November 2021. Norzalina telah memilih tarikh 18 November 2021. ● Setelah selesai menghubungi En.Wan, kami memberi soalan kepada En.Jafalizon untuk diperiksa. ● Tidak lama kemudian, En.Jafalizon memberi komen kami pun lalu membuat pembetulan yang perlu dilakukan terhadap soalan preliminary tersebut.	SIAP

17 November 2021	● Norzalina menghubungi En.Wan, dan beliau memberi respon untuk melakukan sesi temuramah tersebut pada pukul 3 petang. ● Anak kepada En.Wan juga telah menghantar mesej melalui WhatsApp kepada Norzalina untuk tahu soalan yang ingin ditanyakan (Perbincangan Norzalina dan anak beliau berjalan selama 1jam iaitu dari pukul 9:40 malam sehingga 10:40 malam) ● Malangnya, tokoh gagal memberi kerjasama setelah kami memaklumkan pada beliau kami ingin lakukan sebanyak dua kali temuramah sedangkan sebelum ini beliau bersetuju untuk lakukan dua kali. Ketidakerjasama tidak dapat dielakkan oleh kerana beliau mempunyai rakaman. ● Pada malam itu, Natasha memberi mesej pada En.Jafalizan untuk memaklumkan pada En. Jafalizan mengenai masalah ini. ● Lalu, En. Jafalizan memberi cadangan untuk kami lakukan mengenai karyawan fotografi iaitu Wak Nahar Kamsani. ● En. Jafalizan memberi masa kepada kami sama ada bersetuju atau tidak untuk menemuramah Wak Nahar Kamsani.	SIAP
18 November 2021	● Pada pukul 9:00 pagi, Natasha telah menghubungi En.Khir untuk mengetahui kata putus dari beliau tetapi beliau tidak juga memberi respon kepada mesej tersebut.	

	● Kami juga telah membuat keputusan untuk mengambil Wak Nahar Kamsani sebagai tokoh kami. ● Kami melakukan beberapa pencarian mengenai Wak Nahar Kamsani. dan menyiapkan soalan preliminary mengenai beliau.	SIAP
21 November 2021	● Natasha menghubungi En.Jafalizan untuk menanyakan sama ada sesi temuramah bersama Wak Nahar Kamsani masih akan dijalankan atau tidak. ● En.Jafalizan menyuruh kami untuk menghubungi Wak . ● Norzalina menghubungi Wak, menerusi WhatsApp tetapi tidak dibalas. Jadi Norzalina mengambil Langkah untuk terus menelefon Wak. ● Tidak lama kemudian Wak bersetuju untuk di temu bual. Natasha terus menyampaikan berita ini kepada En. Wak. ● Kami memilih untuk melakukan temuramah ini pada dua hari iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu. ● Cadangan hari telah diberi oleh Norzalina tetapi En.Jafalzian tidak bersetuju dan mengharapkan kami untuk lakukan pada Khamis dan Sabtu.	SIAP
23 November 2021	● Norzalina menghubungi Wak dan memberi Tarikh kepada wak. Akhirnya wak bersetuju untuk melakukan temu ramah pada hari dan Tarikh yang diberi. ● Norzalina menghubungi Kembali wak untuk menanyakan pada jam berapa untuk kami	SIAP

	melakukan sesi pertama kali temu ramah dan wak menyatakan pada pukul 10:00 pagi.	
	● 24 November 2021 sehingga 27 November 2021 (Kami bergerak ke Selangor dan menginap di hotel yang berdekatan dengan rumah wak)	SIAP
25 November 2021	● Pada pukul 10 pagi kami telah pergi ke teratak wak untuk melakukan sesi pertama temuramah iaitu suai kenal Bersama beliau. ● En.Jafalizan juga berada Bersama kami dan menolong kami untuk mendapatkan beberapa maklumat. ● Pada waktu ini terdapat banyak bahan yang telah ditunjukkan oleh tokoh terutamanya bahan-bahan gambar yang telah ditangkap selama menjadi seorang fotografi. ● Kami juga bertanya beberapa soalan mengenai diri beliau dan mengambil beberapa gambar yang penting untuk dilampirkan di dalam transkrip. ● Pada jam 11:30 pagi kami menghentikan sesi suai kenal atas alasan tokoh ingin mengambil cucu beliau di tadika ● Kami pun pulang dan kami juga telah berbincang mengenai Tarikh yang bersesuaian untuk melakukan temu ramah akhir Bersama wak. Perbincangan ini dilakukan Bersama En.Jafalizan. ● Kami juga telah menunjukkan beberapa soalan akhir yang kami tanyakan pada tokoh terhadap En.Jafalizan.	SIAP

26 November 2021	● Pada Tarikh ini, kami telah pergi ke rumah wak buat kali kedua untuk mendapatkan beberapa bahan ● Kami juga telah mengambil keputusan untuk melakukan sesi temuramah untuk menanyakan soalan <i>orientation</i> dan <i>common</i>. ● Sesi temuramah dijalankan selama 48 minit. Dengan adanya masa yang terluang kami juga sambung melakukan temuramah selama 1 jam 12 minit untuk bertanyakan mengenai pengalaman dan sebagainya.	SIAP
------------------	--	-------------